Pertanika

MAHAWANGSA

VOL. 5 (1) JUN 2018

PERTANIKA JOURNALS

Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu

Pertanika *MAHAWANGSA* (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)

Latar Belakang

Pertanika merupakan jurnal berwasit antarabangsa yang berfungsi sebagai medium penerbitan dan perbincangan isu pertanian tropika serta bidang berkaitan. *Pertanika* memulakan penerbitan pertama pada 1978 sebagai *Journal of Tropical Agricultural Science*. Pada 1992, *Pertanika* diselaraskan kepada tiga jurnal berasingan, iaitu *Journal of Social Sciences & Humanities* (JSSH), *Journal of Tropical Agricultural Science* (JTAS) dan *Journal of Science and Technology* (JST) sebagai memenuhi keperluan jurnal yang lebih khusus dalam bidang pengajian. Pengasingan ini memberikan ruang tumpuan yang khusus terhadap kekuatan bidang yang pelbagai di universiti. Pada 2013, siri terbaharu dalam *Pertanika* telah diwujudkan, iaitu Pertanika *MAHAWANGSA* (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu). Siri jurnal ini lebih tertumpu kepada bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu. Pertanika *MAHAWANGSA* diterbitkan dalam bahasa Melayu, dua kali setahun, iaitu pada Jun dan November dan dibuka kepada pengarang dari seluruh dunia

Matlamat

Menyebarluaskan penyelidikan berkualiti tinggi kepada umum.

Kualiti

Pertanika menyasarkan kecemerlangan melalui profesionalisme dalam penerbitan. Keputusan penerimaan makalah dijamin dalam tempoh 14 minggu. Masa diambil daripada serahan makalah kepada penerbitan untuk artikel adalah dalam purata 5-6 bulan.

Indeks Petikan

Pengetahuan dan pengalaman penerbitan selama 33 tahun telah melayakkan siri terbitan Pertanika diindeks dalam *SCOPUS (Elsevier), Thomson (ISI) Web of Knowledge [CAB Abstracts], EBSCO, DOAJ, ISC, MyAIS* dan *Rubriq*.

Visi

Pertanika akan terus mempertingkatkan kandungan, khidmat penyelidikan dan capaian arkib jurnal kepada umum. Pertanika berusaha merealisasikan wawasan baharu yang akan memberikan manfaat kepada ahli akademik dan masyarakat umum. Kemunculan medium atas talian menjadi pemacu utama sebaran berita penyelidikan terkini untuk pembaca Pertanika.

Skop dan Matlamat

Matlamat Pertanika *MAHAWANGSA* adalah untuk menjadi peneraju utama dalam bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu merentas disiplin. Kandungan penulisan boleh berbentuk konseptual, teoritikal, empirikal, sejarawi, dan sebagainya dalam kerangka kebahasaan, kesusasteraan, pendidikan, kebudayaan dan warisan Melayu. Ranah pengajian mestilah meliputi alam Melayu dan diaspora Melayu.

Kenyataan Redaksi

Pertanika ialah jurnal rasmi Universiti Putra Malaysia. Singkatan untuk Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu ialah Pertanika *MAHAWANGSA*.

Sidang Editorial

2013-2018

Ketua Editor
Arba'ie Sujud
Kesusasteraan Bandingan, Stilistik, Kesusasteraan dalam Multimedia
Universiti Putra Malaysia

Editor Bersekutu I
Mohd Zariat Abdul Rani
Teori dan Kritikan Sastera
Universiti Putra Malaysia

Editor Bersekutu II
Muhd Zulkifli Ismail
Bahasa dan Kesusasteraan Arab
Universiti Putra Malaysia

Anggota Sidang Editorial

Arndt Graf, *Linguistik dan Bahasa Melayu,* Goethe-University Frankfurt, Germany.
Barbara Watson Andaya, *Pengajian Sejarah Alam Melayu,* University of Hawai'i, USA.
Che Ibrahim Salleh, *Linguistik Terapan dan Tatabahasa Melayu,* Universiti Putra Malaysia.
Deddy Mulyana, *Komunikasi antara budaya*, Universitas Padjadjaran, Indonesia.
Ezhar Tamam, *Komunikasi antara Budaya, Pembangunan Belia dan Komunikasi*, Universiti Putra Malaysia.
Halis Azhan, *Penulisan Kreatif, Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja*, Universiti Putra Malaysia.
Hashim Musa, *Sosiolinguistik, Falsafah Bahasa, Manuskrip Melayu dan Tulisan Jawi*, Universiti Putra Malaysia.
Mohamad Mokhtar Abu Hassan, *Kesusasteraan Melayu Moden,* Universiti Malaya.
Noriah Mohamed, *Bahasa Melayu dan Linguistik*, Universiti Sains Malaysia.
Osman Bakar, *Falsafah Sains, Peradaban dan Pemikiran Islam*, Universiti Brunei Darussalam.
Syed Farid Alatas, *Sosiologi Pengajian Masyarakat dan Budaya Melayu*, National University of Singapore.
Wu Zong Yu, *Bahasa, Sastera dan Pengajian Melayu*, Beijing Foreign Studies University, China.
Zaharani Ahmad, *Bahasa Melayu dan Linguistik,* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ketua Editor

Pertanika *MAHAWANGSA* (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu),
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia
Tel: +603-9769 3714
E-mel: mahawangsa@upm.edu.my
Laman Sesawang: http://www.mahawangsa.upm.edu.my

Penerbit

Penerbit Universiti Putra Malaysia
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia
Tel: +603 8946 8855, 8946 8854 • Faks: +603 8941 6172
E-mel: penerbit@upm.edu.my
Laman Web : http://penerbit.upm.edu.my

© 2018 Penerbit Universiti Putra Malaysia. Hak Cipta Terpelihara.

Corak dasar : PUCUK REBUNG
Variasi : PUCUK REBUNG BUAH PADI
Filosofi : *Pucuk rebung buah padi*
Tanda hidup mengenang budi
Sebarang kerja akan menjadi
Ilmu banyak dada berisi

Keterangan Warna
Emas : Mercu Kegemilangan
Ungu : Warisan Peradaban Melayu

Adaptasi daripada:

Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau

Penulis: Abdul Malik, Tenas Effendy, Hassan Junus dan Auzar Thaher

Terbitan: BKPBM dan Adicita, Yogjakarta Indonesia

MAHAWANGSA
(Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)

Vol. 5 (1) Jun. 2018

Kandungan

Makalah

Cabaran Dan Usaha Pengekalan Identiti Etnik Bumiputera Siam
Rozmalina Izwanita Mohamed, Lee Yok Fee, Sarjit Singh A/L Darshan Singh dan Mohd. Fauzi Fadzil 389

Emosi Dalam Lagu Bertemakan Hari Raya Aidil Fitri
Hishamudin Bin Isam dan Mohammad Haris Abd Aziz 399

Pemerolehan Dan Penguasaan Leksikal Bahasa Melayu Kanak-Kanak India Di Prasekolah
Gayatri A/P Marimothu dan Rohaidah Kamaruddin* 413

Perbezaan Jantina, Tahap Pengetahuan dan Penerimaan Penggunaan Peta Pemikiran *i-Think* dengan Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua Pelajar Etnik Bidayuh
Zamri Mahamod dan Christine Linsah 423

Unsur Eufemisme Dalam Dialog Novel Songket Berbenang Emas
Nur Azimah Abdul Aziz @ Mohd Salleh, Halis Azhan Mohd Hanafiah dan Roslina Abu Bakar 435

PERTANIKA JOURNALS

MAHAWANGSA

Laman sesawang: http://www.mahawangsa.upm.edu.my/

CABARAN DAN USAHA PENGEKALAN IDENTITI ETNIK BUMIPUTERA SIAM

Rozmalina Izwanita Mohamed[1*], Lee Yok Fee[1], Sarjit Singh A/L Darshan Singh[1] dan Mohd. Fauzi Fadzil[2]

[1]*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan*

[2]*Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan Dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan*

ABSTRAK

Identiti merupakan simbol yang penting dalam menonjolkan keunikan ciri-ciri budaya sesebuah kelompok etnik, di samping menjadi kayu ukur yang membezakan kumpulan etnik terutama kepada golongan minoriti. Identiti mampu mengukuhkan kedudukan sesebuah etnik dalam masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan agama. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sejauh manakah proses identifikasi etnik bumiputera Siam di Kampung Jambu sebagai orang Siam; menganalisis sejauhmanakah cabaran yang dihadapi oleh etnik bumiputera Siam dalam mengekalkan identiti etnik dan; menentukan sejauhmanakah usaha-usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka sebagai orang Siam di Malaysia. Seramai sembilan orang informan berketurunan Siam telah terlibat dalam kajian yang dijalankan di Kampung Jambu, Tumpat Kelantan. Data telah dikumpulkan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh budaya barat, pertukaran agama dan kekurangan minat dalam kalangan generasi muda menjadi cabaran kepada etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti. Usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka ialah melalui pengekalan seni bina, penubuhan sekolah bahasa Siam dan sambutan perayaan setiap tahun. Arus globalisasi tidak mengubah simbol identiti etnik bumiputera Siam sebaliknya diperkukuh dengan usaha yang pelbagai oleh komuniti etnik bumiputera Siam.

Kata kunci: identiti, masyarakat Siam, kajian kes, kebudayaan, keagamaan.

Challenge and Effort of Identity Recognition of Bumiputera Siam Ehtnic

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

rozmalinaizwanita@gmail.com (Rozmalina Izwanita Mohamed)

leeyokfee@upm.edu.my (Lee Yok Fee)

sarjit@upm.edu.my (Sarjit Singh A/L Darshan Singh)

unitedasian_idea@yahoo.com.my (Mohd. Fauzi Fadzil)

*Penulis penghubung

ABSTRACT

Identity is an important symbol in highlighting the uniqueness of certain ethnic cultural characteristics, besides being a measuring tool that differentiates ethnic groups especially to minorities. Identity have the ability to strengthen the position of

ISSN: 2289-7259 © Penerbit Universiti Putra Malaysia

an ethnic in a multi-ethnic and multi-religious society such as Malaysian society. Hence, this study was conducted to identify the extent of the ethnic identification process of the Siamese bumiputera in Kampung Jambu; to analyze the extent of the challenges faced by Siamese ethnic in maintaining ethnic identity and; determine the extent of the efforts undertaken by Siamese ethnic to maintain their identity as Siamese in Malaysia. A total of nine Siamese informants were involved in this study conducted at Kampung Jambu, Tumpat Kelantan. Data were collected qualitatively using interview and observation methods. The findings show that influences of western cultural, religion exchanges and lack of interest of the younger generation are a challenge for the Siamese ethnic to maintaining thier identity. The efforts made by Siamese ethnic to maintain their identity are through the retention of architecture, the establishment of Siamese language schools and the celebration of the anniversary celebration. The current globalization does not change the symbol of Siamese ethnic identity but instead they are strengthening thier efforts towards maintaining Siamese ethnic identity among thier communities.

Keywords: Identity, Siamese community, Case studies, Culture, Religious.

PENGENALAN

Malaysia ialah sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang etnik yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India serta kumpulan etnik lain termasuk etnik bumiputera Siam. Antara etnik minoriti yang kurang mendapat pendedahan ialah etnik bumiputera Siam. Jumlah etnik ini adalah sangat kecil iaitu hanya 60 000 daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia. Jika dilihat jumlah etnik ini yang tinggal di negeri Kelantan pula, jumlah mereka ialah seramai 13,000 orang penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Perdagangan, penyebaran agama dan penjajahan merupakan faktor yang membentuk kepelbagaian etnik di alam Melayu. Kepelbagian ini menjadi asas kepada pembentukan tamadun Melayu pada masa silam, kini kepelbagian tersebut masih wujud dalam konteks Malaysia. Walaupun asas kepelbagain etnik wujud di Malaysia, namun dari segi konteks sosialnya wujud perbezaan dengan zaman tamadun Melayu silam. Perbezaan ini ialah perkara yang lumrah kerana sejarah ketamadunan manusia telah mencatatkan adanya satu rantaian perubahan sosial yang berpanjangan (Hesti & Jamaluddin, 2012).

Kewujudan etnik yang pelbagai dalam konteks Malaysia menyaksikan berlakunya usaha untuk mengekalkan identiti etnik minoriti. Faktor globalisasi kepadatan komuniti lain memaksa etnik minoriti untuk berbuat demikian. Peranan komuniti sangat penting dalam memastikan bahawa usaha tersebut berjaya, komuniti berperanan dalam memastikan bahawa nilai dan norma murni dalam sesebuah masyarakat, terutama yang berkaitan dengan adat resam dan budaya terus dihormati dan terpelihara (Osman et al., 2009).

Kumpulan etnik bumiputera Siam merupakan salah satu komuniti minoriti yang mempunyai identiti mereka tersendiri. Kesedaran tentang kepentingan identiti dan budaya nenek moyang mereka tetap utuh dan berkembang walaupun mereka juga tidak dapat lari daripada berhadapan dengan isu globalisasi. Biarpun populasi etnik mereka sedikit, namun bumiputera Siam mampu mengekalkan kebudayaan dan identiti mereka dalam kelompok etnik lain yang dominan.

Kajian yang dilakukan sebelum ini berkaitan dengan etnik bumiputera Siam dalam konteks Malaysia hanya memberikan fokus kepada keindahan dan keunikan kebudayaan etnik tersebut tanpa mengaitkan kepentingan kebudayaan tersebut kepada identiti komuniti mereka (Mohamad Yusoff, 1996; Mohamad Yusoff, 2002; Sohaimi & Omar, 2010). Pengetahuan masyarakat Malaysia yang berlainan etnik berkenaan identiti bumiputera Siam yang masih cetek memberikan cabaran kepada golongan bumiputera Siam dalam mengukuhkan kedudukan dan mengekalkan identiti etnik mereka dalam masyarakat Malaysia. Penyelidik melihat kajian sarjana tempatan lebih menumpukan kebudayaan dan agama Buddha Theravada dalam kalangan etnik Siam di Malaysia sebagai identiti, namun usaha pengekalan identiti etnik tersebut dalam pemerhatian pengkaji masih kurang dikaji secara mendalam. Kekurangan tersebut dilihat oleh penyelidik sebagai jurang kajian yang perlu diisi oleh penulisan ini.

Justeru itu, kajian ini penting dijalankan bagi mengisi kekurangan kajian lepas tentang identiti etnik bumiputera Siam di Malaysia. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu mengenalpasti sejauhmanakah proses identifikasi etnik bumiputera Siam di Kampung Jambu sebagai orang Siam; menganalisis sejauhmanakah cabaran yang dihadapi oleh etnik bumiputera Siam dalam mengekalkan identiti etnik; dan menentukan sejauhmanakah usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia.

MASYARAKAT SIAM DALAM KONTEKS MALAYSIA

Masyaratakat etnik bumiputera Siam adalah antara etnik yang kuat mempertahankan kebudayaan dan amalan tradisi nenek moyang mereka. Pengamalan agama Buddha Theravada membantu usaha pengukuhan kebudayaan dan amalan tradisi nenek moyang etnik bumiputera Siam (Mohamed Yussof, 1993). Melalui pengamalan agama Buddha Theravada, etnik bumiputera Siam dapat membezakan diri mereka daripada etnik lain termasuk etnik Cina yang juga penganut agama Buddha. Simbol agama Buddha Theravada yang ditonjolkan di kawasan Wat jelas menunjukkan bahawa agama tersebut berkait rapat dengan identiti etnik bumiputera Siam di Kelantan (Mohamed Yusoff, 2002). Agama Buddha Theravada sangat penting dalam kalangan masyarakat Siam kerana ia menjadi asas kepada semangat perpaduan dalam kalangan etnik tersebut (Yoneo Ishii, 1993). Keadaan ini dapat dilihat dalam konteks etnik Cina yang berasimilasi dengan etnik majoriti di Thailand, proses asimilasi berlaku dengan jayanya kerana rumpun etnik mereka yang sama menyebabkan tidak berlakunya rintangan dari segi agama antara kedua-dua etnik tersebut (Comber, 2007).

Terdapat hampir 20 buah Wat yang dibina Kelantan, situasi ini menjadikan Kelantan sebagai negeri yang kedua tertinggi dari segi pembinaan Wat selepas negeri Kedah (Kosmo, 2014). Namun, perbezaan agama antara etnik bumiputera Siam dengan etnik lain, terutama etnik majoriti Melayu bukanlah faktor penghalang untuk mereka hidup dengan aman dan damai, malah mereka dapat berkongsi kawasan tempat kerja dan aktiviti harian sama ada dalam bidang politik, ekonomi mahupun sosial. Aktiviti harian yang sama dilakukan etnik bumiputera Siam dengan etnik sama ada secara langsung dan tidak langsung membolehkan mereka saling berinteraksi dan memahami tentang cara hidup masing-masing dengan lebih mendalam (Zuriati & Engku Ahmad Zaki, 2011).

Masyarakat etnik bumiputera Siam juga bijak menyusun strategi ekonomi. Mereka cuba untuk mengelakkan sebarang persaingan perniagaan malah jika berlaku juga

persaingan maka ia adalah persaingan secara sihat (Golomb, 1978). Jika dilihat dari segi seni kebudayaan pula, berlaku proses percampuran seni budaya etnik bumiputera Siam dengan etnik Melayu tempatan. Sebagai contoh seni persembahan Mok Yong telah mengalami penyerapan elemen kesenian Menora dari segi dialog, alunan muzik dan pelakon. Kesenian menora merupakan salah satu identiti kebudayaan atau produk yang dimiliki oleh masyarakat bumiputera Siam (Farok, 2011). Pakaian merupakan salah satu elemen penting dalam persembahan menora kerana ia menunjukkan identiti masyarakat Siam, pakaian menora adalah berbeza daripada pakaian tarian lain kerana pakaian menora seakan-akan pakaian diraja (Chahyono, 1997).

Menora turut dipertuturkan dalam bahasa Melayu loghat Kelantan (Baharin, Hanapi & Mohamad Nazri, 2011). Pergaulan antara etnik Melayu dengan etnik bumiputera Siam sedikit sebanyak telah mempengaruhi corak pantang larang masyarakat bumiputera Siam (Mahadee, 1999). Perkampungan etnik bumiputera Siam hampir sama dengan keadaan persekitaran perkampungan milik etnik Melayu, namun apabila diperhatikan secara teliti terdapat perbezaan dari segi seni bina dan struktur bangunan dan rumah. Perbezaan paling ketara ialah etnik bumiputera Siam meletakkan wat kecil mereka di luar kawasan rumah (Mohd Hafifi & Hanapi, 2011).

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes untuk menerangkan dan menganalisa "*culture sharing*" masyarakat bumiputera Siam seperti kebudayaan, bahasa, tingkah laku, interaksi dan gaya hidup dalam masyarakat. Teknik temu bual tidak formal, pemerhatian dan catatan nota ringkas digunakan semasa membuat kajian lapangan. Teknik persampelan untuk kajian ini ialah teknik pensampelan bertujuan..Terdapat empat kriteria yang ditetapkan oleh kajian ini untuk informan dengan menggunakan pensampelan bertujuan, iaitu:

(i) etnik bumiputera Siam yang masih menetap di Kampung Jambu
(ii) berumur 15 tahun dan ke atas
(iii) kesudian informan untuk bercakap tentang pemahaman mereka tentang identiti, siapakah mereka dan bagaimana informan melihat diri mereka sebagai bumiputera Siam di Malaysia
(iv) kesediaan informan untuk dihubungi untuk proses temu bual susulan.

Untuk mendapatkan data menggunakan temu bual tidak formal, teknik temu bual semi berstruktur dan tidak berstruktur telah digunakan. Telefon bimbit yang berkapasiti tinggi digunakan untuk merakam perbualan yang berlaku antara penyelidik dengan informan semasa proses temu bual dilakukan. Terdapat cabaran dari segi komunikasi semasa proses temu bual dijalankan, iaitu kebanyakan informan hanya memahami bahasa Malaysia dalam dialek Kelantan berbanding dengan bahasa Malaysia baku. Penyelidik mendapatkan bantuan daripada ketua kampung sebagai jurubahasa semasa proses temu bual dijalankan. Data daripada informan kajian ini mencapai tahap tepu pada bilangan informan yang kesembilan.

Penyelidik turut menjalankan pemerhatian turut serta terhadap aktiviti harian yang dijalankan oleh penduduk kampung untuk mendapatkan data kajian. Penyelidik telah dijemput oleh penduduk kampung dan berpeluang untuk sama-sama meraikan beberapa perayaan masyarakat tempatan seperti perayaan Kathina, pesta Loy Krathong dan

Songkran. Masa yang diambil untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah selama enam bulan. Penyelidik telah tinggal di rumah Tok Ketua Kampung selama enam bulan bermula pada hujung Ogos sehingga pertengah Februari. Kajian ini dilakukan ke atas komuniti bumiputera Siam di Kampung Jambu, Tumpat Kelantan. Terdapat lebih kurang 80 buah keluarga dengan 300 orang penduduk yang mendiami perkampungan tersebut.

MASYARAKAT SIAM DAN IDENTITINYA

Hasil daripada temu bual bersama informan, penyelidik mendapati bahawa agama Buddha mazhab Hinayana atau lebih dikenali dengan agama Buddha Theravada merupakan salah satu daripada identiti etnik bumiputera Siam. Terdapat persamaan antara agama Buddha Theravada dengan agama Buddha yang dianuti oleh masyarakat Siam di Thailand dari segi segi kandungan amalan ritual. Informan juga mengatakan bahawa agama Buddha Theravada merupakan agama yang dianuti oleh mereka secara majoriti. Perkara ini membezakan etnik bumiputera Siam dengan etnik lain di Malaysia, sebagai contoh etnik Cina yang sinonim dengan agama Buddha turut memperlihatkan individu dari etnik tersebut menganuti agama lain seperti Islam dan Kristian namun perkara ini jarang berlaku dalam kalangan etnik bumiputera Siam. Informan turut mengatakan bahawa 99% penduduk kampung mereka merupakan penganut agama Buddha Theravada dan akan terus kekal menganuti agama yang dibawa oleh nenek moyang mereka. Setiap rumah yang dilawati oleh pengkaji terdapat satu sudut yang disediakan khas untuk sembahyang dan sembah imej Buddha yang dipanggil *hing prak*, mereka menyediakan tempat khas untuk diletakkan imej/ patung Buddha untuk tujuan penyembahan jika mereka tidak berkesempatan untuk pergi ke Wat.

Seni tarian turut menjadi kebanggaan dalam kalangan informan, seni tarian klasik lilin (*fawn tian*), tarian rama-rama (*fawn marn gumm ber*) serta tarian gembira (*fawn marn mong kol*) turut menjadi salah satu daripada lambang identiti etnik bumiputera Siam mengikut pandangan informan. Menurut informan yang ditemu bual, mereka mengatakan bahawa kampung mereka juga turut memiliki pasukan Menora. Persembahan Menora dan tarian klasik sering dilakukan apabila ada pesta atau perayaan yang disambut oleh masyarakat Siam seperti dalam majlis perkahwinan dan kematian. Seni persembahan Menora merupakan satu bentuk dramatari yang bukan sahaja untuk hiburan semata-mata tetapi juga untuk pengubatan, upacara membayar niat dan pemujaan roh. Persembahan ini mengekalkan keasliannya dari segi penggunaan bahasa Siam, terutama semasa menyebut mantra dan nyanyian. Seni tarian lazimnya akan dipertunjukkan di dalam kawasan Wat yang lapang agar dapat menarik minat lebih banyak penonton etnik bumiputera Siam serta etnik lain.

Menurut informan yang ditemui, kebanyakan perayaan mereka berkait dengan agama Buddha. Sambutan perayaan etnik orang Siam disusun mengikut kalendar lunar Siam yang bermula dengan *Makha Puja* dan akan diakhiri dengan perayaan *Loy Krathong*. Perayaan yang berunsurkan keagamaan memerlukan mereka melakukan amalan ritual dalam menyambutnya. Etnik bumiputera Siam yang tinggal di bandar turut menyambut perayaan tersebut di Wat berhampiran mereka. Sambutan perayaan *Songkran* dan *Loy Krathong* telah menjadi salah satu acara penting yang dimasukkan dalam kalendar pelancongan negeri Kelantan, malah ia diterima baik oleh etnik lain sekali gus menjadi sebagai platform untuk etnik bumiputera Siam memperkenalkan kepelbagaian budaya dan adat resam mereka kepada etnik lain. Sambutan perayaan yang diadakan disesuaikan dengan ciri-ciri tempatan seperti menggunakan bahasa Melayu

dalam dialek Kelantan, terutama dalam seni persembahan. Etnik bumiputera Siam mengambil inisiatif dengan mengundang penduduk etnik Melayu setempat untuk turut meraikan perayaan bersama mereka.

Informan turut mengatakan bahawa mereka cuba untuk mengekalkan pemakaian baju tradisional dalam kalangan masyarakat mereka. Walaupun di perkampungan mereka sememangnya sukar untuk melihat etnik bumiputera Siam memakai pakaian tradisional Siam pada hari-hari biasa, namun mereka digalakkan memakai pakaian tersebut apabila ada majlis perkahwinan atau pertunjukan. Informan juga masih kekal memakai kain sarung dan kain pelikat yang telah menjadi adat untuk diri mereka apabila berada di rumah, malah terdapat sesetengah golongan tua yang lebih suka berkemban dengan pemakaian kain sarung sahaja. Apabila informan pergi ke pasar dengan pakaian seperti kain sarung dan baju biasa, lazimnya peniaga sudah mengenali bahawa mereka merupakan etnik bumiputera Siam.

Data yang diperoleh juga menunjukkan bahawa majlis perkahwinan bumiputera Siam di Malaysia adalah hampir sama dengan etnik Melayu seperti merisik, bertunang dan bernikah namun terdapat sedikit perbezaan dari segi pengamalan adat. Informan yang ditemui menceritakan bahawa sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan, pasangan yang ingin berkahwin perlu menemui individu yang paling tua dan dihormati dikenali sebagai *Tok Moh*.

Informan turut mengatakan bahawa institusi Wat turut mengambil inisiatif mengajar bahasa Siam kepada generasi muda, khususnya yang kurang fasih dalam pertuturan. Informan berpendapat bahawa etnik bumiputera Siam perlu fasih bertutur bahasa Siam walaupun hanya dalam bahasa Siam dialek. Bahasa Siam dialek *Che'eh* merupakan slanga atau pelat bahasa Siam yang dipertuturkan oleh masyarakat bumiputera Siam di Kelantan.

Informan yang ditemui melihat status bumiputera yang diberikan kepada mereka oleh pihak kerajaan Malaysia merupakan pengiktirafan terhadap kewujudan etnik mereka. Pemilikan kad pengenalan Malaysia dapat membuka mata masyarakat luar untuk membezakan etnik bumiputera Siam dengan masyarakat Siam yang tinggal di Thailand. Menurut informan, pengiktirafan sebagai etnik bumiputera yang diberikan menunjukkan bahawa mereka diterima baik dan dihargai sebagai penduduk asal yang menetap di Malaysia selain dapat dijadikan sebagai identiti untuk membezakan etnik bumiputera Siam Malaysia dengan etnik Siam Thailand.

CABARAN MENGEKALKAN IDENTITI ETNIK SIAM

Hasil temu bual bersama informan, majoriti mereka mengatakan bahawa pengaruh budaya Barat dalam kalangan masyarakat bumiputera Siam menjadi cabaran utama kepada usaha pengekalan identiti bumiputera Siam dalam kalangan masyarakat mereka. Budaya pemakaian yang mencolok mata adalah tidak sesuai dan tidak mencerminkan identiti budaya etnik mereka yang lebih kepada ketimuran dan sopan. Perkara ini dapat dilihat melalui pemakaian 'skirt' yang singkat dan sendat adalah tidak sesuai dengan budaya etnik bumiputera Siam yang menerapkan pemakaian yang sopan dalam kehidupan seharian mereka. Informan turut mengatakan bahawa sebelum era globalisasi yang pesat berubah, masyarakat wanita bumiputera Siam khususnya, lebih gemar mengenakan pakaian seperti kain sarung dan seluar batik apabila di rumah namun kini generasi muda dilihat lebih gemar mengenakan pakaian seperti seluar pendek dan baju singlet yang di anggap tidak sesuai dengan budaya kehidupan seharian mereka.

Data yang diperoleh turut menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian turut menjadi cabaran kepada etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan penggunaan dialek Che'eh dalam pertuturan dan bahasa Sanskrit dalam pembacaan doa dan mantra dalam kehidupan seharian mereka. Generasi muda dalam kalangan etnik bumiputera Siam kini lebih mementingkan penggunaan bahasa Inggeris dan dialek Melayu Kelantan semasa berkomunikasi sesama mereka. Malah, apabila bertutur di rumah bersama ahli keluarga, generasi muda dalam kalangan etnik bumiputera Siam menggunakan bahasa yang bercampur dengan bahasa Inggeris.

Cabaran lain yang dihadapi oleh informan dalam isu pengekalan identiti ialah pertukaran agama dalam kalangan etnik bumiputera Siam. Informan mengatakan bahawa semakin ramai etnik bumiputera Siam yang meninggalkan agama Buddha Theravada dan memeluk agama lain seperti agama Islam, terutama dalam kalangan generasi muda. Isu pertukaran agama tersebut lazimnya berkait rapat dengan perkahwinan campur yang sering berlaku dalam kalangan etnik bumiputera Siam. Generasi tua dalam kalangan etnik bumiputera Siam bimbang anak-anak mereka beralih bertukar agama diakibatkan oleh perkahwinan dengan pasangan pilihan mereka. Pertukaran agama secara tidak langsung akan menimbulkan kecelaruan identiti dan budaya kepada anak cucu mereka. Generasi muda dalam kalangan etnik bumiputera Siam dianggap sebagai etnik lain selepas menukar agama menurut pandangan informan. Lazimnya apabila beralih kepada agama lain, maka adat tradisi yang bertentangan dengan agama tersebut harus ditinggalkan dan tidak diamalkan lagi.

Menurut informan, rata-rata generasi muda etnik bumiputera Siam kini lebih gemar kepada hiburan yang dipengaruhi dengan budaya Barat. Generasi muda dalam kalangan etnik bumiputera Siam dilihat tidak begitu tertarik dan berminat dengan kegiatan seni tradisional etnik mereka. Malah, informan yang ditemui turut menyuarakan kebimbangan kepada ibu bapa yang tidak begitu memberikan perhatian dan menitikberatkan kepentingan dengan kegiatan seni tradisional etnik bumiputera Siam kepada anak-anak mereka. Kebanyakan ibu bapa dalam kalangan etnik bumiputera Siam memberikan kebebasan kepada anak-anak mereka dalam memilih hiburan menyebabkan budaya Barat mudah meresapi jiwa mereka.

USAHA MENGEKALKAN IDENTITI ETNIK BUMIPUTERA SIAM

Seni binaan Wat atau Ketik (panggilan Wat oleh penduduk kampung) ialah salah satu usaha pengekalan yang dilakukan oleh mereka. Konsep dan reka bentuk dalam pembinaan wat ialah gabungan seni bina tempatan dan Siam. Etnik bumiputera Siam yang berpegang teguh kepada agama dan adat menganggap Wat ialah rumah ibadat yang paling suci dan tempat yang paling sesuai untuk melakukan amalan ritual dan amal ibadat. Seni bina pintu gerbang, dewan syarahan utama dan kediaman Tok Raja (penghulu kampung) dilihat dipengaruhi dengan kesenian Selatan Thai dari Nakhon Si Thammarat. Pintu gerbang masuk Wat juga dihias dan diukir dengan tulisan bahasa Sanskrit. Menurut informan lagi, pembinaan wat tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam tentang ajaran agama Buddha dan menjadi simbolik bahawa Buddha selalu berada, di samping kita. Keindahan seni bina wat yang diadaptasikan daripada seni bina Wat di Thailand dijaga dengan baik oleh para Bikhu/ sami Buddha.

Penubuhan sekolah bahasa Siam juga merupakan usaha dalam mengekalkan identiti etnik bumiputera Siam. Menurut informan, dengan adanya sekolah bahasa Thai

Photivihan, maka generasi muda dapat mempelajari bahasa Siam sekali gus mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, secara tidak langsung, kewujudan sekolah bahasa Siam dapat menajamkan kemahiran anak-anak mudah Siam agar fasih dengan lancar dalam bahasa Siam. Ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah bahasa Thai Photivihan bertujuan mempelajari tulisan Pali dan bertutur dalam bahasa Siam dialek Che'eh, yakni bahasa Siam mereka yang telah diadaptasikan dengan ciri-ciri tempatan. Berdasarkan pemerhatian dan hasil temu bual bersama informan, penyelidik melihat kewujudan sekolah bahasa Thai adalah mampu memberikan kesedaran kepada etnik bumiputera Siam untuk mempertahankan budaya dan bahasa mereka. Hasil daripada pendidikan di sekolah bahasa Thai Photivihan, penyelidik melihat masyarakat Kampung Jambu sangat mementingkan pertuturan menggunakan bahasa Thai dialek dalam kehidupan seharian mereka.

Usaha seterusnya yang dilakukan oleh informan untuk mengekalkan identiti mereka ialah dengan mengadakan sambutan tahunan terhadap perayaan seperti Songkran, Loy Krathong, Kathina. Menurut informan, acara yang dipersembahkan dalam sambutan perayaan seperti menora, tarian tradisional dan pertandingan ratu cantik dapat memelihara kebudayaan mereka dan pada masa yang sama dapat memperkenalkan kebudayaan mereka kepada etnik lain. Informan mengatakan bahawa apabila masyarakat etnik lain berfikir tentang pesta simbah air, maka mereka akan mengaitkan dengan etnik bumiputera Siam.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa etnik bumiputera Siam masih mengekalkan elemen agama sebagai simbol utama dan terpenting untuk etnik mereka. Namun begitu, elemen lain seperti bahasa dan perayaan juga dilihat mampu menonjolkan keunikan etnik bumiputera Siam dan mempunyai kekuatan tersendiri dalam mengukuhkan kedudukan simbol tersebut dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Masyarakat bumiputera Siam perlu sentiasa memelihara institusi Wat yang menjadi platform pemeliharaan identiti etnik mereka. Kajian ini boleh dikembangkan pada masa hadapan dengan mengadakan kajian perbandingan identiti antara masyarakat bumiputera Siam di Kelantan dengan bumiputera Siam di Kedah. Melalui kajian perbandingan ini, maka identifikasi identiti etnik bumiputera Siam secara lebih luas dapat dilakukan.

RUJUKAN

Baharin, I., Hanapi, D. & Mohamad Nazri, A. (2011). Tradisi Bercerita Siam di Kelantan: Satu Analisa Fungsi Cerita. Jurnal Melayu, 8, 207-232.

Comber, L. (2007). Peristiwa 12 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu-Cina. Petaling Jaya IBS Buku Sdn Bhd.

Farok, Z. (2011). Komersialisasi Menora. In: Hanapi Dollah. Warisan Seni Budaya Siam Kelantan. Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.

Golomb, L. (1978). Brokers of Morality: Thai Ethnic Adaptation in a Rural Malaysian Setting. Asian Studies at Hawaii, No. 23, 145-158.

Hesti, A. & Jamaluddin, M. J. (2012). Inequality dan perubahan Persekitaran. SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, 30 (1). pp. 159-169.

Ishii,Y. (1993). Sejarah Sangha Thai: hubungan Buddhisme Dengan Negara Dan Masyarakat, terjemahan Mohamed Yusoff Ismail. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia. Jabatan Perdana Menteri.

Kosmo (2014). Persamaan Budaya Melayu- Siam. Di muat turun di http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=1221&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm.

Mahadee, M. I. (2008). Adaptasi Sosial Masyarakat Thai Buddha Di Tanah Merah, Kelantan. In Sarjit. S.Gill & Lee Yok Fee (eds). Masyarakat dan Kepelbagaian Sosial di Malaysia. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Mohamed Yusoff, I. (1996). Pengaruh Siam dan Buddha Terhadap Sistem Kepercayaan Tradisional Orang Melayu Kelantan. Akademika, 23 – 37.

Mohamed Yusoff , I. (2002). Pengekalan Identiti Masyarakat Minoriti Thai Di Kelantan. In: Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail (eds) Masyarakat, budaya dan Perubahan. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Mohamed Yusoff, I. (1993). Buddhism and Ethnicity: Social Organization of a Buddhist Temple in Kelantan. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Mohd Hafifi, H. N. & Hanapi, D. (2011). Seni Budaya. In: Hanapi Dollah. Warisan Seni Budaya Siam Kelantan. Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.

Chahyono, M. D. (1997). Economical Function of The Performing Arts In The Ancient Jaw And Bali Societies (lx-Xi A.D). SEAMEO SPAFA Symposium on History of Arts in South East Asia, 17-24 June 1997, Kuala Lumpur: Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.

Osman, B., Azizan, B. & Zaid, A. (2009). Modul Pengajian Tamadun Islam Dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Sohaimi, A. A. & Omar, Y. (2010). Perkembangan Identiti Etnik Peranakan Samsam Islam : Satu Kajian Kes Seorang Dalang Wayang Gedek di Kedah. Sari - International Journal of the Malay World and Cilivisation , 83 - 107.

Zuriati , M. R. & Engku Ahmad Zaki, E. A. (2011). Social Interaction among Muslims and Buddhists in Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan, Malaysia. International Journal of Business and Social Science, 72-83.

PERTANIKA JOURNALS

MAHAWANGSA

Laman sesawang: http://www.mahawangsa.upm.edu.my/

Emosi Dalam Lagu Bertemakan Hari Raya Aidil Fitri

Hishamudin Bin Isam[1*] dan Mohammad Haris Abd Aziz[2]

[1]*Jabatan Pengajian Bahasa, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah*

[2]*Pusat Budaya dan Seni, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah*

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan menganalisis unsur emosi dalam lagu, dengan memfokus kepada aspek pemilihan kata dan elemen muzik yang melatari unsur emosi melalui aplikasi tempo bagi sesebuah lagu bertemakan hari raya. Menerusi data sebanyak 120 buah lagu bertemakan hari raya yang diwakili oleh dua (2) kelompok zaman utama, iaitu kelompok zaman 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015, analisis pemilihan kata dijalankan dengan membandingkan unsur emosi bertemakan *gembira* dan *sedih* berdasarkan analisis korpus, manakala elemen muzik pula dianalisis dari segi penggunaan tempo *(beat per minute)* pada setiap gubahan lagu yang ditemukan. Dapatan kajian membuktikan bahawa, pemilihan kata untuk menggambarkan emosi *gembira* lebih mendominasi lagu bertema hari raya era 1950-an hingga 1980-an berbanding dengan era 1990-an hingga 2015, yang lebih menekankan kekerapan pemilihan kata beremosi *sedih*. Manakala analisis aspek elemen muzik pula menunjukkan bahawa, muzik dengan tempo laju menguasai lagu bertemakan hari raya era 1950-an hingga 1980-an, sesuai dengan emosi *gembira* yang diserlahkan, manakala muzik dengan tempo perlahan mendominasi lagu bertemakan hari raya era 1990-an hingga 2015 untuk menggambarkan emosi *sedih*. Dapatan ini menunjukkan bahawa unsur emosi telah berjaya diserlahkan dalam lagu bertemakan hari raya berdasarkan aspek pemilihan kata dan elemen muzik yang melatarinya.

Kata Kunci: hari raya, pemilihan kata, lirik, elemen muzik, tempo

Emotions In Hari Raya Aidil Fitri-Themed Songs

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

din@uum.edu.my (Hishamudin Bin Isam)

mharis@uum.edu.my (Mohammad Haris Abd Aziz)

*Penulis penghubung

ABSTRACT

The present paper thus aims to analyze the emotional elements of hari raya-themed songs by focusing on aspects of diction and elements of music which underpin the emotional elements via the tempo of a particular hari raya song. The extrapolated data of 120 hari raya-themed songs were grouped into two (2) categories of time period, which were the period of 1950-1980 and also 1990-2015. The analysis was done by comparing the emotional elements of happy and sad using corpus analysis, while the elements of music were analyzed via the

ISSN: 2289-7259 © Penerbit Universiti Putra Malaysia

tempo (beat per minute) of the identified composed songs. The findings prove that the diction to portray the happy emotion dominate the hari raya-themed songs for the 1950-1980 period, as opposed to the 1990-2015 period, which frequently utilizes the sad emotion. On the other hand, the analysis of the elements of music shows a domination of fast tempo hari raya songs between 1950-1980, which suits the projection of the happy emotion, whilst slow tempo songs dominate the hari raya-themed songs for the 1990-2015 period, depicting the sad emotion. These findings show that the elements of emotions have been successfully depicted in hari raya-themed songs based on the underpinning aspects of diction and the elements of music.

Keywords: Hari raya, diction, lyrics, elements of music, tempo

PENGENALAN

Sambutan Hari Raya Aidil Fitri merupakan perayaan umat Islam yang diraikan dengan penuh kemeriahan. Keadaan ini bertepatan dengan makna Aidil Fitri itu sendiri yang bermaksud kegembiraan yang berulang atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah (Wan Mohd Hazim Wan Mohd Hashim, 2012). Konsep *aid* dan *fitr* yang terkandung dalam frasa Aidil Fitri tersebut bermaksud mengembalikan kita kepada fitrah atau kesucian. Sesuai dengan konsep tersebut, elemen emosi sering dikaitkan dengan sifat 'kembali kepada fitrah / asal / kesucian' kerana emosi yang bersifat kejiwaan mampu menyerlahkan unsur kembali kepada fitrah yang sebenar.

Menurut Emmerling dan Goleman (2003), emosi merujuk kepada suatu perasaan dan fikiran yang khas, bersifat biologis dan psikologis, serta mampu mendatangkan kecenderungan untuk bertindak. Emosi juga merupakan reaksi terhadap rangsangan dari luar dan dalam diri individu (McCraty, Atkinson, Tiller, Rein, & Watkins, 1995; Shaver, Morgan, & Shelley Wu, 1996; Ververidis & Kotropoulos, 2006; Pool, Brosch, Delplanque, & Sander, 2016). Emosi, baik dalam keadaan gembira, sedih atau bercampur baur, boleh dimanifestasikan dalam pelbagai keadaan. Kesan biologis dan psikologi yang terhasil berupaya mengubah suasana hati seseorang seperti riang dan tertawa apabila gembira, serta menangis apabila berada dalam keadaan sedih (Santangelo, 2002; Kaplan, Ilse Van Damme, Levine, & Loftus, 2015).

Oleh sebab sifatnya yang mudah merangsang unsur biologis dan psikologis, maka emosi sering menjadi taruhan oleh pengkarya dalam menyerlahkan sisi seninya. Sebagai contoh, pengkarya seni menggunakan kemahirannya untuk mengungkapkan unsur emosi dalam lagu (irama dan lirik) ciptaannya untuk menggambarkan perasaannya. Sebagai pendengar pula, emosi yang terkandung dalam sesebuah lagu mampu menarik perhatian sehingga memberikan kesan kepada dirinya (Norshafawati, Asiah, & Fuziah Kartini, 2010). Keadaan ini menjadikan seni (dalam kajian ini, seni yang dirujuk ialah seni muzik) sebagai suatu wadah untuk memanipulasikan unsur emosi. Keadaan ini dikukuhkan oleh pernyataan Bernstein dan Picker (1972) yang menyifatkan muzik sebagai bunyi-bunyi yang berorganisasi dalam waktu dan memiliki nilai seni serta dapat digunakan sebagai alat untuk mengekspresikan idea dan emosi daripada komposer kepada pendengarnya.

LAGU BERTEMAKAN HARI RAYA DAN KESAN EMOSI

Penciptaan lagu bertemakan hari raya ialah satu contoh kelangsungan daripada cara

pengkarya seni mewarnai sambutan hari raya. Irama yang mendayu, lirik yang puitis yang menggambarkan kemenangan, suasana sambutan bersifat kedesaan, serta kemeriahan sambutan yang dimanifestasi berdasarkan bait-bait lirik dan muzik yang diketengahkan, menjadikan lagu-lagu raya, khususnya lagu raya ciptaan 1960-an hingga 1980-an bersifat malar segar dan terus diminati, berbanding dengan lagu-lagu bertemakan hari raya ciptaan baharu (tahun 2000-an). Kebanyakan lagu ini dikatakan mampu mengusik emosi pendengar (Sharil Nizam Sha'ri, 2013). Namun persoalannya, apakah emosi yang mendominasi kebanyakan lagu bertemakan Hari Raya Aidil Fitri, dan apakah elemen muzik yang melatari kebanyakan unsur emosi dalam lagu tersebut? Untuk menjawab persoalan tersebut, makalah ini dihasilkan bertujuan untuk menganalisis unsur emosi dalam lagu bertemakan hari raya, dengan memfokus kepada aspek pemilihan kata dalam lirik lagu dan elemen muzik yang melatari unsur emosi melalui aplikasi tempo bagi sesebuah lagu bertemakan hari raya.

Lirik ialah puisi pendek yang mengekspresikan emosi (Whitman, 2005). Setiap lirik mengandungi kata-kata yang dipilih oleh pengkarya, sesuai dengan elemen muzik yang mendasarinya. Penghasilan lirik memerlukan pemilihan kata yang sesuai bagi sesebuah lagu. Hal ini demikian kerana bahasa lirik merupakan bahasa sastera yang jauh berbeza dengan bahasa ilmiah mahupun bahasa komunikasi seharian (Mokoo Awe, 2003). Dalam susunan lirik, kata memainkan peranan yang amat penting untuk menonjolkan keistimewaan sesebuah lagu, khususnya untuk menggambarkan suasana serta maksud (tersurat/tersirat) pengkarya melalui luahan hasil pengalaman dan emosinya. Lirik yang baik ialah lirik yang berjaya menyerlahkan emosi pengkarya yang disusun secara puitis, kerana lirik merupakan ekspresi seseorang tentang suatu hal, situasi, keadaan yang sudah dilihat, didengar maupun dialaminya (Rahmat Hidayat, 2014).

Sementara itu, elemen muzik berdasarkan tempo atau ukuran kelajuan sesebuah dendangan lagu mempunyai sifat-sifatnya yang tersendiri. Menurut Abdurrahman (2007), tempo ialah ukuran kecepatan dalam rentak dan irama lagu. Aplikasi tempo terhadap gubahan lagu menyumbang kepada latar suasana lagu tersebut sama ada berbentuk keriangan dan kegembiraan ataupun berlatarkan suasana sedih, pilu mahupun duka. Hal ini bersamaan dengan pandangan Kamien (1992:41) yang mengatakan "*a fast tempo is associated with feeling of energy, drive, and excitement. A slow tempo often contributes to solemn, lyrical, or calm mood"*. Keadaan ini dapat membuktikan bahawa tempo muzik yang perlahan, lambat, pantas atau berentak laju mampu mempengaruhi gubahan dan penciptaan lirik dan bahasa sesebuah lagu bertemakan Hari Raya. Hal ini kerana tempo atau ukuran sesebuah alunan lagu mempunyai sifat dan suasananya yang tersendiri. Penulisan lirik yang sesuai amat penting untuk menunjukkan kolaborasi mantap dari segi dinamik antara lirik dengan genre muzik yang melatarinya. Keberadaan tempo *(beat per minute)* dalam sesebuah gubahan lagu akan menyumbang tenaga yang dapat dirasai secara langsung oleh pendengar sehingga mewujudkan emosi yang berbeza-beza seperti gembira atau sedih (Scherer, & Zeniner, M. 2001).

ASAS PENELITIAN

Berpaksikan kedua-dua fokus yang diteliti dalam kajian ini, iaitu aspek pemilihan kata dalam lirik dan elemen muzik yang mendasari sesebuah lagu, kupasan kajian dirungkai melalui perbandingan pemilihan kata berkaitan emosi yang berunsur kegembiraan dan

kesedihan. Selain itu, kajian turut merungkai teknik penghasilan muzik berlandaskan penggunaan tempo yang mempengaruhi suasana (*mood*), gambaran serta perasaan yang disampaikan menerusi gubahan lirik lagu Hari Raya yang diteliti, untuk menggambarkan emosi yang diekspresikan.

Kajian digerakkan dengan mengumpulkan lagu-lagu bertemakan Hari Raya berbahasa Melayu yang dirakam sejak 1950-an hingga 2015. Jumlah lagu terkumpul dikelaskan mengikut kelompok era 50-an hingga 80-an dan 90-an hingga 2015. Pengelompokan kepada dua era ini dibuat berdasarkan pertimbangan bahawa kedua-dua kelompok dilatari oleh genre muzik yang hampir sama. Seterusnya, hanya 60 buah lagu ciptaan terbaharu dipilih mewakili setiap kelompok era atau zaman tersebut. Pilihan dilakukan kerana jumlah penghasilan lagu pada setiap kelompok era adalah tidak seimbang dan terdapat pengulangan terbitan lagu yang sama serta nyanyian semula pada setiap kelompok era atau zaman. Sebanyak 60 buah lagu ciptaan baharu yang mewakili kelompok zaman, iaitu antara era 50-an hingga 80-an dan 90-an hingga 2015 dianalisis secara berasingan untuk menonjolkan sifat dominan pemilihan kata yang sering digunakan, berserta elemen muzik (tempo) yang mempengaruhi emosi bagi ciptaan lagu tersebut.

KAEDAH KAJIAN

Analisis dibahagikan kepada dua (2) bentuk kajian, iaitu mengkategorikan jumlah pemilihan kata dalam lirik, dan mengenal pasti elemen muzik melalui istilah tempo yang mempengaruhi lirik dan kejiwaan lagu, sehingga mampu menyerlahkan emosi tertentu.

Analisis pemilihan kata dibuat berdasarkan aplikasi analisis korpus dengan menggunakan perisian *AntConc* (carian senarai kata atau *word list*) bagi proses penjumlahan kekerapan kata bertemakan latar suasana. Penemuan kekerapan kata kemudian dikategorikan kepada dua (2) pecahan tema utama emosi berkaitan suasana sambutan Hari Raya, iaitu tema emosi *gembira*, dan emosi *sedih.* Manakala elemen muzik dianalisis dengan cara mendengar dan mengenal pasti kesemua tempo *(beat per minute)* lagu yang diperoleh dengan menggunakan alat ukuran kecepatan yang dinamakan *metronome*. Menurut Kamien (1992:42) "*the metronome setting indicates the exact number of beats per minute. For example, andante (moderately slow) might be represented by the metronome 60 and allegro (fast) by the number 116"*. Dapatan elemen muzik (tempo) lagu tersebut diperjelas melalui prinsip Teori Muzik yang diperakui oleh pawaian dan peraturan hukum muzik global. Untuk perincian, berikut disertakan tatacara analisis yang dijalankan.

1. Analisis Pemilihan Kata

Analisis pemilihan kata dibuat berdasarkan tatacara berikut:

a. Pengelasan zaman perkembangan lagu hari raya di Malaysia mengikut kelompok era.

Pengelasan era dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana perbandingan penggunaan lirik berunsurkan kegembiraan dan kesedihan diserapkan dalam setiap penciptaan lagu-lagu Hari Raya serta elemen muzik yang mendukungi setiap ciptaan lagu tersebut pada kelompok era/zaman tersebut. Pengelasan juga dilakukan untuk mengenal pasti jumlah

sebenar penghasilan lagu pada setiap kelompok zaman bermula 1950 hingga 2015 (dan dikelompokkan menjadi dua kumpulan besar, iaitu 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015)

JADUAL 1
Koleksi lagu bertemakan Hari Raya 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015

1950-an – 1980-an	**1990-an - 2015**	**JUMLAH**
105 buah lagu baru	118 buah lagu baru	**223** buah Lagu baru

Pengumpulan lagu-lagu baharu menunjukkan perbezaan dari segi jumlah penghasilan lagu bertemakan Hari Raya. Perbezaan ini semakin ketara apabila terdapat pengulangan terbitan dan nyanyian semula lagu pada hampir setiap era. Gubahan lagu tersebut mempunyai kelainan dari segi lirik, tempo dan genre muzik yang melatarinya. Contoh lagu *Dendang Perantau* oleh P. Ramlee pada 1950-an dan *Dendang Perantau* oleh Kumpulan Kristal pada 2010.

b. Pengelompokan jumlah penghasilan lagu baharu kepada dua (2) kelompok era/zaman

Setiap kelompok era diwakili oleh 60 buah lagu baharu. Pengelasan ini diwujudkan untuk memberikan fokus penelitian kepada lagu ciptaan baharu sahaja (lagu terbitan semula, walaupun wujud perubahan lirik dan susunan muzik tidak diambil kira). Pemilihan 60 buah lagu baharu bagi setiap kelompok era juga dilakukan untuk memudahkan data dianalisis secara adil dan seimbang.

JADUAL 2
Sasaran penghasilan lagu baharu mengikut empat (4) kelompok era/zaman

1950-an – 1980-an	**1990-an - 2015**	**JUMLAH**
60 buah lagu baru	60 buah lagu baru	120 buah lagu baru

c. Pengumpulan data kekerapan leksis berdasarkan analisis korpus

Analisis pemilihan kata dalam lirik lagu yang menonjolkan unsur emosi dibuat dengan mengaplikasikan kaedah analisis korpus. Untuk tujuan tersebut, kajian ini menggunakan aplikasi perisian *AntConc* (Laurence Anthony's Website, 2000) untuk memperoleh senarai kata (*word list*) yang terkandung dalam keseluruhan lirik lagu. Pemilihan kata berunsur emosi dikelompokkan dalam tema "suasana" yang dikategorikan kepada dua (2) gambaran latar emosi, iaitu *S1 Gembira*, dan *S2 Sedih*. Pemilihan dua emosi (*gembira* dan *sedih*) dibuat berasaskan pertimbangan bahawa kedua-dua emosi tersebut ialah emosi asas yang mampu membiakkan subemosi lain (Ekman, 1992). Hasil kekerapan kata yang diperoleh seterusnya dikumpulkan mengikut kelompok era/zaman 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015 seperti dalam Jadual 3 di bawah.

JADUAL 3
Jumlah kekerapan kata bertemakan "Suasana" yang membawa unsur emosi

Kekerapan leksis ↓	**Tema suasana**		
	Suasana (S1) ***Gembira***	***Suasana (S2)*** ***Sedih***	**Jumlah leksis**
(1950-an – 1980-an)			
Kekerapan	159	84	**243**
(1990-an - 2015)			
Kekerapan	116	141	**257**
Jumlah	**275**	**225**	**500**

2. Analisis Elemen Muzik (Tempo)

Analisis elemen muzik diproses menerusi penggunaan tempo berdasarkan prinsip teori muzik yang diakui oleh pawaian dan peraturan hukum muzik global (Kamien, 1992). Aplikasi tempo penting terhadap ukuran emosi sesebuah lagu kerana elemen tempo dapat menyumbang kepada latar suasana lagu sama ada berbentuk keriangan dan kegembiraan ataupun berlatarkan suasana sedih, pilu dan duka. Analisis ditempo dijalankan dengan menggunakan perisian *metronome* (MetronomeOnline, 2015) untuk mengukur tahap kelajuan sesebuah lagu. Jadual 4 di bawah menunjukkan aplikasi istilah muzik yang menerangkan jenis tempo, sifat serta ukuran dan momentum sesebuah lagu berdasarkan gaya muziknya yang tersendiri dari perspektif ukuran *metronome*.

JADUAL 4
Istilah tempo dan sifatnya terhadap lagu.

Tempo	**Sifat**	**Nilai kecepatan**
grave	lambat, berat, tenang dan sopan	(40-44)
largo	lambat, lebar, dan luas	(44-48)
lento	lambat	(50-54)
adagio	lambat, lebih lambat dari andante	(54-58)
larghetto	lambat, lebar, tidak selambat largo	(58-63)
adagietto	lambat, tidak selambat adagio	(63-69)
andante	sedang, langkah santai	(69-76)
andantino	lebih cepat dari andante	(76-84)
maestoso	agung, penuh kemuliaan	(84-92)
moderato	sedang, lebih cepat dari andante	(92-104)
allegreto	mirip namun tidak secepat allegro	(104-112)
animato	penuh semangat	(116-126)
allegro	riang, cepat	(126-138)
assai	(allegro assai) sangat; amat; banyak	(138-152)
vivace	hidup, lincah, cepat	(152-168)
vivace quasi presto	sangat vivace	(168-176)
presto	sangat cepat	(176-192)
prestissimo	paling cepat	(192-208)

(Sumber: Disesuaikan daripada Kamien, 1992)

DAPATAN KAJIAN

Berikut disertakan dapatan kajian yang berupa hasil penelitian terhadap analisis pemilihan kata dan elemen muzik bagi lagu bertemakan hari raya untuk kelompok era 50-an hingga 80-an dan 90-an hingga 2015.

1. Hasil Penelitian Analisis Pemilihan Kata

Secara umumnya, hasil dapatan menunjukkan, aspek pemilihan kata dibuat bersesuaian dengan tema latar suasana yang dapat menyerlahkan unsur emosi, sama ada gembira atau sedih. Secara khususnya pula, hasil analisis menunjukkan dapatan yang menarik untuk dibincangkan.

a. Dapatan senarai pemilihan kata dan jumlah kekerapan.

Jadual 5 di bawah menunjukkan pemilihan kata bertemakan suasana yang menyerlahkan unsur emosi (*gembira* dan *sedih*) yang tersenarai dan digunakan dalam lirik lagu bertemakan hari raya. Pengelasan dua kelompok era dapat menunjukkan jenis kata yang digunakan untuk menyerlahkan unsur emosi *gembira* dan *sedih*.

JADUAL 5

Perbandingan pemilihan kata tema suasana beremosikan *gembira* dan *sedih*

1950-1980					**1990-2015**				
Era	***Suasana 1 (Gembira)***	***bil***	***Suasana 2 (Sedih)***	***bil***	**Era**	***Suasana 1 (Gembira)***	***bil***	***Suasana 2 (Sedih)***	***bil***
50-an - 60-an	bahagia	28	duka	5	**90-an - 2010**	bahagia	12	rindu	16
	gembira	15	berduka	4		gembira	11	sendirian	6
	bergembira	10	kenanganku	4		bergembira	7	derita	4
	bersuka	10	musnahlah	4		raikan	4	sayu	4
	ria	8	perantau	4		riang	4	airmata	4
	berseri	5	rindu	3		berbahagia	4	sedih	3
	riang	5	berdukalah	2		ria	4	diperantauan	2
	merayakan	3	bermuram	2		ceria	3	rindukan	2
	berbahagia	3	dikenang	2		riangnya	3	deritanya	2
	joget	2	dirindu	2		ketawa	2	ditangisi	2
	menghibur	2	perpisahan	2		merayakan	2	duka	2
	tawa	2	sengketa	2		tawa	2	pilu	2
	bersukaria	1	sunyi	2		meraikannya	2	menitis	2
	bertepuk	1	terharu	2		berhibur	1	syahdu	2
	bertemasya	1	terkenang	2		semeriah	1	sepi	2
	hiburan	1	berdukacita	1		gembiranya	1	mendayu	1
	ketawa	1	berselubung	1		menari	1	berlinangan	1
			bersendirian	1				pedihnya	1
			mengenangmu	1				hiba	1
	Jumlah	**98**	Jumlah	**46**				merintih	1
	gembira	14	rindu	8				menderita	1
	bahagia	10	sedih	4				menyepi	1
	ria	6	terkenang	3				termenung	1
	bergembira	5	airmata	3				kesedihan	1
	riang	5	menangis	2				berjauhan	1

70-an - 80-an	berbahagia	3	kerinduan	2				terkenang	1
	suka	3	berlinang	1				ingatan	1
	bersukaria	2	bersendirian	1				yatim	1
	meraikan	2	duka	1				sunyi	1
	meriah	2	sayu	1				sengsara	1
	bersuka	2	kesepian	1				nasibku	1
	bertemasya	1	lamunan	1				merindukan	1
	menyanyi	1	mengenangkan	1				perantau	1
	seronoknya	1	menyentuh	1					
	girangnya	1	perpisahan	1		Jumlah	**48**	Jumlah	**75**
	terhibur	1	rayuan	1	**2011 - 2015**	gembira	12	kenangan	8
	Menghiburkan	1	teringat	1		*oh yeah…*	*6*	rindu	8
	meraikannya	1	kesedihan	1		*uu yeahh…*	*6*	hiba	4
			rantauan	1		raikan	8	sayu	4
			sedihnya	1		wowoah..	6	duka	3
			simpati	1		*yeyeyahh…*	*6*	luka	3
			kedukaan	1		bergembira	4	merantau	3
	Jumlah	**61**	Jumlah	**38**		*hooray…*	*4*	merinduimu	3
	JUMLAH BESAR	**159**		**84**		bersuka	2	sepi	3
Keputusan hasil analisis ✓ Era 1950-1980 menunjukkan kekerapan pemilihan kata suasana gembira yang tinggi dalam penulisan lirik berbanding dengan era 1990-2015. ✓ Era 1990-2015 lebih menekankan kekerapan pemilihan kata suasana sedih dalam penulisan lirik berbanding dengan era 1950-1980,						gelak	2	sunyi	3
						keriangan	2	syahdu	3
						ketawa	2	terkenang	3
						ria	2	airmata	2
						riang	2	merindui	2
						happy	1	noda	2
						kegembiraan	1	redha	2
						kesukaan	1	syahdunya	2
						memeriahkan	1	tangisan	2
						bahagia	7	kuharungi	1
						berbahagia	2	kupasrahkan	1
								menggamit	1
								menyendiri	1
								nestapa	1
								pusara	1
						Jumlah	**68**	Jumlah	**66**
						JUMLAH BESAR	**116**		**141**

Dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 5 menyerlahkan perbandingan pemilihan kata yang dihasilkan dalam penciptaan lirik lagu Hari Raya sepanjang zaman (era 50-an hingga 80-an dan 90-an hingga 2015). Dapatan kajian membuktikan bahawa, pemilihan kata untuk menggambarkan emosi *gembira* lebih mendominasi lagu bertemakan hari raya era 1950-1980 berbanding dengan era 1990-2015, yang lebih menekankan kekerapan pemilihan kata beremosi *sedih*. Secara tidak langsung, perbezaan jumlah

angka yang diperoleh pada setiap kelompok era menggambarkan pemilihan kata yang lebih diutamakan oleh pengkarya untuk menterjemahkan dan menggambarkan latar suasana sambutan Hari Raya yang menyerlahkan unsur emosi terhadap dua (2) kelompok zaman/era tersebut.

b. Dapatan perbandingan pemilihan kata dua (2) kelompok zaman yang utama, iaitu antara 1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015.

Pemilihan kata berdasarkan latar suasana dengan emosi *gembira* (S1) pada kelompok zaman/era 1950-an hingga 1980-an dilihat lebih dominan digunakan dalam proses penciptaan lirik lagu Hari Raya berbanding dengan kelompok zaman 1990-2015. Ini menunjukkan bahawa pemahaman dan penghayatan pencipta lirik terhadap tema sebenar perayaan Hari Raya pada era 1950-an hingga 1980-an lebih cenderung mengajak pendengar untuk bergembira menyambut perayaan ini. Namun sebaliknya, dapatan kajian Jadual 5 mendapati bahawa, suasana dengan emosi *sedih* (S2) pada kelompok era 90-an hingga 2015 masing-masing menunjukkan kekerapan kata yang sangat tinggi berbanding dengan tema kegembiraan. Penulis lirik dilihat lebih cenderung menzahirkan perasaan sedih, pilu dan hiba dalam lirik untuk menterjemahkan latar suasana Hari Raya. Keadaan ini tentunya memberikan kesan kepada pendengar kerana permainan bahasa, gaya bahasa, makna kata dan diperkuat dengan unsur elemen muzik yang disesuaikan dengan tema lirik lagu mampu membuat pendengar terbawa-bawa dengan emosi yang cuba disampaikan oleh pengkarya (Mokoo Awe, 2003).

Walaupun didominasi oleh unsur emosi *sedih*, masih terdapat lagu bertema hari raya era 1990-an hingga 2015 yang mengungkap emosi *gembira*, namun diinterpretasi dengan cara yang berbeza melalui pemilihan kata yang berunsur santai dan *catchy*. Kedua-dua unsur tersebut diserlahkan dengan kecenderungan menggunakan kepelbagaian kata seru *(interjection)* seperti *oh yeah*, *uu yeahh, wowoah*, *yeyeyahh,* dan *hooray*, yang merujuk kepada emosi gembira (menyerlahkan perasaan teruja, ghairah, dan girang). Penggunaan kata-kata ini diserapkan ke dalam lirik lagu untuk menjelmakan keterujaan cara baharu dalam menzahirkan emosi gembira dan keseronokan yang tidak terhingga menjelang ketibaan dan sambutan Hari Raya. Hasil kajian turut mendapati bahawa, pemilihan leksis bahasa asing semakin menjadi perhatian dan gaya masa ini *(trend)* kebanyakan pengkarya. Sebagai contoh, lagu *Next Aidilfitri* oleh Bittersweet, *Joget Selfie Raya* oleh L'Zzay, Hooray Raya oleh Aizat dan *Raya Oh Yeah* oleh Yuna memperlihatkan kecenderungan pencipta lagu memilih leksis bahasa asing (bahasa Inggeris) dalam penghasilan lirik lagu Hari Raya.

Contoh lirik 1

Joget Selfie Raya (L'Zzay)
Bila tibanya hari raya
Semuanya gigih nak bergaya
Cantik berkebaya segak bercelana
Manis sekali si hijabista
Oh... Ohh...

Gincu si dara hai merah menyala
Dah macam Wak Doyok kumis si teruna
Bersama keluarga ramai-ramai melawa
Gara-gara nak ber***selfie***raya

Sanak saudara hai tua dan muda
Gila-gila bergaya selamba
Sahabat juga hai jiran tetangga
Kekasih hati pun turut sama
Tapi janganlah leka
Biar berpada-pada
Upload nanti letaklah #***throwback***raya

Mintak kak
Nak ***selfie*** satu
Sebelum upload jangan lupa edit dulu
Letak ***hashtag*** #ootd baju baru

Andai pernah adanya sengketa
Sila ***unblock*** hati bersihkan jiwa
Bermaafanlah kita kerna kutertanya
Tertanyakan khabarmu di sana

Oh... Ohh...
Di kala gembira di hari mulia
Beringatlah juga pada yang tiada
Bila sampai masa untuk ke pusara
Berdoalah jangan ber***selfie*** pula

Sanak saudara hai tua dan muda
Gila-gila bergaya selamba
Sahabat juga hai jiran tetangga
Kekasih hati pun turut sama

Tapi janganlah leka
Biar berpada-pada
Upload nanti letaklah #***throwback***raya

Sambil-sambil makan #kuihraya
Koyak poket kena bagi #duitraya
Memang nasihat #mohonterasa
Kunyanyikan seloka #instaraya
Ku ucapkan #selamathariraya

2. Hasil Penelitian Analisis Elemen Muzik (Tempo)

Hasil pemerhatian analisis elemen muzik (tempo) turut menemukan dapatan yang menarik untuk dibincangkan. Secara khusus, berikut dipaparkan Jadual 6 yang menjelaskan perbandingan penggunaan tempo dalam penghasilan lagu bertemakan hari raya dalam dua (2) kelompok era/zaman (1950-an hingga 1980-an dan 1990-an hingga 2015).

JADUAL 6
Perbandingan penggunaan tempo dalam penghasilan lagu Hari Raya pada dua (2) kelompok era/zaman

Tempo	Sifat	Nilai kecepatan	(1950-an – 1980-an) 60 buah lagu	(1990-an - 2015) 60 buah lagu
grave	lambat, berat, tenang dan sopan	(40-44)		
largo	lambat, lebar, dan luas	(44-48)		2
lento	lambat	(50-54)		4
adagio	lambat, lebih lambat dari andante	(54-58)	3	4
larghetto	lambat, lebar, tidak selambat largo	(58-63)		4
adagietto	lambat, tidak selambat adagio	(63-69)	1	1
andante	sedang, langkah santai	(69-76)	7	11
andantino	lebih cepat dari andante	(76-84)		
maestoso	agung, penuh kemuliaan	(84-92)	5	
moderato	sedang, lebih cepat dari andante	(92-104)	5	10
allegreto	cepat tetapi tidak secepat allegro	(104-112)	4	
animato	penuh semangat	(116-126)	5	
allegro	riang, cepat	(126-138)	18	14
assai	(allegro assai) sangat; amat; banyak	(138-152)		
vivace	hidup, lincah, cepat dan girang	(152-168)	11	11
vivace quasi presto	sangat vivace	(168-176)		
presto	sangat cepat	(176-192)	1	
prestissimo	paling cepat	(192-208)		

Kategori Tempo Lambat
Kategori Tempo Laju

Melalui Jadual 6 di atas, dapat dikatakan, pengkarya mengaplikasikan penggunaan tempo dalam sesebuah lagu (berdasarkan kecepatan atau kelambatan) untuk menimbulkan kesan dan suasana yang dapat membangkitkan emosi terhadap diri pendengar. Ukuran tempo *(beat per minute)* ini penting agar alunan muzik yang dihasilkan dapat menzahirkan perbezaan suasana *(mood)* dan emosi, iaitu *gembira* mahupun *sedih* (McKinney & Moelants, 2006). Dapatan daripada Jadual 6 menunjukkan bahawa, penghasilan lagu berentak laju, pantas dan cepat banyak dihasilkan pada kedua-dua kelompok zaman tersebut, dengan ukuran laju dikelaskan bermula daripada ukuran tempo *Moderato* (92-104), *Allegreto* (104-112), *Animato* (116-126), *Allegro* (126-138) dan *Vivace* (152-168). Namun secara rinci, didapati bahawa ukuran laju yang dinyatakan lebih banyak digunakan dalam penghasilan lagu hari raya pada kelompok zaman 1950-an hingga 1980-an berbanding dengan kelompok zaman 1990-an hingga 2015 (44 berbanding dengan 35). Penelitian mendapati bahawa, kecenderungan menghasilkan lagu bertempo lambat dilihat meningkat pada kelompok zaman 1990-an hingga 2015.

Menariknya, corak pengkaryaan elemen muzik bagi lagu bertemakan hari raya era 1990-an hingga 2015 telah berubah apabila ditemukan lagu yang menggunakan muzik bertempo laju (tempo *Vivace*), tetapi mengaplikasikan pemilihan kata beremosi sedih

(berlawanan dengan konsep tempo dalam muzik). Sebagai contoh, lagu *Ku Pohon Doa Di Hari Raya* oleh Liza Hanim, 2013, memperlihatkan penggunaan kata-kata sedih dalam keseluruhan liriknya. Namun, olahan muzik (tempo) yang melatari lagu tersebut didengar kurang menonjolkan kesan kesedihan serta impak suram kepada pendengar kerana tempo (kelajuan lagu) *Vivace* mempunyai sifat-sifat pantas, riang dan gembira. Ini membuktikan bahawa aplikasi dan pemilihan tempo yang tidak sesuai dalam penghasilan lagu hari raya sangat mempengaruhi penciptaan lirik. Maka kedengaran rentak dendangan lagu ini seperti berlatarkan suasana gembira kerana sifat tempo *Vivace* (152-168) yang pantas, cepat dan riang mengatasi luahan kata dalam lirik yang cuba disampaikan.

Contoh lirik 2

Ku Pohon Doa Di Hari Raya – Liza Hanim

Di pagi syawal menjelang
Takbir bergema di sana sini
Diriku termenung seorang
Terkenang kekasihku

Jauh hilang entah di mana
Kau berada

Titisan air mata sedih
Mengalir membasahi pipi
Teringat kenangan kembali
Ketika bersamamu
Perasaan merintih pilu mendayu-dayu

Ampun maaf zahir dan batin
Ku pinta duhai kekasihku
Usah kau menyepi
Ku pohonkan doa restumu
Agar tenangkan perasaan di jiwaku
Walaupun kini ku tak bersama denganmu
Menyambut hari yang mulia tanpamu

Inilah lumrah dunia
Insan bahagia dan derita
Ku bermohon pada yang esa
Semoga dikau bahagia
Selamat… Selamat…
Selamat hari raya

KESIMPULAN

Analisis perbandingan pemilihan kata berkonsepkan suasana dengan unsur emosi *gembira* dan *sedih* dalam sesebuah penciptaan lagu hari raya dapat dijelaskan berdasarkan penemuan jumlah kekerapan kata yang dikumpulkan melalui kaedah analisis korpus. Sebagai rumusan, maka boleh dikatakan, aspek dominan yang mendorong pemilihan kata yang ditemukan menunjukkan perbandingan yang ketara

dalam penekanan suasana bertemakan kegembiraan dan kesedihan antara dua (2) peralihan zaman tersebut. Sementara itu, pengaruh elemen muzik yang dirungkai melalui penjelasan sifat *tempo* yang mempengaruhi dendangan lagu bertemakan Hari Raya sepanjang zaman turut memperlihatkan kaitan antara lirik, tempo dan emosi yang mendasari sesebuah lagu. Berpaksikan dapatan kajian ini, perbandingan penekanan tema suasana dengan unsur emosi *gembira* dan *sedih* dapat dikenal pasti melalui dapatan kekerapan penggunaan leksis dan pengaruh elemen muzik yang dilihat dari segi *tempo* (ukuran kelajuan lagu). Dapatan ini menunjukkan bahawa unsur emosi telah berjaya diserlahkan dalam lagu bertema hari raya berdasarkan aspek pemilihan kata dan elemen muzik yang melatarinya.

BIBLIOGRAFI

Abdurrahman. (2007). *Analisis pengaruh lirik, tempo dan durasi music terhadap performansi kerja di CV Nassty Indonesia*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Jurusan Teknik Industri, Institut Teknologi Nasional, Bandung, Indonesia.

Ayu Widyowati Arya, Caecilia Sri Wahyuning, Arie Desrianty. (2014). Analisis pengaruh tempo dan genre musik terhadap kewaspadaan pengemudi mobil pribadi. *Jurnal Online Institut Teknologi Nasional*, No.03, Vol.02.

Bernstein, M & Picker, M. (1972). *An introduction to music*. New York: Prentice Hall.

Cantor, J. R. & Zillmann, D. (1973). The effect of affective state and emotional arousal on music appreciation. *Journal of General Psychology*, 89, 97-108

Ekman, P. (1992). An argument for basic emotions. *Cognition and emotion, 6*, (3/4), 169-200.

Emmerling, R. J., & Goleman, D. (2003). *Emotional intelligence: issues and common misunderstandings*. The Consortium for Research on Emotional Intelligence in Organizations. Capaian Mei 2016, daripada http://www.eiconsortium.org/pdf/EI_Issues_And_Common_Misunderstandings.pdf

DJohan. (2003). *Psikologi Musik*. Yogyakarta: Buku Baik.

Hermina Sutami. (2006). Ungkapan Emosi dan Keadaan Fikiran Kaum Miskin: Analisis Teks Senyum Karyamin Karya A. Tohari. *Jurnal Bahasa* Jilid 6 Bil. 2.

Juslin, P.N. & Sloboda, J.A. (ed.) (2001) *Music and emotion: Theory and research*. Oxford: New York : Oxford University Press.

Kamien, R. (1992). *Music an appreciation*. (5th ed.). New York: Mc Graw-Hill, Inc.

Kaplan, R. L., Ilse Van Damme, Levine, L. J, & Loftus, E. F. (2015). Emotion and false memory. *Emotion Review*, *8* (1), 8–13.

Koleksi Mega album Hari Raya. Seri Bahasa. Capaian Oktober 2012, daripada http://www.seribahasa.com/2012/10/koleksi-mega-album-hari-raya.html

Laurence Anthony's Website. (2000). A freeware concordance program for Windows,

Macintosh OS X, and Linux. From http://www.antlab.sci.waseda.ac.jp/software.html. Retrieved February 13, 2012.

Loh P. K. (1991). *A handbook of music theory*. Kuala Lumpur: Penerbit Muzikal.

Lydon, M. (2004). *Songwriting Success: How to write songs for fun and (maybe) profit.* London: Routledge.

McCraty, R., Atkinson, M., Tiller, W. A., Rein, G., & Watkins, A. D. (1995). The effects of emotions on short-term power spectrum analysis of heart rate variability. *The American Journal of Cardiology*, *76* (14), 1089–1093

McKinney, M. F., & Moelants, D. (2006). Ambiguity in tempo perception: What draws listeners to different metrical levels?. *Music Perception: An Interdisciplinary Journal*, *24*(2), 155-166.

MetronomeOnline. (2015). Highly accessible version of metronome. Capaian Mei, 2016, daripada http://a.bestmetronome.com/

Mokoo Awe. (2003). *Fals: Nyanyian di tengah kegelapan*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.

Norshafawati Saari, Asiah Sarji, & Fuziah Kartini Hassan Basri. (2010) Muzik dan pembangunan sosial: Paparan dasar industri hiburan dalam akahbar akhbar di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 26 (2), 47-6.

Peterik, J., Austin, D., & Bickford, M. E. (2002). *Songwriting for dummies*. New York: Wiley Publishing, Inc. Press.

Pool, E., Brosch, T., Delplanque, S., & Sander, D. (2016). Attentional bias for positive emotional stimuli: A meta-analytic investigation. *Psychological Bulletin, 142* (1), 79 –106.

Rahmat Hidayat. (2014). Analisis semiotika makna motivasi pada lirik lagu "askar pelangi" karya Nidji. *eJournal lmu Komunikasi*, *2*(1), 243-258.

Santangelo, P. (2002). *Emotions, a social and historical phenomenon: Some notes on the Chinese case*. L'Atelier du Centre de recherches historiques [Online], 16 | 2016, Online since 13 May 2016, connection on 10 August 2016. URL: http://acrh.revues.org/7430

Scherer, K. R., & Zeniner, M. R. (2001). Emotional effects of music: Production Rules. In P. N.

Juslin, & J. A. Slobodo (Eds.), *Music and emotion: theory and research* (p.p 361-386). New York: Oxford.

Senarai Lagu Hari Raya. Daripada Wikipedia, ensiklopedia bebas. Capaian Mac 2016, daripada https://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai_Lagu_Hari_Raya

Sharil Nizam Sha'ri. (2013). Lagu raya: Malar segar mengusik emosi pendengar. *Dewan Bahasa, 13*(9), 38.

Shaver, P. R., Morgan,H. J., & Shelley Wu. (1996). Is love a "basic" emotion? *Personal Relationships, 3*, 81-96.

Ververidis, D, & Kotropoulos, C. (2006). Emotional speech recognition: Resources, features, and methods. *Speech communication, 48* (9), 1162– 1181.

Wan Mohd Hazim Wan Mohd Hashim. (2012). Memahami konsep aidil fitri. *Makalah Dakwah*, 15/ 7 September 2012.

Whitman, B. (2005). *Learning the Meaning of Music*. Unpublished thesis Doctor of Philosophy.

Program in Media Arts and Sciences, School of Architecture and Planning, Massachusetts Institute of Technology.

MAHAWANGSA 5 (1): 413 – 421 (2018)

PERTANIKA JOURNALS

MAHAWANGSA

Laman sesawang: http://www.mahawangsa.upm.edu.my/

Pemerolehan dan Penguasaan Leksikal Bahasa Melayu Kanak-Kanak India di Prasekolah

Gayatri A/P Marimothu*dan Rohaidah Kamaruddin

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dalam kalangan kanak-kanak India yang berusia 5-6 tahun di prasekolah. Pada usia ini, kanak-kanak menghadapi tahap penguasaan bahasa yang kritikal. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah. Kajian yang dijalankan ini menjelaskan faktor-faktor afektif dalam penguasaan leksikal bahasa Melayu. Pemerhatian dilakukan ke atas 17 orang kanak-kanak India prasekolah di tiga prasekolah swasta sekitar daerah Seremban. Penyelidik mendapati bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal golongan kata bahasa Melayu kanak-kanak adalah baik tetapi masih dipengaruhi oleh bahasa pertama atau bahasa ibunda. Namun begitu, tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak semakin baik apabila usia meningkat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa faktor afektif seperti motivasi, emosi dan sikap kanak-kanak mempengaruhi proses pemerolehan bahasa.

Kata kunci: Pemerolehan leksikal bahasa Melayu, penguasaan leksikal, kanak-kanak India,faktor afektifl, golongan kata

Lexical Acquistion and Mastery of The Malay Language among Indian Children at Preschool

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

gayu0417@gmail.com (Gayatri A/P Marimothu)

nashalimir@yahoo.com (Rohaidah Kamaruddin)

*Penulis penghubung

ABSTRACT

This study focuses on the lexical acquisition of 5 to 6 year-old Indian children. Children at this age face a critical language acquisition phase.The objective of this study is to identify the lexical acquisition and mastery of Malay language among Indian children through visual senses. This study also shows the affective factors involved in language acquisition and mastery.17 Indian pre-school children from three private preschool around the Seremban district were observed. Researchers found that the lexical acquisition of the Malay words amongst children is good but influenced by the first language or native language. However, the

ISSN: 2289-7259 © Penerbit Universiti Putra Malaysia

acquisition of the Malay language improves among the Indian as they age. The findings show that there are several affective factors such as motivation, emotion and attitude influence the language acquisition process amongst children.

Keywords: lexical acquisition of the Malay language, mastery of the Malay language, Indian children, affective factors, word category.

PENGENALAN

Pemerolehan bahasa dikenali sebagai *language acquisition* dalam bahasa Inggeris. Maksan (1993: 20) mengatakan bahawa pemerolehan bahasa ialah proses penguasaan bahasa yang berlaku secara tidak sedar, implisit dan informal. Menurut Lyson (1981:252), pemerolehan bahasa ialah suatu bahasa yang digunakan tanpa kualifikasi atau tanpa mempelajari bahasa tersebut oleh penutur bahasa. Menurut Dardjowidjodjo (2003:225), pemerolehan bahasa ialah proses penguasaan bahasa yang berlaku sewaktu seseorang mempelajari bahasa secara natural. Pemerolehan bahasa merupakan proses yang berlaku dalam otak kanak-kanak. Pemerolehan bahasa ialah penguasaan bahasa hasil kontak verbal yang berlaku secara tidak disedari apabila bertutur dengan penutur asli bahasa itu. Pemerolehan bahasa kedua berlaku apabila kanak-kanak telah menguasai bahasa pertamanya. Pemerolehan bahasa ialah proses manusia mendapatkan dan memahami bahasa sehingga menghasilkan perkataan mahupun ayat untuk berkomunikasi secara semula jadi, kanak-kanak mampu menguasai bahasa kerana mempunyai alat penguasaan bahasa yang membantu kanak-kanak menguasai sesuatu bahasa. Penguasaan bahasa bermula apabila kanak-kanak dapat menggabungkan dua atau lebih perkataan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, yang beriringan langsung dengan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak itu sendiri. Pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua dapat dilakukan dengan lebih aktif dalam suasana prasekolah yang menghiburkan kanak-kanak. Pemerolehan bahasa dikaitkan dengan penguasaan bahasa kanak-kanak dan dua faktor utama yang dikaitkan dengan pemerolehan bahasa ialah pengaruh faktor seperti biologi dan persekitaran. Mengikut Piaget, semua kanak-kanak dilengkapi dengan alat nurani yang berbentuk mekanikal umum sejak lahir untuk digunakan untuk menguasai bahasa (Mussen, 1983). Bagi Chomsky dan Miller(1963) alat yang khusus ini dikenali sebagai *Language Acquisition Device (LAD)* yang membolehkan kanak-kanak mampu memperoleh sesuatu bahasa dengan mudah dan cepat.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India. Kajian ini dijalankan terhadap kanak-kanak India dalam lingkungan umur 5 hingga 6 tahun yang sedang belajar di prasekolah swasta di Negeri Sembilan, Malaysia. Instrumen kajian yang digunakan ialah tiga keping gambar, iaitu gambar harimau, basikal dan kereta ditunjukkan kepada kanak-kanak. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian dalam mengenal pasti pemerolehan bahasa kanak-kanak prasekolah. Gambar-gambar digunakan untuk menarik minat kanak-kanak prasekolah untuk berkomunikasi apabila soalan dikemukakan oleh guru. Sebelum kajian dijalankan, penyelidik telah mendapatkan maklumat tentang penggunaaan bahasa kanak-kanak India di prasekolah itu. Satu borang kaji selidik diedarkan kepada ibu bapa untuk

mengenal pasti bahasa ibunda dan bahasa komunikasi kanak-kanak India di rumah mereka agar penyelidik dapat mengenal pasti kanak-kanak India yang menerima pengaruh bahasa pertama atau bahasa ibunda. Penyelidikan dilakukan dalam kumpulan dan secara individu. Rakaman perbualan dijalankan selama dua kali seminggu. Sebelum rakaman dan pemerhatian guru dijalankan, penyelidik beberapa kali hadir ke prasekolah berkenaan agar kanak- kanak di prasekolah tersebut dapat membiasakan diri dengan penyelidik. Soalan yang sama digunakan kepada ketiga-tiga prasekolah berkenaan. Penyelidik berjumpa dengan guru bahasa Melayu di prasekolah berkenaan untuk menerangkan cara pelaksanaan kajian sebelum kajian dijalankan. Soalan yang dikemukakan kepada kanak-kanak membolehkan mereka mengujarkan leksikal golongan kata berdasarkan gambar itu. Guru turut merangsang pemerolehan bahasa kanak-kanak agar mereka mengujarkan sebanyak perkataan yang boleh. Pengaruh faktor afektif terhadap bahasa kedua kanak-kanak India turut diperhatikan melalui sebutan kanak-kanak.

GAMBAR 1

GAMBAR 2

GAMBAR 3

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah dapat mengenal pasti tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal golongan kata bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah swasta. Kajian ini juga menjelaskan faktor-faktor afektif dalam pemerolahan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah.

KAJIAN LITERATUR

Kajian Indumathy Munusamy, iaitu Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Peralihan Di Tiga Buah Sekolah Di Daerah Skudai (2013) bertujuan untuk mengenal pasti faktor–faktor yang menyebabkan penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan pelajar peralihan. Terdapat lima faktor yang dikaji dalam kajian ini, iaitu sikap pelajar, gangguan yang dialami dan jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar peralihan dalam aspek penulisan, pembacaan dan pertuturan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar peralihan dalam berbahasa Melayu berada pada tahap yang sederhana dan terdapat beberapa jenis kesilapan dari aspek bahasa, kosa kata, pengolahan dan intonasi yang dilakukan oleh mereka dalam beberapa aspek penulisan, pembacaan dan pertuturan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penguasaan pelajar peralihan memang pada tahap yang sederhana sahaja dan mereka memerlukan kaedah pengajaran yang baik dan sokongan daripada pelbagai pihak untuk memperbaiki tahap

penguasaan bahasa Melayu mereka.

Rohaidah (2013) dalam kajiannnya , Hubungan Faktor Ekstralinguistik Bahasa Kedua Dengan Pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar-Pelajar Melayu di Negeri Sembilan yang menggunakan Teori Monitor mendapati bahawa faktor afektif mempengaruhi kadar dan kualiti pemerolehan bahasa kedua pelajar. Monitor memproses bentuk-bentuk linguistik dalam keadaan sedar dan pengetahuan linguistik ini digunakan oleh pelajar untuk membetulkan pertuturan dan penulisannya. Beberapa faktor afektif seperti motif, sikap, keperluan dan emosi menapis bahasa yang didengari oleh mereka.

Abdul Rahim dan Mohd Sharifudin (2014) dalam kajian mereka berpendapat bahawa kanak-kanak Orang Asli di bandar raya Kuala Lumpur menunjukkan sikap positif dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Selain itu, pelajar bahasa kedua dikatakan perlu mempunyai sikap yang positif dalam pembelajaran bahasa kerana sikap penting bagi individu itu untuk menguasai sesuatu kemahiran berbahasa. Dalam kajian ini, kanak-kanak Iban menunjukkan sikap yang sangat positif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan ini menyokong Ilangko et al. (2014), Zamri, Kamiliah Ayu dan Wan Muna Ruzanna (2016) serta Jerie dan Zamri (2011) menjelaskan bahawa sikap merupakan penyumbang utama kepada pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kanak-kanak yang yang mempunyai sikap positif mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua kanak-kanak.

Anida Sarudin (2016) dalam kajiannya yang berjudul Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang telah mengenal pasti pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak prasekolah berdasarkan bahan rangsangan berbentuk gambar dan soalan yang terbahagi kepada lima bahagian linguistik, iaitu fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik mengikut aras Taksonomi Bloom. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan bahasa kanak-kanak lima tahun lebih tinggi daripada kanak-kanak berumur empat dan tiga tahun. Menariknya, terdapat juga dapatan songsang terhadap tahap penguasaan bahasa kanak-kanak tersebut berdasarkan bahagian linguistik yang diuji. Dapatan tersebut menunjukkan pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang terlibat berkemungkinan dipengaruhi oleh ketidakseimbangan penyusunan bahagian linguistik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa mereka.

Kajian yang dijalankan sebelum ini menyentuh satu sahaja faktor yang mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini menyentuh beberapa faktor yang mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan bahasa Malayu dalam kalangan kanak-kanak di prasekolah agar menjadi panduan kepada guru-guru prasekolah. Penyelidikan ini sedikit berbeza daripada kajian lepas kerana kajian ini dapat menghuraikan leksikal golongan kata nama yang diujarkan oleh kanak-kanak India berdasarkan pemahaman mereka apabila melihat beberapa gambar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Tahap Penguasaan Leksikal

Dapatan kajian ditunjukkan dalam bentuk rajah dan jadual berserta huraian. Rakaman perbualan guru dan responden dijalankan dalam dua sesi, iaitu secara kumpulan dan individu. Beberapa soalan ditanyakan oleh guru untuk merangsangkan kanak-kanak dapat mengujarkan golongan kata.

Golongan kata / Gambar	Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif	Kata Tugas
Gambar 1	kuning	tidur baring duduk	-	empat tidak tak boleh
Gambar 2	rumah taman	-	besar biru putih merah jambu	paling aduh,sakitnya jangan Wah, cantiknya
Gambar 3	ayah emak bapa malam			hadapan depan

Jadual 1: Jawapan responden berdasarkan leksikal golongan kata

Golongan kata terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata tugas dan kata adjektif. Kata nama terbahagi kepada nama am, nama khas, ganti nama dan nama terbitan. Terdapat beberapa responden menggunakan leksikal kata nama bahasa Melayu yang sesuai apabila gambar ditunjukkan kepada responden. Responden dapat menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai seperti "saya" apabila guru menanyakan soalan. Kata adjektif dalam golongan kata berperanan sebagai menerangkan sifat sesuatu kata nama. Antara leksikal warna bahasa Melayu yang digunakan oleh responden ialah putih, merah jambu dan kelabu. Responden dapat mengujarkan leksikal kata adjektif untuk menunjukkan ukuran seperti "besar". Terdapat responden yang menggunakan leksikal bahasa Inggeris untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru mereka berdasarkan gambar yang berfungsi sebagai rangsangan visual. Walaupun responden berbangsa India dan bahasa ibunda mereka ialah bahasa Tamil, mereka lebih arif mengujarkan leksikal perkataan bahasa Melayu walaupun terdapat pengaruh bahasa Inggeris dalam bahasa. Tiada leksikal bahasa Tamil yang diujarkan apabila soalan yang memerlukan mereka mengujarkan leksikal warna dikemukakan oleh guru mereka. Responden yang berusia 6 tahun kerap mengujarkan leksikal kata bahasa Melayu yang betul, terutamanya untuk menyatakan warna seperti biru, merah jambu dan kuning. Malahan menggunakan kata adjektif seperti "besar" untuk menyatakan sifat sesuatu objek.

Kata kerja ialah kata yang digunakan untuk menyatakan perbuatan seseorang. Responden telah menggunakan perkataan seperti "tidur", "baring" dan "duduk". Leksikal kata kerja bahasa kedua yang dipelajari oleh responden digunakan apabila guru menanyakan soalan kepada mereka. Terdapat responden yang menjawab dalam bahasa Inggeris pada awalnya, namun setelah beberapa kali disoal oleh gurunya dan melihat kawan-kawannya berkomunikasi dalam bahasa Melayu maka responden itu berjaya mengujarkan leksikal kata kerja dalam bahasa Melayu. Responden terbabit ingin diterima dalam komuniti itu dan hal ini membolehkannya mengujarkan leksikal kata kerja bahasa Melayu yang betul berdasarkan rangsangan visual yang ditunjukkan oleh guru. Bagi gambar ketiga, guru menanyakan soalan kepada responden dengan mimik muka yang tegas dan hal ini menyukarkan mereka mengujarkan leksikal yang sesuai. Faktor emosi dilihat sebagai satu faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa seseorang pelajar yang membawa implikasi terhadap pengujaran leksikal responden itu. Responden berasa takut dan cenderung melakukan kesalahan. Responden menggunakan

leksikal kata tugas, iaitu kata bilangan (empat), kata nafi (tidak dan tak), kata penguat (paling), kata seru (aduh dan wah), kata perintah (jangan), dan kata arah (depan, hadapan). Responden dapat menggunakan leksikal kata tugas yang betul apabila guru menanyakan soalan. Malah terdapat responden yang menggunakan kata seru yang betul sejurus selepas gambar basikal ditunjukkan. Terdapat responden yang mengujarkan leksikal perkataan "Wah, cantiknya basikal ini!". Penggunaan leksikal kata perintah, iaitu jangan juga dapat diujarkan oleh responden apabila guru menanyakan sama ada responden boleh bermain basikal di jalan raya. Responden yang berusia 6 tahun lebih cenderung untuk menggunakan leksikal kata tugas yang sesuai berbanding dengan responden berusia 5 tahun apabila soalan ditanyakan oleh guru mereka.

Penyelidik berpendapat bahawa pemerolehan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India mengikut golongan kata pada usia 5 hingga 6 tahun berlaku dengan baik. Pemerolehan bahasa Melayu kanak- kanak India pada usia ini adalah baik dan mereka menerima bahasa kedua walaupun bahasa pertama atau ibunda masih mempengaruhi pemerolehan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India secara minimum. Pemerolehan bahasa Melayu kanak- kanak yang berumur 6 tahun berlaku dengan lebih berkesan kerana leksikal golongan kata kanak-kanak adalah bervariasi berbanding kanak-kanak berusia 5 tahun. Kanak-kanak berusia 6 tahun dapat menggunakan kata seru, ayat perintah dan kata hubung dalam pertuturannya. Bahasa kanak-kanak berusia enam tahun berkembang dan mereka dapat mengecam dan membezakan leksikal. Tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak semakin baik apabila umur mereka semakin meningkat dan dapat menjawab objektif penyelidik. Kajian juga menunjukkan bahawa bilangan ujaran yang disebut oleh kanak-kanak semakin meningkat apabila usia kanak-kanak meningkat.

FAKTOR AFEKTIF

Faktor afektif berfungsi menapis bahasa yang digunakan oleh penutur. Kajian oleh Dulay et.al yang dibincangkan oleh Noor Aina Dani(2007) telah menggunakan istilah 'filter' merujuk faktor afektif yang menapis keluar bahagian tertentu dalam bahasa daripada persekitaran bahasa pelajar. Faktor afektif adalah seperti motif, keperluan sikap dan keadaan emosi.

Pengaruh faktor afektif dapat dilihat dalam kajian pemerolehan leksikal kanak-kanak India di prasekolah. Penyelidik berpendapat bahawa faktor afektif motif mempengaruhi filter kanak-kanak India ini. Kanak-kanak yang mempunyai motif untuk menggunakan bahasa kedua mereka dalam percakapan seharian. Dalam kajian ini, responden yang ingin diterima dalam komuniti dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Responden yang berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu bersama rakan-rakannya yang berbangsa Melayu cuba menggunakan leksikal bahasa Melayu sekerap yang mungkin.

Faktor afektif seterusnya ialah motivasi. Terdapat tiga jenis motivasi yang mempengaruhi pemerolehan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India. Motivasi integratif, iaitu keinginan kanak- kanak dalam turut serta dalam masyarakat bahasa yang dipelajarinya. Responden yang terdiri daripada kanak-kanak India di prasekolah ini sentiasa menggunakan bahasa kedua mereka kerana ingin diterima oleh kawan-kawan mereka yang terdiri daripada penutur bahasa Melayu. Seterusnya ialah motivasi instumental. Motivasi instumental ialah keinginan kanak- kanak untuk menggunakan bahasa yang dipelajari oleh mereka untuk sesuatu tujuan. Hudson (2000) berpendapat,

keinginan mendapat sesuatu yang pratikal atau konkrit menerusi pembelajaran bahasa kedua, misalnya ganjaran bersifat pujian, ekonomi atau meningkatkan status masyarakat. Motivasi kanak- kanak ini lahir apabila guru mata pelajaran tersebut memberikan motivasi positif kepada pelajar. Guru-guru yang sentiasa merangsang pemikiran responden untuk mengujarkan leksikal bahasa Melayu dapat memotivasikan kanak-kanak ini untuk lebih yakin dalam mengujarkan leksikal golongan kata bahasa Melayu.

Terdapat gangguan emosi responden daripada responden di prasekolah berkenaan. Terdapat banyak faktor yang berkait dengan emosi kanak- kanak. Antaranya punca yang menyebabkan berlaku gangguan emosi ialah persekitaran sekolah, sebarang peristiwa dalam keluarga, pengaruh rakan sebaya, tindakan guru, dan sebagainya lagi. Penyelidik berpendapat bahawa persekitaran responden merupakan faktor yang mengganggu pemerolehan dan penguasaan kanak-kanak India disebabkan kehadiran penyelidik dalam bilik ketika sesi individu. Hal ini menyebabkan responden kurang berkeyakinan untuk menjawab soalan yang dikemukan oleh guru. Responden yang kurang sihat sedikit terganggu emosinya dan menyebabkan responden sedikit teragak-agak dalam mengujarkan leksikal golongan kata.

Sikap responden dalam pemerolehan leksikal bahasa Melayu adalah penting. Sikap responden yang positif mendorongnya untuk menggunakan bahasa Melayu. Sikap banyak mempengaruhi sejauh mana pelajar dapat mempelajari dan menguasainya dengan cepat (Zamri Mahamud dan Awang Salleh Awang Wahap, 2008:201). Sikap responden yang ingin menjawab dalam bahasa kedua, iaitu bahasa Melayu merupakan faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk menggunakan leksikal bahasa Melayu. Terdapat responden menjawab dalam bahasa Melayu melihat kawan-kawannya dipuji oleh guru kerana menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Responden yang ingin turut mendapatkan pujian mengujarkan leksikal golongan kata bahasa Melayu. Penyelidik berpendapat bahawa responden in cuba menggunakan bahasa Melayu kerana memiliki sikap yang positif dan mempunyai kesedaran tentang pentingnya bahasa kedua. Motivasi untuk belajar sesuatu bahasa dipengaruhi sikap seseorang terhadap sesuatu bahasa (Zamri Mahamod, 2008:197). Motivasi ini ialah motivasi integratif, motivasi instrumental dan motivasi pengiktirafan kumpulan sosial. Motivasi integratif dikatakan wujud dalam diri responden apabila apabila kanak-kanak India itu untuk menyertai hidup bermasyarakat di prasekolah manakala motivasi instrumental merupakan kemahuan untuk menggunakan bahasa yang dipelajari untuk tujuan menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru dalam bahasa Melayu. Motivasi pengiktirafan kumpulan sosial merupakan kemahuan memperoleh kemahiran bahasa yang dituturkan oleh kumpulan sosial yang diiktirafkan oleh pelajar. Kanak-kanak India ini memerlukan motivasi daripada persekitaran mereka. Guru-guru perlu membantu kanak-kanak yang bertutur bahasa kedua itu untuk mempelajari bahasa mereka. Kanak-kanak India di prasekolah ini telah menerima motivasi yang sebetulnya membolehkan pemerolehan leksikal golongan kata kanak-kanak India di prasekolah berlaku dengan baik. Faktor afektif seperti emosi kanak-kanak, sikap kanak-kanak dan motivasi harus dikenal pasti agar pemerolehan bahasa berlaku dengan baik.

KESIMPULAN

Pendidikan prasekolah meningkatkan kebolehan kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan mereka dan memupuk sikap posif dalam kalangan kanak-kanak. Pendidikan prasekolah meningkatkan kebolehan kanak-kanak dalam sesebuah aspek

perkembangan fizikal dan mental, di samping memupuk sikap positif. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia penting disematkan dalam diri kanak-kanak sejak mereka kecil lagi kerana memudahkan pemerolehan dan penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu. Penguasaan yang baik dalam bahasa Melayu membantu meningkatkan kemahiran berbahasa kanak-kanak dan membantu mereka untuk berkomunikasi dengan baik, terutamanya dengan masyarakat sekeliling.

Tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa pada anak dipengaruhi oleh usia kanak-kanak. Kanak-kanak harus mendengar terlebih dahulu kata-kata atau kalimat yang diujarkan seseorang. Kata-kata yang diujarkan berdasarkan proses berfikir, aktiviti yang dilakukan dan benda yang disaksikan. Pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak berkembang sejajar dengan perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak itu. Kanak-kanak yang berusia empat hingga lima tahun mula menggunakan perkataan yang kompleks dengan tatabahasa dan nahu yang betul, terutama dari segi sebutan, makna, imbuhan, bunyi dan penggunaan ayat. Perkataan atau ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak lebih sistematik dan dapat menyatakan makna tertentu.

Kanak-kanak mula menggunakan bahasa pada peringkat prasekolah lagi kerana mempunyai kebolehan menguasai sesuatu bahasa itu. Kanak-kanak India ini perlu motivasi daripada persekitaran mereka. Guru perlu membantu kanak-kanak bahasa kedua untuk memperoleh bahasa kedua mereka. Jika kanak-kanak tidak diberikan tunjuk ajar dan motivasi yang sebetulnya agar mereka terdorong mempelajari bahasa kedua ini maka pemerolehan bahasa kedua, iaitu bahasa Melayu menjadi sukar. Guru prasekolah boleh membuat strategik yang berkesan dengan menekankan penggunaan bahan rangsangan visual dalam pengajaran bahasa. Prasekolah perlu mengambil inisatif untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, terutamanya sebagai medium komunikasi. Kaedah pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu menggunakan pendekatan visual ditekankan kerana merangsangkan kanak-kanak meneroka, di samping mengukuhkan kordinasi motor kasar dan halus.

Kementerian Pendidikan merancang silibus pengajaran yang menekankan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Pusat-pusat prasekolah ini mempunyai matlamat dan objektif penubuhan yang berbeza kerana dikendalikan oleh pihak yang berbeza. Kajian ini membantu Kementerian Pendidikan memastikan bahawa Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan digunakan oleh prasekolah swasta. Guru prasekolah juga harus mempunyai latihan secukupnya dalam bidang mereka. Pelbagai strategik dalam pengajaran dan pembelajaran (Pdp) yang perlu dirancang oleh guru yang mempunyai pelajar dalam pelbagai tahap penguasaan dan pemerolehan bahasa mereka.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahim Abu, dan Mohd Sharifudin Yusop, (2014) Sikap kanak-kanak orang Asli di Bandar Raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*; Malay Language Education (MyLEJ), 4 (2). pp. 57-66

Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman, Ahmad Khair Mohd Noor, (2016) Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics* (IJLEAL) , 4 pp 93-106

Chomsky, N. & Miller, G.A.,(1963) Introduction to the formal analysis of natural languages. In: Handbook of mathematical psychology, R.D. Luce, R.R. Bush & E.

Galanter, (eds.), New York: Wiley.
Dardjowidjojo, Soenjono. (2003). *Kisah Pemerolehan Bahasa Anak Indonesia*.Jakarta: Grasindo.
Dulay, H., Marina, B., and Stephen, K. (1982) *Language Two*. London: Oxford University Press.
Gardner & Associates. A.M. Masgoret. (2003). *Attitudes, Motivation, and Second Language Learning: A Meta–Analysis of Studies*. A Jurnal of Research in Language Studies. Victoria University of Wellington.
Hudson, G. (2000) *Essential Introductory Linguistics*. Oxford: Blackwell.
Ilangko Subramaniam. (2014). Aktiviti Permainan Bahasa, Wahana Penguasaan Kosa Kata, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia. (4) pp 1-9
Indhumathy Munusamy (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Peralihan Di Tiga Buah Sekolah Di Daerah Skudai* (Tesis Master). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
Jerie anak Peter Langan dan Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1 (1): 13-25.
Krashen, Stephen D. (1974)"Laterization, Language, Learning and the Critical Period: Some New Evidence." Language Learning, 23:63-74, University of California, Los Angles, CA.
Layson J. (1981). *Language and Linguistics.An Introductio.* Cambridge: University Press
Maksan, Marjusman. (1993). *Psikolinguistik.* Padang: IKIP Padang Press.
Mangantar Simanjuntak. (1982). *Pemerolehan Bahasa Melayu:Bahagian Fonologi*. Jurnal Dewan Bahasa, Ogos/September, 615-625.
Mangantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka.
Mangantar Simanjuntak. (1990). *Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak*. Jurnal Dewan Bahasa, September. 692-704.
Mussen, P (ed.), (1983) Handbook of Child Psychology, Vol. 1. (4th ed., New York: Wiley)
Noor Aina Dani. (2007). *Penghantar Psikolinguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn.Bhd
Norhana binti Md.Saller. (2017). *Pemerolehan Leksikal Bahasa Jepun Melalui Penceritaan Digital* (Tesis Master). Fakulti Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
Rohaidah Kamaruddin. (2013). *Ekstralinguistik Bahasa Kedua dalam Pembelajaran Bahasa Pelajar Melayu yang multilingual di Sekolah Berasrama Penuh.*(Tesis PHD). Universiti Putra Malaysia, Serdang
Zamri Mahamod & Awang Salleh Awang Wahap. (2008). Perkembangan bahasa dan perubahan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Bahasa*, 8 (1): 160-203 Penerbitan Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur
Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 38- 51.

PERTANIKA JOURNALS

MAHAWANGSA

Laman sesawang: http://www.mahawangsa.upm.edu.my/

Perbezaan Jantina, Tahap Pengetahuan dan Penerimaan Penggunaan Peta Pemikiran *i-Think* dengan Penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua Pelajar Etnik Bidayuh

Zamri Mahamod[1*] dan Christine Linsah[2]

[1]*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

[2]*Sekolah Menengah Kebangsaan Serian, 94700 Serian, Sarawak, Malaysia*

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan gender dan tahap pengetahuan dan penerimaan pelajar etnik Bidayuh ketika diajar menggunakan peta pemikiran *i-think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dua mereka. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan 234 orang pelajar tingkatan 4 etnik Bidayuh Bukar Sadung (BBS) daripada empat buah sekolah menengah di Daerah Serian, Sarawak. Instrumen soal selidik berskala lima Likert digunakan untuk mengumpul data berkaitan pengetahuan dan penerimaan pelajar terhadap peta pemikiran *i-think* dan juga tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar. Data dianalisis menggunakan program SPSS *(Statistical Package For Social Sciences Version 22.0).* Statistik inferensi, iaitu ujian chi square dan ujian korelasi Spearman's rho digunakan untuk menjawab hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan perbezaan dari segi jantina pelajar terhadap penggunaan pet pemikiran *i-think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Namun demikian terdapat perbezaan dari segi tahap pengetahuan dan penerimaan penggunaan peta pemikiran *i-think* dengan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik Bidayuh. Dengan kata lain, penggunaan peta pemikiran *i-think* dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik Bidayuh yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Kata kunci: Peta pemikiran, jantina, tahap pengetahuan, tahap penerimaan, bahasa kedua, etnik Bidayuh.

Gender Different, Knowledge and Acceptance Level of Using i-Thinking Map With Mastery of Malay Language as a Second Language among Bidayuh Ethnic Students

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

d-zam@ukm.edu.my (Zamri Mahamod)

christinelinsah@gmail.com (Christine Linsah)

*Penulis penghubung

ABSTRACT

This study was conducted to identify gender differences and the level of knowledge and acceptance of Bidayuh ethnic students using i-think thinking maps in learning Malay Language as a second language. This survey was conducted using 234 form 4 Bidayuh Bukar Sadung (BBS) students from four secondary schools in Serian District, Sarawak. Likert five-point questionnaires

ISSN: 2289-7259 © Penerbit Universiti Putra Malaysia

are used to collect data on knowledge and acceptance of students on i-think thinking maps and also the level of Malay Language proficiency. The data were analyzed using the SPSS program (Statistical Package for Social Sciences Version 22.0). Inference statistics, the chi square test and Spearman's rho correlation test are used to answer the hypothesis of the study. The findings show that there is no difference in the difference between the gender of the student to the use of i-think thinking in Malay Language learning. However there is a difference in the level of knowledge and acceptance of the use of i-think thinking map with the mastery of Malay Language among Bidayuh ethnic students. In other words, the use of i-think thinking map can help increase the level of mastery of the Malay Language of Bidayuh ethnic students who study Malay Language as the second language.

Keywords: Thinking maps, gender, level of knowledge, level of acceptance, second language, Bidayuh ethnic

---

PENGENALAN

Pendidikan pada hari ini menggunakan pendekatan atau kaedah yang mampu meningkatkan tahap pemikiran pelajar dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di sekolah. PdPc yang dibuat perlu mengambil kira kesesuaian dengan keperluan serta kebolehan pelajar yang terdiri daripada golongan yang berkebolehan tinggi, sederhana atau rendah. Kaedah PdPc perlu melalui proses perubahan yang lebih efektif agar dapat membuka minat pelajar yang lebih baik. Menurut Zamri (2014), kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengambil kira aspek kemahiran berfikir itu adalah merupakan aspek penting dalam menguasai sesuatu kemahiran yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian pelajar. Oleh itu, menjadi tanggungjawab dan peranan guru dalam menyediakan persekitaran dan iklim yang boleh mewujudkan suasana PdPc yang mampu merangsang kemahiran berfikir pelajar di sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2012 telah memperkenalkan program *i-think.* Tujuan peta pemikiran *i-think* adalah untuk meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar agar dapat melahirkan pelajar berinovatif dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Peta pemikiran *i-think* yang telah diasaskan dan dikembangkan oleh Hyerle (1996) menjadi akar umbi pelaksanaan program ini yang memberikan fokus kepada penyelidikan komprehensif dalam melahirkan pelajar yang kreatif, berfikiran analitis, memahami konsep dan bersistem dalam pemikiran melalui alat pemikiran visual.

Justeru, penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam proses PdPc dapat melatih pelajar supaya berfikir dengan lebih mendalam dan terperinci terhadap sesuatu perkara, di samping menanamkan budaya berfikir aras tinggi dalam diri setiap pelajar. Menurut Anthony dan Yahya (2017), penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Isu pengajaran berpusatkan guru dan mengamalkan corak pengajaran tradisional masih menjadi kekangan dalam merealisasikan kemahiran berfikir pelajar. Pengajaran

berpusatkan guru menyebabkan objektif Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) bukan sahaja tidak tercapai malah menyebabkan isu pelajar pasif terus berlaku. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Zamri (2014) yang menyatakan bahawa kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan jika pengajaran masih menggunakan kaedah tradisional dan tanpa mengambil kira kemahiran berfikir pelajar sedangkan kemahiran berfikir merupakan aspek penting dalam menguasai kemahiran yang banyak mempengaruhi pencapaian pelajar.

Kajian Siti Zabidah (2006) menyatakan bahawa perlakuan pelajar yang pasif boleh diatasi dengan mengaktifkan interaksi guru dengan pelajar, pelajar dengan pelajar dan penggunaan alat bantu mengajar di samping memberi sedikit kebebasan untuk berfikir secara kreatif melalui penglibatan aktif pelajar dan memudahkan pelajar meluahkan idea. Isu guru yang masih belum menguasai kemahiran berfikir menyebabkan guru tidak menekankan kemahiran berfikir dalam pengajaran di dalam bilik darjah.

Guru-guru tidak mengajar pelajar menguasai kemahiran mencari, memahami, menganalisis dan menggunakan maklumat. Guru masih gemar menggunakan kemahiran berfikir aras rendah berbanding dengan menggunakan penyerapan kemahiran kritis. Kajian oleh Siti Zabidah (2006) mendapati guru Bahasa Melayu masih belum dapat menyebatikan kemahiran berfikir dalam proses PdPc. Pendapat ini disokong oleh kajian Sharifah Nor (2012) yang menyatakan bahawa kemahiran berfikir guru Bahasa Melayu masih berada pada tahap penggunaan mekanikal dan belum diserapkan secara terancang. Kemahiran berfikir juga masih belum direalisasikan dengan berkesan dan memerlukan program intervensi untuk membantu guru menerapkan KBAT.

Tanggapan negatif serta minat pelajar bukan Melayu yang rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu turut menjadi isu yang perlu diketengahkan. Chew Fong Peng (2014) mendapati bahawa pelajar bukan Melayu tidak berminat dalam pembelajaran Bahasa Melayu kerana mempunyai tanggapan bahawa pembelajaran Bahasa Melayu lebih berpusatkan orang Melayu. Apabila tidak mempunyai minat terhadap sesuatu subjek, maka mereka juga tiada motivasi untuk mempelajari subjek tersebut (Zamri dan Sharlina 2016). Namun sebaliknya, jika minat itu wujud terutama dalam PdPc Bahasa Melayu, pelajar mampu melakukan semua aktiviti seperti main peranan, menulis skrip, lakonan dan sebagainya. Menurut Saemah dan Zamri (2016), para pelajar lebih menyukai cara mudah dan cepat untuk diberi jawapan berbanding diminta untuk memikirkan dengan lebih mendalam. Mereka tidak mahu berfikir dan tiada motivasi untuk berfikir, termasuk pelajar bukan Melayu.

Kajian tentang PdPc Bahasa Melayu terhadap pelajar bukan Melayu pernah dikaji oleh beberapa orang pengkaji antaranya Abdul Rasid (2010) dan Mohamad Yazid (2016) mengenai permasalahan PdPc Bahasa Melayu terhadap pelajar etnik Cina. Mohd Fuad (2018) mengkaji pembelajaran pelajar etnik India dalam pembelajaran bahasa Melayu. Athnony dan Yahya (2017) serta Nancy (2017) mengkaji pelajar etnik Melanau dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Malahan terdapat kajian tentang yang mengkaji pelajar etnik Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu seperti kajian Jerie dan Zamri (2011) dan Celinea (2018). Namun demikian, belum ada satu kajian yang khusus mengkaji pelajar etnik Bidayuh yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka.

Selain itu, belum ada satu kajian yang mengaitkan penggunaan peta *i-think* dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu di Sarawak amnya, khususnya dalam kalangan pelajar etnik Bidayuh Bukar Sadung (BBS) yang

mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kebanyakan kajian tentang peta pemikiran *i-think* dijalankan dalam kalangan pelajar Melayu seperti kajian Jumaliah (2014), Nik Nur Farihah (2014), dan Mohd Zaki (2018). Oleh itu kajian ini mengkaji sama ada penggunaan peta pemikiran *i-think* membantu tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik BBS dengan baik.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan peta pemikiran *i-think* terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar tingkatan 4 daripada etnik Bidayuh Bukar Sadung (BBS) di daerah Serian, Sarawak. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti kekerapan penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua antara jantina.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan penggunaan peta pemikiran *i-think* dengan penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS sebagai bahasa kedua.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan penggunaan peta pemikiran *i-think* dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS sebagai bahasa kedua.

HIPOTESIS KAJIAN

Kesemua penyataan hipotesis adalah berbentuk hipotesis nol. Sebanyak dua hipotesis kajian dibentuk bagi menjawab soalan kajian nombor 2, 3, dan 4, iaitu:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan kekerapan penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua antara jantina.

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan penggunaan peta pemikiran *i-think* dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar BBS Sadung sebagai bahasa kedua.

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan penggunaan peta pemikiran *i-think* dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar BBS sebagai bahasa kedua.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan. Kajian tinjauan merupakan satu kaedah untuk mengumpulkan maklumat dengan menanyakan senarai satu set soalan kepada satu sampel individu yang dipilih daripada satu populasi yang hendak dikaji (Sabitha 2005). Borang soal selidik yang disediakan oleh penyelidik berkaitan pengetahuan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think*, penerimaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu, dan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik BBS berbantukan peta pemikiran *i-think*. Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar etnik BBS di empat buah sekolah menengah di daerah Serian. Oleh itu, kaedah ini sesuai untuk mengetahui, mengenal pasti serta mengukuhkan data kuantitatif bagi kajian berkaitan penggunaan

peta pemikiran *i-think* terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar etnik BBS.

Populasi, Lokasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini merupakan pelajar tingkatan 4 etnik Bidayuh Bukar Sadung (BBS) di Daerah Serian. Seramai 557 orang pelajar tingkatan 4 daripada empat buah sekolah menengah kebangsaan yang dikaji. Kajian ini hanya melibatkan empat berbanding enam buah sekolah menengah kerajaan di Daerah Serian. Penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) digunakan dalam pemilihan ampel kajian. Walaupun 400 soal selidik diedarkan namun pengkaji berjaya mengutip balik 234 borang dan bilangan ini sesuai berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970). Justeru, 234 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, iaitu lebih daripada 50.0% responden kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah soal selidik yang diubah suai daripada kajian Jumaliah (2014) dan Nik Nur Farihah (2014). Soal selidik ini dalam kajian ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian A merupakan maklumat asas latar belakang responden seperti jantina, aliran, tahap pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, pendapatan isi keluarga sebulan, bahasa pertuturan, tahap penguasaan Bahasa Melayu keluarga dan kekerapan penggunaan peta i-think. Bahagian B pula mengandungi maklumat berkaitan tahap pengetahuan responden tentang nama serta proses pemikiran bagi lapan jenis peta pemikiran *i-think*. Item-item soal selidik dalam Bahagian C mengandungi maklumat berkaitan tahap pengetahuan responden mengenai penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu. Bahagian D mengandungi maklumat berkaitan tahap penerimaan responden terhadap penggunaan peta *pemikiran i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu. Bahagian E mengetengahkan tahap penguasaan Bahasa Melayu responden dengan penggunaan peta *pemikiran i-think* dalam PdP Bahasa Melayu.

Bahagian C, D dan E menggunakan skala ukuran Likert 5 tahap yang mengandungi lima pilihan jawapan dari nilai 1 hingga 5. Kedudukan skala adalah seperti berikut: 1. Sangat tidak setuju (STS), 2. Tidak setuju (TS), 3. Kurang setuju (KS), 4. Setuju (S), dan 5. Sangat setuju (SS). Responden diminta untuk membulatkan nombor yang bersesuaian berdasarkan kenyataan yang diberikan.

Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Item

Penyelidik telah menjalankan kajian rintis bagi menguji borang soal selidik sebagai alat kajian bagi memperoleh kebolehpercayaan set soal selidik tersebut. Kajian rintis ini dilakukan terhadap 30 orang pelajar tingkatan 4 yang merupakan pelajar etnik BBS dari sebuah sekolah menengah di daerah Serian sesuai dengan ciri-ciri pelajar yang akan digunakan untuk memperoleh data kajian. Seterusnya, semua data yang diperoleh daripada kajian rintis dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS version 22.0* untuk memperoleh nilai pekali alpha Cronbach. Data melibatkan tiga konstruk dalam kajian iaitu konstruk pengetahuan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think*, penerimaan pelajar etnik BBS terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS melalui PdPc Bahasa Melayu menggunakan peta pemikiran *i-think*.

Dapatan kajian rintis mendapati nilai alpha Cronbach bagi konstruk pengetahuan pelajar kaum Bidayuh Bukar Sadung terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think* ialah 0.82, nilai alpha Cronbach bagi konstruk penerimaan pelajar etnik BBS terhadap peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu ialah 0.91, dan nilai alpha Cronbach bagi konstruk penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS melalui penggunaan peta pemikiran *i-think* ialah 0.88. Hal ini menunjukkan item-item yang terdapat dalam ketiga-tiga konstruk diterima kerana mempunyai nilai yang sesuai. Menurut Mohd Majid (2005), nilai alpha yang melebihi 0.600 dikategorikan sebagai item yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi

Analisis Data

Dua jenis analisis data telah digunakan untuk menganalisis data iaitu data deskriptif dan juga dengan menggunakan analisis ujian-t. Ujian-t merupakan ujian statistik inferensi yang digunakan untuk membandingkan dua atau lebih daripada dua kumpulan data selang atau nisbah. Data daripada soal selidik akan dianalisis melalui perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 22.0*. Mohd Majid (2005) menyatakan bahawa min adalah petanda arah tuju hasil kajian. Oleh itu pengiraan menyeluruh merangkumi peratusan, min (setiap item dan keseluruhan) dan frekuensi hendaklah dilakukan. Oleh itu, penentuan julat min sama ada tinggi, sederhana atau rendah ditentukan berdasarkan kepada jadual penetapan min oleh Mohd Majid (2005) seperti yang berikut:

Jadual 1
Tahap penilaian responden berdasarkan min

Skala	Tahap
3.68 - 5.00	Tinggi
2.34 - 3.67	Sederhana
1.00 - 2.33	Rendah

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Dapatan kajian seperti dalam Jadual 2 menunjukkan jumlah responden lelaki dan perempuan masing-masing seramai 117 orang (50.0%). Taburan frekuensi dan peratusan responden berdasarkan aliran adalah seramai 75 orang (32.1%) merupakan pelajar aliran Sains dan seramai 159 (67.9%) orang pula merupakan pelajar aliran Sastera. Dapatan kajian menunjukkan bahasa BBS merupakan bahasa yang paling banyak dituturkan oleh responden dengan ahli keluarganya, iaitu seramai 203 orang (86.8%). Bahasa kedua paling banyak dituturkan oleh responden ialah Bahasa Melayu, iaitu seramai 26 orang (10.7%), manakala bahasa paling sedikit dituturkan antara responden dengan ahli keluarganya ialah Bahasa Inggeris, iaitu seramai 6 orang (2.6%).

Jadual 2
Profil responden kajian

Profil	Kumpulan	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	117	50
	Perempuan	117	50
Aliran	Sains	75	32
	Sastera	159	68
Bahasa pertuturan dalam keluarga	Bahasa Bidayuh Bukar Sadung	203	87
	Bahasa Melayu	25	11
	Bahasa Inggeris	6	3
Penguasaan Bahasa Melayu ahli keluarga	Tidak baik	4	2
	Kurang baik	51	22
	Baik	179	77

Kekerapan Penggunaan Peta Pemikiran *i-Think* dalam PdPc Bahasa Melayu antara Jantina Pelajar Etnik Bidayuh Bukar Sadung

Ho1: Tidak terdapat perbezaan kekerapan penggunaan peta pemikiran i-think dalam PdPc Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua antara jantina.

Hasil analisis dalam Jadual 3 mendapati keputusan ujian khi kuasa dua (x^2= 0.08, df= 2, p > .05) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kekerapan penggunaan peta pemikiran *i-think* yang signifikan antara jantina pelajar etnik BBS. Nilai signifikan pada aras p=0.96. Oleh itu, Ho1 adalah **diterima**. Hal ini bermakna faktor jantina tidak mempengaruhi kekepan penggunaan peta pemikiran *i-think* pelajar etnik BBS ketika belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Jadual 3
Ujian Chi square untuk melihat perbezaan kekerapan penggunaan peta pemikiran i-think antara jantina

		Frekuensi dan Peratus (%)			x^2	df	Sig. (p)
		Selalu	Jarang-jarang	Tiada			
Jantina	Lelaki	12 (10.3)	98 (83.8)	7 (6.0)	0.08	2	0.96
	Perempuan	12 (10.3)	99 (84.6)	6 (5.1)			

Signifikan pada aras 0.05

Hubungan Kolerasi antara Pengetahuan Mengenai Peta Pemikiran *i-Think* dengan Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Etnik Bidayuh Bukar Sadung

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan penggunaan peta pemikiran i-think dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS sebagai bahasa kedua.

Hasil analisis yang dijalankan, hasil kajian mendapati pengetahuan tentang peta pemikiran *i-think* dan penguasaan Bahasa Melayu mempunyai hubungan yang sederhana (r = 0.586) dan nilai signifikan = 0.00 (p<0.05) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Oleh itu, Ho2 adalah ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang

penggunaan peta pemikiran *i-think* dapat membantu penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS. Peta pemikiran *i-think* dapat membantu pelajar etnik BBS mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan baik.

Jadual 4
Korelasi Spearman's Rho untuk melihat hubungan antara pengetahuan tentang peta pemikiran i-think dengan penguasaan Bahasa Melayu

Hubungan		**Korelasi Spearman's Rho (*r*)**	**Sig.**	**Interpretasi**
Pengetahuan tentang peta pemikiran *i-think*	Penguasaan Bahasa Melayu	.586	.000	Sederhana

Signifikan pada aras 0.05

Hubungan Korelasi antara Penerimaan Penggunaan Peta Pemikiran *i-Think* dalam PdPc Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dengan Penguasaan Bahasa Melayu

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan penggunaan peta pemikiran i-think dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar BBS sebagai bahasa kedua.

Berdasarkan Jadual 5, hasil kajian mendapati penerimaan penggunaan peta pemikiran *i-think* mempunyai hubungan kolerasi positif yang signifikan dengan penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS. Kekuatan hubungan ini pada tahap kuat. Hal ini dapat dilihat apabila nilai r = 0.718 pada aras signifikan 0.00 ($p<0.05$). Oleh itu, Ho3 adalah ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa penerimaan yang tinggi terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think* dapat membantu penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS. Pelajar etnik BBS mengakui bahawa penggunaan peta pemikiran *i-think* dapat membantu mereka menguasia Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan baik.

Jadual 5
Ujian *Spearman's Rho* untuk melihat hubungan antara penerimaan penggunaan peta pemikiran *i-think* PdPc Bahasa Melayu dengan penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS

Hubungan		**Korelasi *Spearman's Rho (r)***	**Sig.**	**Interpretasi**
Penerimaan Peta Pemikiran i-Think	Penguasaan Bahasa Melayu	.718	.000	Kuat

Signifikan pada aras 0.05

PERBINCANGAN

Perbezaan Kekerapan Penggunaan Peta Pemikiran *i-Think* sebagai Bahasa Kedua antara Jantina Pelajar Etnik Bidayuh Bukar Sadung

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kekerapan penggunaan peta pemikiran *i-think* yang signifikan antara jantina pelajar etnik BBS. Nilai signifikan pada aras p=0.96. Oleh itu, Ho1 adalah diterima. Hal ini bermakna pelajar lelaki

mahupun perempuan etnik BBS sama sahaja kekerapan penggunaan peta pemikiran i-think ketika mempelajari Bahasa Melayu. Dapatan ini sesuai dengan kenyataan Saemah dan Zamri (2016) yang menyatakan pembelajaran seseorang pelajar bukan dipengaruhi oleh faktor jantina, tetapi ditentukan oleh tahap kognitif, latar belakang keluarga dan persekitaran pembelajaran pelajar tersebut.

Namun demikian, dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Jumaliah (2014), Nik Nur Farihah (2014) dan Mohd Zaki (2018) yang mendapati terdapat perbezaan sikap dan kesediaan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Pelajar perempuan didapati lebih kerap menggunakan peta pemikiran *i-think* ketika mempelajari Bahasa Melayu. Pelajar perempuan mempunyai sikap yang positif dan bersedia untuk mempelajari Bahasa Melayu dengan berbantukan peta pemikiran *i-think*.

Rumusannya yang dapat dibuat ialah penggunaan peta pemikiran *i-think* antara jantina tidak mempengaruhi pembelajaran Baasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik BBS. Terdapat faktor-faktor lain selain faktor jantina yang mempengaruhi kekerapan penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam kalangan pelajar etnik BBS ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Pengetahuan Penggunaan Peta Pemikiran *i-Think* dengan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Etnik Bidayuh Bukar Sadung sebagai Bahasa Kedua

Dari aspek hubungan antara tahap pengetahuan mengenai peta pemikiran *i-think* dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS didapati terdapat hubungan yang sederhana antara pengetahuan tentang peta pemikiran *i-think* dengan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Nilai pekali korelasi yang diperoleh ialah r = 0.586. Oleh itu o2 ini ditolak. Hal ini bermaksud penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS masih dipengaruhi oleh pengetahuan pelajar tentang peta pemikiran *i-think*. Pelajar-pelajar etnik BBS ini mempunyai pengetahuan tentang penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Pelajar mengetahui bahawa penggunaan *i-think* mampu membantu mereka mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

Dapatan kajian ini menyamai dengan kajian Jumaliah (2014) yang mendapati faktor pengetahuan pelajar tentang peta pemikiran *i-think* dapat membantu mereka mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Pelajar berkemampuan untuk menguasai Bahasa Melayu dengan mudah kerana peta pemikiran *i-think* sebagai alat berfikir dapat merangsang kemahiran berfikir pelajar etnik BBS ini.

Dengan kata lain, faktor pengetahuan mempunyai hubungan yang kuat dengan tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS ini. Pengetahuan yang baik tentang setiap elemen peta pemikiran *i-think* ini, maka semakin baik tahap penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik BBS tersebut. Hal ini bermakna faktor pengetahuan tentang peta pemikiran *i-think* boleh menpengaruhi tahap penguasaan pelajar etnik BBS yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Penerimaan Penggunaan Peta Pemikiran *i-Think* dengan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Etnik Bidayuh Bukar Sadung sebagai Bahasa Kedua

Dari segi penerimaan penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam kalangan pelajar etnik BBS mempunyai hubungan kolerasi positif yang signifikan dengan penguasaan Bahasa Melayu pelajar etnik Bukar Sadung. Kekuatan hubungan ini pada tahap kuat berdasarkan

nilai r = 0.718 dan pada aras signifikan 0.00 ($p<0.05$). Oleh itu, Ho3 ini ditolak. Hal ini bermakna tahap penerimaan penggunaan peta pemikiran *i-think* memberi kesan kepada tahap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua pelajar etnik BBS ini.

Dapatan kajian ini menyamai dengan kajian Nik Nur Farihah (2014) dan Mohd Zaki (2018) yang menyatakan bahawa penguasaan Bahasa Melayu pelajar banyak dipengaruhi oleh faktor penerimaan terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think*. Jika mereka bersikap positif, maka mereka akan mempelajari Bahasa Melayu dengan mudah. Hal ini terjadi kepada pelajar etnik BBS ini yang bersikap positif akan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Apabila guru mengajar menggunakan peta pemikiran *i-think*, pelajar etnik BBS ini menerima dengan baik. Mereka bersikap terbuka. Motivasi mereka juga turut meningkatkan apabila belajar menggunakan Bahasa Melayu melalui kaedah peta pemikiran *i-think*. Menurut Anthony dan Yahya (2016), penggunaan peta pemikiran i-think dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Sebagai rumusan, penerimaan pelajar etjnik BBS yang tinggi terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu dapat membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu mereka dengan baik. Semakin tinggi penerimaan pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu semakin tinggi tahap penguasaan Bahasa Melayu dari segi kemahiran berbahasa mereka.

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan pelajar mengenai nama serta proses pemikiran lapan jenis peta pemikiran *i-think* berada pada tahap yang rendah namun pengetahuan mengenai penggunaan serta penerimaan peta tersebut tinggi dalam PdPc Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pelajar disarankan menggunakan peta pemikiran *i-think* dalam pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia mampu merangsang KBAT pelajar seterusnya membantu penguasaan Bahasa Melayu walaupun merupakan bahasa kedua.

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam PdPc Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua jarang-jarang diaplikasikan. Pengkaji berpendapat guru sebagai pengajar, fasilatator serta pembimbing di dalam bilik darjah jarang-jarang menggunakan Peta pemikiran *i-think* sebagai alat berfikir untuk merangsang KBAT di dalam kelas. Implikasi daripada kajian dapat menyedarkan golongan pendidik agar mengaplikasikan penggunaan peta pemikiran tersebut sebagai alat berfikir untuk merangsang daya ingatan serta kemahiran berfikir pelajar agar dapat membantu mereka menguasai Bahasa Melayu dengan mudah.

Sebagai peneraju utama pentadbiran sekolah, pihak pentadbir wajar memanfaatkan program yang diperkenalkan oleh pihak KPM sebagai satu usaha untuk mewujudkan pembelajaran abad ke-21, di samping melahirkan pelajar yang mampu berfikir secara aras tinggi dalam pembelajaran. Pihak pentadbir harus memastikan guru Bahasa Melayu menghadiri kursus mengenai penggunaan peta pemikiran *i-think*. Selain itu, memastikan Program *i-think* dilaksanakan di sekolah terutama dalam proses PdPc Bahasa Melayu.

Pihak KPM melalui Bahagian Perkembangan Kurikulum perlu merancang serta melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan Program *i-Think* di sekolah. Oleh kerana i-think merupakan sebahagian daripada pembelajaran abad ke-21, maka penggunaannya dalam PdPc perlu diberikan perhatian. Guru-guru Bahasa Melayu perlu

sentiasa diberikan pendedahan tentang keberkesanan peta pemikiran i-think dalam PdPc. Aktiviti yang berkesan merupakan aktiviti yang menarik minat, diterima pelajar, menyeronokkan, merangsang kemahiran berfikir dan seterusnya memudahkan penguasaan sesuatu mata pelajaran.

KESIMPULAN

Kajian tentang amalan penggunaan peta pemikiran i-think sebagai alat membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar bukan Melayu, terutamanya dalam kalangan etnik peribumi di Sarawak dan Sabah kurang dikaji. Peta pemikiran i-think merupakan mekanisme utama untuk meningkatkan keupayaan kemahiran berfikir supaya pelajar dapat menerima dan terlibat secara aktif dalam proses PdPc dan guru sebagai pelaksana inovasi dalam kurikulum. Program Peta Pemikiran *i-Think* adalah medium pembelajaran berpusatkan pelajar yang dilihat mampu merealisasikan KBAT.

Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap perbezaan, pengetahuan dan penerimaan pelajar tingkatan 4 etnik Bidayuh di daerah Serian, Sarawak mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar etnik BBS mengetahui serta mempunyai kesedaran tentang kepentingan peta pemikiran *i-think* sebagai alat berfikir yang dapat merangsang KBAT dan seterusnya membantu mereka untuk menguasai kemahiran bahasa. Walaupun tidak terdapat perbezaan dari segi jantina, tetapi perbezaan dari segi pengetahuan dan penerimaan menunjukkan bahawa peta pemikiran amat berkesan dalam membantu pelajar bukan Melayu ini menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Oleh itu, guru Bahasa Melayu perlu kerap menggunakan peta pemikiran *i-think* sebagai alat atau bahan bantu mengajar yang amat berkesan dalam PdPc Bahasa Melayu.

RUJUKAN

Abdul Rasid Jamian. 2010. Permasalahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina. *Jurnal Malaysian Education Dean's Council*, 6, Disember.

Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis esei Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1): 44-55.

Celinea Lasan. 2018. Amalan pembelajaran reciprocal (timbal balik) dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi Bidayuh. Tesis Dr Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chew Fong Peng & Shashipriya Subramaniam. 2014. Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2): 10-24.

Dewan Bahasa. 2016. Pengajaran band 3 berfokuskan kemahiran berfikir. *Pelita Bahasa*, Jun 2016.

Hyerle, D. 1996. Thinking maps: Seeing is understanding. *Educational Leadership*, 53 (12): 85-89.

Jerie Peter Langan & Zamri Mahamod. 2011. Sikap dan motivasi pelajar Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 13-25.

Jumaliah Mingan. 2014. Penggunaan peta pemikiran *i-think* dalam pembelajaran Bahasa

Melayu peringkat menengah atas. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Program i-think membudayakan kemahiran berfikir*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Khairuddin Mohamad. 2008. Amalan penyerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran cerpen Komsas Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Education and Psychological Measurement*, 30: 607-610.

Mohamad Yazid Mohamad. 2016. Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah jenis kebangsaan Cina. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Fuad Abdul Rahman. 2018. Aplikasi, sikap serta masalah guru dan murid di SJK Tamil terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu menggunakan flipped classroom. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Zaki Mohamed. 2018.Keberkesanan penggunaan peta pemikiran terhadap aspek penulisan karangan, sikap dan pencapaian Bahasa Melayu murid tahun 6. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Cetakan Ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nancy Ngumbang. 2017. Sikap dan motivasi murid Melanau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Nur Farihah Nik Harmi. 2014 Keberkesanan kaedah peta pemikiran *i-Think* terhadap pencapaian, sikap, kesediaan dan penerimaan pelajar tingkatan empat. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sabitha Marican. 2005. *Kaedah penyelidikan sains Sosial*. Selangor Darul Ehsan: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Saemah Rahman & Zamri Mahamod (Pnyt.). 2016. K*reativiti dalam pengajaran dan pembelajaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sharifah Nor Puteh. 2012. Keprihatinan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(11): 19-31.

Siti Zabidah Mohamed. 2006 . Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan pelajar. Tesis Dr Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

Zamri Mahamod & Sharlina Mohd Shamsuddin. 2016. Tahap motivasi dan pencapaian akademik Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah luar bandar, daerah Meradong, Bintangor, Sarawak. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 3 (1): 63-78.

Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

PERTANIKA JOURNALS

MAHAWANGSA

Laman sesawang: http://www.mahawangsa.upm.edu.my/

Unsur Eufemisme Dalam Dialog Novel Songket Berbenang Emas

Nur Azimah Abdul Aziz @ Mohd Salleh*, Halis Azhan Mohd Hanafiah dan Roslina Abu Bakar

[1]*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan*

ABSTRAK

Makalah ini meneliti penggunaan unsur eufemisme dalam dialog novel *Songket Berbenang Emas*. Novel ini merupakan teks KOMSAS yang digunakan di sekolah-sekolah di negeri Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang bermula 2016. Sebagaimana kelaziman novel yang menyerlahkan unsur dialog, didapati sebanyak 8 unsur dialog berdasarkan unsur eufemisme yang terdapat dalam novel *Songket Berbenang Emas* adalah menepati Prinsip Kesopanan Leech (1983). Namun, kajian ini hanya menampilkan enam unsur dialog yang menepati maksim Leech. Prinsip Kesopanan Leech menekankan tingkah laku dan persoalan beradab yang menghubungkan dua pihak dalam sesuatu proses komunikasi, iaitu antara diri sendiri yakni penutur dengan orang lain yakni pendengar. Proses komunikasi yang terjadi adalah hasil daripada konflik dan membawa kepada pengakhiran yang baik kepada watak utama dan juga watak sampingan, kerana unsur santun berbahasa yang dituturkan. Hal ini kerana proses komunikasi yang menjaga santun bahasa akan memberikan impak secara emosi kepada pendengar dan juga penutur itu sendiri. Kajian ini mendapati bahawa watak utama dan watak sampingan dalam novel *Songket Berbenang Emas* ini menyerlahkan tingkah laku dan adab dalam proses komunikasi sebagaimana tuntutan agama Islam dan masyarakat Melayu yang sopan.

Kata kunci: eufemisme, proses komunikasi, KOMSAS, novel, remaja

Euphemism Element in Dialogue of Songket Berbenang Emas Novel

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

nurazimah.abdulaziz.mohdsalleh@gmail.com (Nur Azimah Abdul Aziz @ Mohd Salleh)

halis_azhan@upm.edu.my (Halis Azhan Mohd Hanafiah)

lynabubakar@upm.edu.my (Roslina binti Abu Bakar)

*Penulis penghubung

ABSTRACT

This article's examine euphemism element use in dialogue ofSongket Berbenang Emas's novel. This novel is a KOMSAS text that been used at schools in Perak, Kedah, Perlis and Penang started by year 2016. Like novel convention that accentuate dialogue element, this article found a total of 8 elements in dialogue based on euphemism element that found in Songket Berbenang Emas's novel is fulfil Prinsip Kesopanan Leech (1983). However this studies only showing six dialogue element that fulfil Leech maxim. Leech Politeness principle

ISSN: 2289-7259 © Penerbit Universiti Putra Malaysia

emphasizing behaviour and politeness issue which connects two parties in communication process, that is among oneself namely speaker and with others namely audience. Communication process that happened is resulted from conflict and lead to good ending to main character and also supported character because courteous element in dialogue. This is because communication process that look after courteous language will give impact by emotion to audience and also speaker itself. This study find that main character and supported character in Songket Berbenang Emas's novel accentuate behaviour and politeness in communication process just like how Islamic religion'sguideand Malay community that are polite.

Keyword: euphemism, communication process, KOMSAS, novel, youth

PENGENALAN

Sastera merupakan karya lisan ataupun tulisan yang menggambarkan, dan membahas segala perkara dalam kehidupan manusia. Kehidupan dalam karya sastera diolah dengan tema, watak, plot, latar dan juga gaya bahasa pengarang dalam penciptaanya. Bahasa yang digunakan dalam sastera bukan bahasa harian, tetapi bahasa yang memiliki ciri khas. Ciri khas tersebut diciptakan oleh para pengarang untuk menambah keindahan karya sastera yang dihasilkan (Mia Nurdaniah, 2014: 1).Oleh itu, pemilihan kata yang digunakan dalam karya sastera dititikberatkan untuk menjaga keindahan tersebut. Penggunaan bahasa yang bercirikan kesopanan dapat melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa dan tahu menggunakan bahasa, di samping memiliki kepekaan untuk menyesuaikannya dengan pelbagai situasi. Maka dengan itu, proses pembentukan realiti sosial yang berlaku dalam sesebuah masyarakat melalui penggunaan bahasa memberikan penjelasan betapa signifikannya penggunaan bahasa yang beradab, berlapik dan halus dalam pembentukan budaya sesebuah masyarakat (Sara Beden dan Indirawati Zahid, 2016: 67). Hal ini menjelaskan bahawa penggunaan bahasa yang baik akan melahirkan masyarakat yang baik kerana komunikasi (interaksi secara lisan, iaitu dialog atau tulisan antara dua orang atau lebih) yang berlaku dalam sesebuah kumpulan manusia yang hidup secara berkelompok (masyarakat).

Asmah Omar (1986) berpendapat bahawa bahasa merupakan wahana komunikasi paling berguna kepada manusia, sebagai penghubung yang baik antara seorang individu dengan individu yang lain atau organisasi. Pandangan ini memanifestasikan bahawa unsur bahasa harus digunakan dengan tepat, santun dan cakap berlapik agar penyampaian maklumat lebih berkesan dan lengkap sekali gus berhubung rapat dengan kesopanan berbahasa. Oleh itu, sesuai dengan ciri penulisan novel yang memaparkan kehidupan masyarakat, maka novel layak untuk dijadikan sebagai bahan yang melancarkan proses penyampaian maklumat dalam kehidupan. Seperti yang diketahui ramai, novel merupakan bahan atau alat dalam pendidikan di Malaysia. Hal ini kerana, terdapat sebahagian novel yang dipilih sebagai teks Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah-sekolah menengah, dengan harapan karya-karya ini akan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera (Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015: 1. Jadi, jelaslah bahawa novel sesuai dijadikan wadah untuk memupuk kecintaan berbahasa dengan baik dalam kalangan masyarakat, terutama remaja dengan adanya pendidikan sastera di sekolah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan (2017: 89), dalam hal penggunaan bahasa yang beretika, sopan dan beradab, terdapat banyak jenis penggunaan bahasa yang dapat melambangkan seperti hal tersebut. Antaranya ialah melalui penggunaan unsur eufemisme. Mereka menjelaskan bahawa, penggunaan unsur eufemisme dalam masyarakat Melayu bertujuan untuk menggantikan perkataan yang kasar seperti hal yang berkaitan tentang tubuh, seks, penyakit, kematian dan sebagainya. Manakala Teo Kok Seong (2003), berpendapat bahawa eufemisme boleh menukarkan kata-kata tabu menjadi lebih bermakna dan tidak bertentangan dengan nilai murni. Dalam situasi marah, menyakitkan, perselisihan, pergaduhan dan sebagainya, eufemisme juga dapat digunakan supaya penggunaan bahasa masih lagi mencerminkan nilai kesantunan berbahasa. Hal ini menjelaskan bahawa eufemisme ini boleh membawa makna sebagai unsur bahasa yang baik dan mengandungi nilai tersendiri. Menurut Abdul Chaer (1995), penghalusan (ufemia) dalam pembicaraan adalah tentang perubahan makna yang meluas, menyempit, atau berubah secara keseluruhan, iaitu berhadapan dengan sebuah kata atau bentuk yang tetap.

Manakala menurut Noor Hatini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011: 84), eufemisme mungkin berasal daripada kata Yunani yang bermaksud pemakaian kata-kata atau pernyataan dalam bentuk perkataan ataupun frasa yang bersifat lebih lembut dan manis. Mereka juga mengatakan bahawa dalam masyarakat dan budaya Melayu, biasanya penggunaan eufemisme ini sering merujuk kepada sesuatu kata yang dianggap lebih lembut atau sederhana, lebih baik atau menyenangkan, dan kurang berterus-terang sifatnya untuk memperkatakan sesuatu yang mungkin boleh dianggap kasar, keras, menakutkan, menghina atau menyinggung perasaan seseorang. Ahmad Mahmood Musanif & Arbak Othman (2010), pula mengatakan bahawa unsur eufemisme merupakan tingkah laku linguistik yang melampaui batas perasaan, iaitu apabila kesantunan sentiasa menjadi pilihan, maka perlu ada pengkajian atau pemerhatian tentang makna ungkapan bahasa eufemisme yang menjadi asas kesejahteraan kehidupan dalam sesebuah masyarakat yang menuturkannya. Daripada pandangan ini, adalah jelas bahawa unsur eufemisme adalah signifikan dalam dunia sastera (penulisan) kerana manfaat yang dapat disumbangkan kepada dunia akademik, iaitu pendidikan khususnya dan dunia sastera amnya. Oleh itu, kajian tentang unsur eufemisme wajar dilakukan terhadap teks sastera khususnya KOMSAS.

OBJEKTIF KAJIAN

Makalah ini menggariskan tiga objektif yang berikut:

1. Mengenal pasti unsur eufemisme dalam dialog novel *Songket Berbenang Emas*.
2. menganalisis kata kunci unsur eufemisme (dialog) dalam novel *Songket Berbenang Emas*.
3. mensintesiskan hubungan antara kata kunci unsur eufemisme (dialog) dengan maksim Prinsip Kesopanan Leech (1983) dalam novel *Songket Berbenang Emas*.

SOROTAN LITERATUR

Makalah ini dikemukakan bertujuan untuk membincangkan unsur eufemisme dalam dialog novel KOMSAS berjudul *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip. Dalam hal ini, perbincangan tentang unsur eufemisme (kesantunan berbahasa) sebelum ini didapati telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji. Antaranya, kajian Siti

Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan (2017) tentang unsur eufemisme dalam novel *Jalan Retak* karya A. Samad Said dengan menggunakan Teori Logik Simbolik sebagai metadologinya. Manakala Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015) dan juga Noor Hatini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011) pula telah melakukan kajian tentang unsur eufemisme (kesantunan berbahasa) yang menggunakan teks KOMSAS sebagai bahan kajian. Namun, kedua-dua kajian ini menggunakan teks yang berlainan, iaitu kajiannya berpusat pada teks KOMSAS dari Zon berbeza dan batasan kajian teksnya juga adalah berbeza. Sara Beden dan Indirawati Zahid (2016) juga telah membuat kajian tentang kesantunan atau kesopanan berbahasa (unsur eufemisme) dalam komunikasi, iaitu dialog yang juga berpusat pada teks KOMSAS. Muhammad Hazim Hussin (2015) pula telah melakukan kajian tentang ungkapan santun dalam novel KOMSAS terpilih yang menggunakan Teori Kesopanan Leech (1983) sebagai metodologinya.

Manakala Noriah Mohamed dan Jamilah Bebe Mohamad (2016) pula telah melakukan kajian tentang eufemisme leksikal dan metafora kematian dalam dialek Melayu Kedah yang melibatkan wawancara dan pemerhatian terhadap responden. Kajian luar negara pula dilakukan oleh H. Muhammad Darwis dan Kamsinah Darwis (2013) yang menggunakan responden untuk membincangkan unsur eufemisme, iaitu kesantunan berbahasa dalam analisis stailistik dialek dan Mia Nurdaniah (2014) pula menggunakan bahan kajian, iaitu sebuah teks untuk membincangkan prinsip kesantunan berbahasa unsur eufemisme. Novel *Songket Berbenang Emas* telah menarik perhatian pengkaji, iaitu Nur Azimah Abdul Aziz, Halis Azhan Mohd Hanafiah dan Roslina Abu Bakar (2017), Zulkifli Mohd Top (2017) dan Halis Azhan Mohd Hanafiah (2014). Nur Azimah Abdul Aziz, Halis Azhan Mohd Hanafian dan Roslina Abu Bakar (2017) membincangkan kehendak manusia menurut perspektif al-Razi dalam novel *Songket Berbenang Emas* yang merupakan teks KOMSAS. Zulkifli Mohd Top (2017) membincangkan kepercayaan tahyul dalam novel *Songket Berbenang Emas* ini. Halis Azhan Mohd Hanafiah (2014) pula membincangkan aspek tema dalam novel yang sama. Justeru, makalah ini berhasrat untuk melihat unsur eufemisme dalam dialog novel *Songket Berbenang Emas* dengan penilaian berdasarkan Kesopanan Berbahasa Leech (1983) yang melibatkan enam komponen iaitu Maksim Kebijaksanaan, Maksim Kedermawanan, Maksim Sokongan, Maksim Kerendahan Hati, Maksim Persetujuan dan Maksim Simpati.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis teks, iaitu mengkaji sebuah novel KOMSAS yang bertajuk *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip (2016). Makalah ini meneliti unsur eufemisme dalam dialog novel. Setiap unsur eufemisme dikenal pasti sama ada dalam bentuk penulisan cerita, iaitu ayat penyata daripada pengarang atau unsur eufemisme (dialog), iaitu kata-kata yang dituturkan oleh watak dalam novel. Secara etimologis, eufemisme berasal daripada bahasa Yunani. Eu yang bermaksud bagus dan phemeoo pula bererti berbicara (Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan, 2017: 89). Oleh itu, Gory Keraf (2005) berpendapat bahawa eufemisme boleh diertikan sebagai ungkapan yang halus untuk menggantikan acuan yang mungkin dirasakan menyinggung perasaan, menghina atau menyatakan sesuatu yang tidak menyenangkan. Eufemisme menurut *The Penguin Dictionary of Literary Terms and Literary Theory: Fifth Edition* (2015: 257) ialah "*The substitution of an offensive or*

disagreeable term by one considered more acceptable: 'pass away' for die; 'gosh' to avoid taking the Lord's name in vain; 'downsizing' for making forced redundancies." Maksudnya ialah penggantian istilah yang menyinggung atau tidak menyenangkan oleh seseorang dianggap lebih diterima: 'meninggal' untuk mati; '*gosh'* untuk mengelakkan mengambil nama Tuhan dengan sia-sia; 'Mengecilkan' untuk membuat pertindihan paksa. Hal ini menjelaskan bahawa eufemisme ialah penggantian istilah yang kasar atau keras menjadi lembut dan lebih disenangi apabila didengar.

Rahman Shaari (1993) mengatakan bahawa eufemisme ialah penggunaan kata tertentu yang tidak tepat untuk menggantikan kata yang dianggap kasar, keras atau menyakitkan. Dalam masyarakat Melayu, penghinaan juga tidak digalakkan. Sebagai manusia yang dilahirkan sempurna, mereka tidak seharusnya mengeluarkan percakapan yang boleh menyinggung perasaan orang yang dilahirkan cacat misalnya "orang buta" ditukar "orang kelam" manakala "orang gila" ditukar "orang hilang akal" (Hasan, 1991). Oleh itu, "eufemisme" dalam perbincangan ini dapat disimpulkan sebagai penggunaan kata atau kalimat yang tertentu untuk mengelak penghinaan dan lebih kembut yang menggantikan istilah kasar agar disenangi dan tidak menyinggung perasaan pendengar. Seterusnya, dan dengan berdasarkan unsur eufemisme yang digariskan, skop perbincangan mencakupi setiap watak yang dihadirkan dalam novel, iaitu watak utama dan watak sampingan. Dalam novel ini, terdapat watak protagonis iaitu Dahlia dikemukakan sebagai anak sulung daripada enam beradik. Watak adik-adik Dahlia dihidupkan dengan dialog yang dipaparkan dalam novel ini. Adik Dahlia terdiri daripada empat orang adik perempuan dan seorang adik lelaki. Adik perempuan Dahlia bernama Kiambang, Mawar, Melati dan Anggerik, manakala adik lelaki pula bernama Abu Bakar. Mereka hidup dalam sebuah keluarga yang miskin.

Tahap kemiskinan keluarga Dahlia ini ditandai dengan penjelasan tentang pekerjaan ayahnya (iaitu watak Embong) sebagai seorang buruh di kebun kelapa sawit, manakala ibunya (iaitu watak Saleha) merupakan suri rumah tangga. Watak Dahlia dihadirkan dengan watak sampingan yang kejam padanya, iaitu Nek Kiah yang merupakan neneknya dan Aton (balu beranak satu) merupakan jirannya. Watak mereka bertindak sebagai manusia yang bercakap kasar. Watak Dahlia diceritakan seorang murid sekolah menengah bakal menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggung Ibrahim. Dahlia juga diceritakan bersahabat dengan Azhari, Siti Wangi, Najib dan Kavita. Dengan kehadirannya dalam novel sebagai murid yang cerdas dan pintar, Dahlia menjadi harapan dalam keluarga untuk mengubah kehidupan mereka yang dibelenggu kemiskinan kepada kehidupan yang lebih baik. Walaupun dibelenggu kemiskinan, keluarga Dahlia dihadirkan dengan insan bernama Tauke Lim, iaitu sahabat ayahnya Embong yang banyak membantu dalam memberikan semangat dan juga dalam bentuk kewangan. Dahlia diceritakan bahawa dia juga dibantu oleh gurunya iaitu Cikgu Hisyam yang mengambil berat tentang kebajikan anak muridnya.

Watak yang tidak kurang banyak terlibat dalam menghidupkan jalan cerita, iaitu Azhari, Kavita, Najib dan Siti Wangi yang merupakan sahabat Dahlia. Dengan mengamati peristiwa dan watak yang terlibat inilah, makalah ini berusaha menganalisis kalimat atau unsur eufemisme yang digunakan dalam proses komunikasi antara watak tersebut dan seterusnya mensintesiskan hubungan unsur eufemisme dalam dialog antara watak dengan Kesopanan Berbahasa Leech (1983). Pengkategorian dibuat dengan memilih dialog yang diujarkan oleh watak utama dan watak sampingan. Analisis

dilakukan dengan mengenal pasti kata kunci yang digunakan dalam dialog antara watak berdasarkan hubungan peristiwa bahasa dengan memberikan fokus terhadap penggunaan kata, ungkapan dan ayat yang bersesuaian dengan padanan enam maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983)

Teori Kesopanan Leech (1983)

Leech (1983) telah memperkenalkan satu prinsip yang dikenali dengan Prinsip Kesopanan (PS). PS Leech lebih menekankan faktor budaya masyarakat, psikologi penutur dan pendengar dalam menyampaikan maksud dengan berkesan (difahami). PS ini lebih menekankan tingkah laku dan persoalan beradab yang menghubungkan antara dua pihak dalam sesuatu proses komunikasi (antara diri sendiri, iaitu penutur dan orang kedua iaitu pendengar). Leech (1983) memberikan penekanan pada prinsip yang memaksimumkan keuntungan, kesepakatan, rasa hormat dan sikap belas kasihan kepada orang lain dengan meminimumkan atau mengabaikan perkara tersebut terhadap diri sendiri. Terdapat enam maksim dalam PS Leech:

i. Maksim Kebijaksanaan (*Tact*) ialah maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain.
ii. Maksim Kedermawanan (*Generosity*) ialah maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri atau dengan kata lain menguntungkan orang lain.
iii. Maksim Sokongan (*Approbation*) ialah maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain.
iv. Maksim Kerendahan Hati (*Modesity*) ialah maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri.
v. Maksim Persetujuan (*Agreement*) ialah maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain untuk mencapai kesepakatan.
vi. Maksim Simpati (*Sympathy*) ialah maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

PERBINCANGAN

Seperti yang dijelaskan, makalah ini membincangkan unsur eufemisme yang terdapat dalam dialog novel. Kajian mendapati bahawa terdapat lapan kata kunci eufemisme dalam proses komunikasi (dialog) yang menepati Prinsip Kesopanan Leech (1983). Namun, hanya enam yang paling tepat sahaja yang dibincangkan dalam makalah ini. Seperti yang telah dijelaskan lebih awal, watak utama dan sampingan diceritakan menghadapi beberapa konflik dalam beberapa peristiwa bahasa yang melibatkan proses komunikasi. Justeru, dalam usahanya untuk menyelesaikan konflik berkenaan, watak diceritakan telah menggunakan enam maksim Prinsip Kesopanan Leech dalam kehidupan mereka.

i. Maksim Kebijaksanaan

Pengamatan awal mendapati bahawa terdapat unsur eufemisme dalam proses komunikasi antara Tauke Lim dengan Dahlia ketika di pondok bas pada halaman 164. Tauke Lim

merupakan kenalan Embong (ayah Dahlia) yang banyak membantu mereka sekeluarga walaupun dia seorang lelaki keturunan Cina. Peristiwa di pondok bas itu telah membawa kepada perbualan tentang tanah kediaman Dahlia sekeluarga yang bakal dijual oleh Nek Kiah. Malah diceritakan, Tauke Lim menunjukkan simpatinya dan kesal dengan perbuatan Nek Kah lalu dia menegaskan bahawa dia ingin membantu Dahlia. Berdasarkan petikan dialog di bawah, dijelaskan bahawa Tauke Lim ingin membayar harga tanah tersebut:

> **"Soal wang yang Nek Kiah minta, usahlah fikir. Nanti saya bincangkan dengan Embong. Saya akan cuba menolong. Tapi Dahlia mesti tolong saya."**
> Tersentak Dahlia. Budi yang ditabur masakan meminta balasan. Jangan mengarut Tauke Lim. Jangan meminta lebih dari yang sepatutnya, nanti aku menjerit.
> **"Ann, anak saya akan ambil peperiksaan. Saya tengok karangan Bahasa Melayunya tak begitu baik. Masih ada gaya orang Cina bercakap. Saya mahu ada peribahasa, mutiara kata atau kata-kata hikmat, barulah karangan itu sedap di baca."**
> Dahlia tersenyum nipis.
>
> **"Saya tak sekolah tinggi pun boleh tulis lebih baik daripada anak saya. Mungkin di sekolah dia bercampur dengan orang Cina saja, tak mahu campur kaum lain. Bagaimana, setuju mengajar Ann. Peperiksaan pun tak lama lagi."**
> **"Kalau macam itu, tak jadi masalah. Nanti saya bincang dengan Ann. Periksa pun tak lama lagi."**
>
> (Khairuddin Ayip, 2016: 164)

Berdasarkan petikan dialog di atas, terdapat unsur eufemisme yang digunakan, iaitu Tauke Lim meminta agar Dahlia tidak perlu memikirkan masalah yang dihadapinya dengan menuturkan ayat "usahlah fikir". Kalimat yang sopan dan lembut yang dituturkan oleh Tauke Lim adalah untuk memberikan rasa ketenangan kepada pendengar, iaitu Dahlia. Unsur eufemisme ini melengkapkan proses komunikasi (perbualan atau dialog) yang berlaku antara Dahlia dengan Tauke Lim.

Melalui perbualan tersebut jelaslah bahawa tutur kata Tauke Lim menepati maksim kebijaksanaan. Hal ini kerana novel menceritakan bahawa Tauke Lim memujuk Dahlia untuk tidak risau dan sanggup menolong dengan syarat mudah, iaitu meminta Dahlia mengajarkan subjek Bahasa Melayu kepada anaknya, Ann (meminimumkan kos bagi orang lain). Sedangkan Tauke Lim mengeluarkan kos puluhan ribu untuk membantu Dahlia sekeluarga agar tidak perlu meninggalkan rumah dan tanah kediaman mereka (memaksimumkan manfaat kepada orang lain).

Kajian mendapati bahawa kecenderungan novel dalam memaparkan kesopanan bahasa adalah bertepatan dengan keadaan kehidupan bermasyarakat di Malaysia. Kehidupan antara masyarakat kaum Melayu dengan Cina ini menunjukkan kejernihan perpaduan yang terjalin. Ini menunjukkan bahawa proses komunikasi yang melibatkan tutur kata sopan adalah penting dalam kehidupan seharian demi menjaga sebuah keharmonian kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, jelaslah bahawa maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain ini terlihat dalam dialog Tauke Lim.

ii. Maksim Kedermawanan

Seterusnya, novel didapati turut memaparkan perbualan yang mengandungi unsur eufemisme antara Najib dengan Dahlia. Peristiwa bahasa ini berlaku di rumah Dahlia ketika Najib menziarahinya (pada halaman 170). Najib digambarkan sebagai sahabat yang menaruh hati pada Dahlia, dia sanggup membantu Dahlia yang berada dalam kesusahan. Najib merupakan anak orang berada yang disegani Dahlia kerana dia berasa mereka tidak setaraf. Novel ini menceritakan bahawa kedatangan Najib ke rumah Dahlia adalah untuk memujuk gadis itu agar ke sekolah dan tidak mengabaikan pelajaran kerana kesempitan hidup. Perbualan di bawah menunjukkan Najib dengan rela hati ingin membantu Dahlia yang tidak mempunyai pilihan selain membantu keluarganya yang dilanda masalah:

> **"Sepuluh ribu, dua puluh ribu.Cakap, nanti Najib bereskan."**
> Dahlia menggeleng.Lelaki ini sepertinya masih belum bekerja, masakan boleh mempunyai wang sebanyak itu.Jika ada, pastinya pemberian orang tua.Semakin banyak berfikir, semakin takut dia menerima pemberian orang.Menerima pertolongan daripada darah daging sendiri pun diungkit, inikan pertolongan kawan.
> **"Lia tak percaya keikhlasan Najib?"** Najib duduk semula di kerusi.Air teh kosong diteguk.Dahlia juga duduk.Mereka bersetentangan dan dipisahkan oleh meja.
> **"Bukan soal ikhlas tetapi menerima budi tidak menyelesaikan masalah."**
> **"Lia fikir Najib akan meminta balasan?"**
>
> (Khairuddin Ayip, 2016: 170)

Berdasarkan petikan dialog di atas, terdapat unsur eufemisme yang digunakan, iaitu Dahlia menolak bantuan Najib dengan menuturkan ayat bahawa dia tidak mahu "menerima budi". Kalimat sopan dan lembut yang dituturkan Dahlia dalam novel membawa makna bahawa dia tidak mahu terhutang budi kepada Najib kerana hal tersebut dikatakan tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Unsur eufemisme itu menyedapkan telinga Najib yang merupakan pendengar dalam proses komunikasi tersebut.

Melalui dialog di atas ditunjukkan bahawa tutur kata Najib menepati maksim kedermawan. Hal ini kerana novel menceritakan, Najib memujuk Dahlia untuk tidak risau dan sanggup menolong mengeluarkan kos puluhan ribu untuk membayar tanah kediaman mereka (menguntungkan orang lain). Najib menegaskan bahawa dia tidak mengharapkan sebarang balasan (meminimunkan manfaat bagi diri sendiri). Ini menjelaskan bahawa dalam proses komunikasi, iaitu dialog, tutur kata sopan yang melibatkan dua pihak yang berhubungan rapat adalah penting.

Kajian mendapati bahawa tutur kata yang sopan terhadap sahabat dalam petikan tersebut adalah bertepatan kerana setiap hati manusia perlu dijaga. Islam mengajarkan untuk bersikap baik terhadap sahabat, malah dalam sesebuah perhubungan, manusia yang beragama Islam harus mempunyai sifat untuk saling tolong menolong dengan tidak mengharapkan apa-apa balasan. Oleh itu, jelaslah bahawa maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri atau dengan kata lain menguntungkan orang lain ini terlihat dalam dialog Najib.

iii. Maksim Sokongan

Pada halaman 167 hingga 168, pengamatan awal mendapati bahawa terdapat unsur eufemisme dalam proses komunikasi antara Dahlia, Kavita dan Cikgu Hisyam dalam kereta Honda Civic milik Cikgu Hisyam. Novel menceritakan bahawa peristiwa imbas kembali itu terjadi apabila Cikgu Hisyam menumpangkan Dahlia dan adiknya, Anggerik yang sedang menunggu bas ketika dia dan Kavita dalam perjalanan menziarahi Dahlia di rumah seperti yang terdapat dalam petikan dialog di bawah:

> **"Fikir dua kali Dahlia. Sayang akan kepintaran kamu tu. Empat lima bulan sahaja lagi,"** luah Cikgu Hisyam, semalam.Kata-kata itu menerjah di ingatan.
> **"Waktu ini saya ada kelas, petang ini ada taklimat peperiksaan di Jabatan Pendidikan.Jadi, pengetua suruh saya ke sini juga. Kavita ni pernah ke sini, sebab itu saya ajak sama."**
> **"Sayang , Lia. Sekarang pun kami sudah terasa kehilangan, jangan pula terus hilang.Datanglah ke sekolah."**
> **"Lia sayang akan sekolah.Tapi macam mana dengan adik Lia ni?"**Sepi.
>
> (Khairuddin Ayip, 2016: 167-168)

Berdasarkan petikan dialog di atas, kajian mendapati terdapat unsur eufemisme yang digunakan, iaitu ketika Kavita dan Cikgu Hisyam memujuk Dahlia untuk kembali ke sekolah. Mereka menggunakan unsur eufemisme dalam dialog mereka, iaitu "Sayang" yang menggantikan kata rugi (kata kasar seperti cacian) jika Dahlia meninggalkan persekolahan kerana Dahlia merupakan seorang yang pintar (pujian). Seterusnya, Kavita dan Cikgu Hisyam diceritakan sedaya upaya memujuk Dahlia ke sekolah kerana hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi untuk periksa. Unsur eufemisme ini digunakan untuk menyedapkan hati Dahlia agar tidak terguris kerana dia tahu Dahlia sebenarnya masih merindukan suasana persekolahan.

Melalui proses komunikasi dalam novel di atas, ditunjukkan bahawa tutur kata Cikgu Hisyam dan Kavita menepati maksim sokongan. Hal ini kerana mereka dikatakan telah memujuk Dahlia untuk meneruskan pelajarannya. Mereka menunjukkan keperihatinan mereka terhadap gadis yang hidup dalam pelbagai masalah itu. Malahan, novel menceritakan Cikgu Hisyam telah meminta Kavita untuk membantu memberikan nota lepas yang Dahlia tercicir ketika tidak hadir ke sekolah.

Kajian mendapati bahawa kecenderungan novel yang mempamerkan kesopanan berbahasa dalam dialog tersebut adalah bertepatan dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Watak tersebut mempamerkan sifat prihatin yang sememangnya diperlukan dalam hidup bermasyarakat. Sikap saling tolong menolong, nasihat menasihati, mengasihi sesama manusia dan sebagainya adalah penting untuk mengharmonikan kehidupan seharian. Proses komunikasi yang terhasil juga akan menjadi lebih lancar dengan adanya kesopanan dalam bertutur. Oleh itu, jelaslah bahawa maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain dilihat dalam dialog Kavita dan Cikgu Hisyam.

iv. Maksim Kerendahan Hati

Seterusnya, novel didapati turut memaparkan proses komunikasi yang mengandungi unsur eufemisme antara Dahlia dengan Azhari yang merupakan kekasih hati dan juga petugas di

wad sakit mental, iaitu tempat ibu Dahlia, Saleha di rawat. Pada halaman 125, peristiwa bahasa yang terjadi antara Azhari dengan Dahlia ini merupakan peristiwa imbas kembali Dahlia ketika berada di rumahnya. Dahlia diceritakan telah teringat akan perbualannya dengan Azhari di Hospital Permai, Johor Bahru. Novel menceritakan tentang Azhari yang meminta Dahlia untuk bersabar dengan dugaan Allah dan menyatakan hasratnya untuk merisik Dahlia seperti dalam petikan di bawah:

> **"Bersabarlah Lia. Semuanya dugaan.Kita sebagai manusia harus menghadapinya,"** pujuk Azhari, taktala kereta melintasi Kulai.Destinasi perjalanan masih jauh.
> **"Az akan membuang Lia, bukan?Maklumlah, Lia bukan daripada keturunan yang baik-baik."**
> **"Jangan cakap merepek!"** luah Azhari, keras.Dahlia terkejut mendengar kalimat itu.Lalu menutupkan kedua muka dengan kedua-dua telapak tangan.
> **"Lia fikir apa yang berlaku boleh merubah hubungan yang telah terjalin?Tunggulah, kalau tidak esok, lusa keluarga Az akan datang."**
> Dahlia menggeleng.Bukan itu yang ingin diharapkan untuk memperteguhkan keyakinan.Malah impian itu masih jauh.Sesekali memang menjengah di hati tetapi perasaan itu begitu pantas berlalu pergi.Dia tahu dirinya dan tahu tanggungjawab yang memberat di bahu.Jangan diajak bercakap soal itu.
> **"Az tahu Lia tak setuju kerana masalah yang Lia tanggung tetapi ini hanya ikatan permulaan.Bukan bermakna dalam waktu terdekat kita bersatu. Tidak."**
>
> (Khairuddin Ayip, 2016: 125)

Berdasarkan petikan dialog di atas, terdapat unsur eufemisme yang digunakan, iaitu ketika Dahlia mengatakan bahawa dia "bukan daripada keluarga baik-baik" (meminimumkan pujian terhadap diri sendiri). Kalimat ini dituturkan sebagai gantian kepada keturunan yang tidak baik atau keturunan gila. Dahlia diceritakan telah menggunakan kata-kata yang lebih sopan kerana dia tidak mahu menjatuhkan nama baik keluarganya sendiri. Walau bagaimanapun, kalimat tersebut juga menunjukkan bahawa Dahlia bagaikan merendah diri dan seperti berkata buruk kepada dirinya sekeluarga. Malah, novel juga memaparkan peristiwa Azhari juga menggunakan kata atau kalimat yang berunsur eufemisme, iaitu "bersatu" yang menggantikan kata perkahwinan atau nikah. Hal ini kerana sudah menjadi adat dalam masyarakat Melayu bahawa perkataan bersatu lebih lembut dan sopan kedengarannya.

Melalui proses komunikasi di atas, ditunjukkan bahawa tutur Dahlia menepati maksim kerendahan hati. Hal ini kerana Dahlia sendiri yang mengatakan bahawa keluarganya bukanlah daripada yang baik-baik. Dahlia diceritakan seperti orang yang kehilangan semangat dan percaya diri. Dahlia meletakkan dirinya sekeluarga berada di bawah kerana berasa tidak layak untuk bersama Azhari. Oleh itu, kajian mendapati bahawa kecenderungan novel dalam mempamerkan kesopanan bahasa dalam bertutur ini adalah bertepatan kerana dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Ini kerana, tutur kata yang sopan dan merendah diri ini adalah perlu untuk menghargai diri sendiri dan orang lain agar tidak melukakan hati sesiapa. Oleh itu, jelaslah bahawa maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri

sendiri dilihat dalam dialog Dahlia.

v. Maksim Persetujuan

Pengamatan seterusnya mendapati bahawa terdapat unsur eufemisme dalam proses komunikasi antara Embong dengan Dahlia ketika di kepala tangga rumahnya pada halaman 182. Novel menceritakan Embong sebagai seorang ayah yang penyayang dan prihatin akan kebajikan anak-anaknya. Dia diceritakan menjaga anak-anaknya tanpa bantuan seorang isteri kerana Saleha telah dimasukkan ke wad sakit mental. Hal ini menyebabkan Embong terpaksa hidup susah dan berhutang dengan orang yang dikenalinya terutama Tauke Lim. Petikan di bawah menunjukkan peristiwa dialog antara Dahlia dan ayahnya:

> **"Lia tahu niat abah.Tapi macam mana dengan rumah ini?"**
> **"Tauke Lim boleh tolong."**
> **"Terlalu banyak kita menerima budi dia."**
> **"Orang lain asyik cakap saja, tapi tak mahu menolong, lebih baik terima budi daripada kaum lain."**
>
> (Khairuddin Ayip, 2016: 182)

Berdasarkan petikan dialog di atas, terdapat unsur eufemisme yang digunakan, iaitu ketika Dahlia menerangkan kepada ayahnya, Embong tentang hutang budi mereka. Dahlia diceritakan telah menuturkan kalimat yang berbunyi "menerima budi" kepada ayahnya.Unsur eufemisme ini sesuai digunakan untuk perbualan antara seorang anak dengan ayahnya. Dahlia memilih kata yang sesuai untuk menggambarkan bahawa mereka sekeluarga telah terhutang budi atau menyusahkan orang lain kerana belum dapat membalas. Unsur eufemisme ini melengkapkan proses komunikasi (perbualan atau dialog) yang berlaku antara Dahlia dengan Embong.

Melalui proses komunikasi di atas, jelaslah bahawa tutur kata Embong menepati maksim persetujuan. Hal ini kerana diceritakan bahawa Embong mengingatkan Dahlia bahawa dia sanggup menerima bantuan kaum lain daripada terpaksa mendengar cakap-cakap orang lain yang tidak mahu membantu (memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain untuk mencapai kesepakatan). Kajian mendapati bahawa kecenderungan novel dalam mempamerkan kesopanan berbahasa ini adalah bertepatan dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983).

Watak dalam novel ini telah memaparkan sikap yakin diri dan ketegasan dalam membuat keputusan agar tidak terus berada dalam kesusahan atau kesedihan. Ini kerana seseorang manusia itu perlu bersikap adil pada diri dan meyakini setiap keputusannya tanpa mengharapkan orang lain yang mungkin hanya sekadar bercakap dan tidak mahu mengambil tahu tentang keadaan yang sebenar. Oleh itu, jelaslah bahawa maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain untuk mencapai kesepakatan ini ada dalam dialog antara Embong dengan Dahlia.

vi. Maksim Simpati

Seterusnya, novel didapati turut memaparkan proses komunikasi yang mengandungi unsur eufemisme antara Dahlia dengan Azhari. Pada halaman 111, peristiwa bahasa dalam novel, iaitu antara Azhari dengan Dahlia ini merupakan peristiwa bahasa yang terjadi di

Hospital Permai. Ketika ini, Dahlia dan Azhari diceritakan sama-sama tidak menyangka akan bertemu di situ. Novel menceritakan bahawa Dahlia terserempak dengan Azhari ketika ingin melawat ibunya. Petikan di bawah menunjukkan bagaimana dialog dituturkan oleh Azhari dan Dahlia yang berasa janggal serta kaku:

> **"Itu bilik 16, pergilah."**
> Dahlia memandang wajah Azhari.Wajah kian diselaputi mendung.
> **"Pergilah."**
> **"Az?"**
> **"Lia sahajalah pergi."**
> **"Memang emak Lia buruk…!"**
>
> Azhari serba salah. Membantah kelak ditafsir yang bukan-bukan. Saat-saat seperti ini, dia ingin memberikan keyakinan dan kebahagiaan. Lalu dia melangkah bersama-sama.
> Di depannya terdapat sebuah bilik seluas 3x5 meter, yang dipagarkan dengan jaring sebesar ibu jari. Dahlia merapati bilik kusam itu dengan hati tidak keruan.Terlihat di dalamnya seorang wanita sedang mencangkung. Melihat emaknya berpakaian compang camping, rambut berserabut, dan muka penuh daki, terbetik rasa kepiluan. Untuk seketika dia kehilangan kata-kata.
>
> **"Sabar Lia."**
>
> (Khairuddin Ayip, 2016: 111)

Berdasarkan petikan dialog di atas, terdapat unsur eufemisme yang digunakan, iaitu ketika Dahlia mengatakan bahawa emak dia "buruk" (memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain). Kalimat ini dituturkan sebagai gantian kepada gila dan hodoh. Hal ini menyebabkan Azhari diceritakan turut berasa simpati dengan nasib Dahlia. Dahlia menggunakan kata-kata yang lebih sopan kerana dia tidak mahu menghina ibunya sendiri. Walau bagaimanapun, kalimat tersebut juga menunjukkan bahawa Dahlia berasa rendah diri dengan keadaan ibunya.

Melalui proses komunikasi di atas, ditunjukkan bahawa tutur kata Dahlia dan Azhari menepati maksim simpati. Hal ini kerana Dahlia sendiri yang mengatakan bahawa ibunya buruk. Hal ini menunjukkan bahawa Dahlia meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan telah menggunakan kalimat yang pendek bagaikan mematikan setiap kata penutur yang mendengar. Malah Azhari juga diceritakan telah menunjukkan sikap yang sama iaitu meminimumkan antipasti antara dia dengan Dahlia. Azhari diceritakan telah meminta Dahlia untuk bersabar.

Ini jelas menunjukkan bahawa kecenderungan novel yang memaparkan kesopanan dalam berbahasa, iaitu dialog ini adalah bertepatan dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Kecenderungan novel terhadap proses komunikasi yang melibatkan kesopanan berbahasa ini menunjukkan betapa pentingnya sebuah perkataan yang lembut dan sopan terhadap emosi seseorang. Dalam petikan tersebut, jelas terlihat bahawa watak yang berdialog itu cuba untuk mematikan emosi masing-masing yang masih tidak keruan, terutamanya watak Dahlia. Oleh itu, perbuatan Azhari yang meminta Dahlia bersabar telah menyebabkan Dahlia cuba untuk menguatkan dirinya. Oleh itu, jelaslah bahawa maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan

memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain dilihat dalam dialog Dahlia dan Azhari.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa novel *Songket Berbenang Emas*, hasil penulisan Khairuddin Ayip ini telah menyerlahkan unsur eufemisme dalam setiap proses komunikasi (perbualan) antara watak-watak. Watak-watak dihadirkan dengan pelbagai konflik yang menyebabkan hadirkan proses komunikasi antara mereka untuk mengetahui punca, sebab dan akibat setiap perkara yang terjadi. Dalam proses komunikasi tersebut, watak-watak diceritakan telah berjaya menjaga tutur kata mereka agar lebih sopan dan lembut sesuai dengan tuntutan agama dan juga sebagai budaya dalam masyarakat Timur yang mementingkan budi bahasa. Malah kajian ini mendapati bahawa proses komunikasi yang terjadi antara watak telah menepati Prinsip Kesopanan Leech (1983). Dalam hal ini, kajian telah membuktikan bahawa ukuran kesopanan watak-watak telah menepati enam maksim yang ditetapkan oleh Leech.

BIBLIOGRAFI

Abdul Chaer. (1995).*Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: Penerbit Rineka

Ahmad Mahmood Musanif & Arbak Othman.(2010). *Fail Sosiolinguistik*. Kajang: Nusabuku Enterprise.

Asmah Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

H. Muhammad Darwis dan Kamsinah Darwis. (2013). Penggunaan Eufemisme Sebagai Strategi Kesantunan Bertutur Dalam Bahasa Bugis: Analisis Stilistika. Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah & Budaya di Alam Melayu pada tanggal 26 dan 27 November 2013 di ATMA Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Selangor.

Halis Azhan Mohd. Hanafiah.(2014). *Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia*. Tesis phD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Khairuddin Ayip. (2016). *Songket Berbenang Emas Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman.

Mia Nurdaniah. (2014). Prinsip Kesantunan Berbahasa Menurut Leech Pada Novel Pertemuan Dua Hati Karya NH Dini dan Implikaisnya Terhadap Pembelajaran Bahasa Indonesia di SMA. Sarjana Pendidikan. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.

Muhammad Hazim Hussin. (2015). *Kata Ganti Nama dan Ungkapan Santun dalam Novel KOMSAS Terpilih*. Sarjana Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Noriah Mohamed dan Jamilah Bebe Mohamad.(2016). Eufemisme Leksikal Dan Metafora Kematian Dalam Dialek Melayu Kedah.*Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 4, (June): 331-342.

Noor Hatini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar.(2011). Unsur Eufemisme Dalam Novel Papa Dan Azfa Hanani.*Jurnal Bahasa*. DBP KL: 83-108.

Nur Azimah Abdul Aziz @ Mohd Salleh, Halis Azhan Mohd.Hanafiah dan Roslina Abu Bakar.(2017). Analisis Kehendak Manusia Daripada Perspektif Islam Dalam Novel *Songket Berbenang Emas. Seminar Antarabangsa, Pendidikan, Bahasa,*

Sastera dan Budaya Melayu. 29-30 November 2017: 253-264.

Sara Beden & lndirawati Zahid. (2014). Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi struktur dan pola kcsopanan bahasa dalam pcristiwa Melunas Rindu. *Jurnal JA Tf* (*Journal of' Southeast Asean Studies*).19, 151-16R.

Sara Beden & lndirawati Zahid. (2015). Analisis Kesopanan Bahasa Dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech Dan Grice. *Jurnal Bahasa*. Jilid 15 Bil. 1: 143-172.

Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis Pola Kesopanan dalam Peristiwa Bahasa Melunas Rindu: Aplikasi Model Leech (1983) & Grice (1975). *Jurnal Linguistik.* Vol. 19 (2) Disember: 24-44.

Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis Kesopanan Bahasa Leech (1983) & Grice (1975): Manifestasi Pola & Struktur Kesopanan Bahasa Dalam Novel Melunas Rindu. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 26: 29-49.

Sara Beden & lndirawati Zahid. (2016). Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa: Komunikasi Bebas Konflik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 16 (1), February: 67-87

Sara Beden & lndirawati Zahid. (2016). Kombinasi Model Leech (1983) & Grice (1975): Manifestasi Pola Kesopanan Berbahasa Melunas Rindu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. Vol. 2: no. 2: 1–10.

Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan. (2017). Unsur Eufemisme Dalam Novel *Jalan Retak* Karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*.Volume 5 Number 1, March: 88-101

Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia. 29 Disember 2015. Dimuat turun daripada https://www.moe.gov.my/images/pekeliling/2015/circularfile_file_001349.pdf. (29 Oktober 2017)

Teo Kok Seong. (2003). *Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa, hlm.14-23.

Zulkifli Mohd Top.(2017). Kepercayaan Tahayul dalam *Songket Berbenang Emas*.*Pelita Bahasa* Bil. (6): 39- 42.

Pertanika

Gerbang sebaran hasil penyelidikan berkualiti tinggi

MAHAWANGSA
(Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)

Garis Panduan Penulisan dan Tatacara Serahan

Semakan: Ogos 2015

Sila baca dan patuhi garis panduan dengan teliti. Makalah yang memenuhi spesifikasi yang diberikan akan membantu melancarkan proses penerbitan. Lembaga Editorial berhak menolak makalah yang tidak mematuhi garis panduan ini.

LATAR BELAKANG

Pertanika merupakan jurnal berwasit antarabangsa yang berfungsi sebagai medium penerbitan dan perbincangan isu pertanian tropika serta bidang berkaitan. *Pertanika* memulakan penerbitan pertama pada 1978 sebagai *Journal of Tropical Agricultural Science*. Pada 1992, *Pertanika* diselaraskan kepada tiga jurnal berasingan, iaitu *Journal of Social Sciences & Humanities* (JSSH), *Journal of Tropical Agricultural Science* (JTAS) dan *Journal of Science and Technology* (JST), sebagai memenuhi keperluan jurnal yang lebih khusus dalam bidang pengajian. Pengasingan ini memberikan ruang tumpuan yang khusus terhadap kekuatan bidang yang pelbagai di universiti. Pada 2013, siri terbaharu dalam *Pertanika* telah diwujudkan, iaitu Jurnal Pertanika MAHAWANGSA. Siri jurnal ini lebih tertumpu kepada bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu. MAHAWANGSA diterbitkan dalam **bahasa Melayu** dengan kekerapan dua kali setahun, iaitu pada **Jun** dan **November** dan dibuka kepada penulis dari seluruh dunia.

MATLAMAT

Menyebarluaskan penyelidikan berkualiti tinggi kepada umum.

KUALITI

Pertanika menyasarkan kecemerlangan melalui profesionalisme dalam penerbitan. Keputusan penerimaan makalah dijamin dalam tempoh 14 minggu. Tempoh masa daripada serahan makalah sehingga penerbitan artikel adalah dalam purata 5-6 bulan.

INDEKS PETIKAN

Pertanika menyasarkan kecemerlangan melalui profesionalisme dalam penerbitan. Keputusan penerimaan makalah dijamin dalam tempoh 14 minggu. Tempoh masa daripada serahan makalah sehingga penerbitan artikel adalah dalam purata 5-6 bulan.

VISI

Pertanika akan terus mempertingkatkan kandungan, khidmat penyelidikan dan capaian arkib jurnal kepada umum. *Pertanika* berusaha merealisasikan wawasan baharu yang akan memberikan manfaat kepada ahli akademik dan masyarakat umum. Kemunculan medium atas talian menjadi pemacu utama sebaran berita penyelidikan terkini untuk pembaca *Pertanika.*

SKOP DAN MATLAMAT

Matlamat MAHAWANGSA adalah untuk menjadi peneraju utama dalam bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu merentas multidisiplin. Kandungan penulisan boleh berbentuk konseptual, teoritikal, empirikal, sejarawi, dan sebagainya dalam kerangka kebahasaan, kesusasteraan, pendidikan, kebudayaan dan warisan Melayu. Ranah pengajian mestilah meliputi alam Melayu dan diaspora Melayu.

Kenyataan Redaksi

Pertanika ialah jurnal rasmi Universiti Putra Malaysia. Singkatan untuk Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu ialah ***MAHAWANGSA***.

GARIS PANDUAN PENULISAN

Dasar Penerbitan

Dasar *Pertanika MAHAWANGSA* **melarang penghantaran makalah yang sama untuk penilaian serentak oleh dua atau lebih penerbitan**. Penerbitan semula mana-mana makalah yang telah diterbitkan oleh pihak penerbitan lain sama ada secara menyeluruh atau sebahagiandaripadanya juga dilarang. Penerbitan semula makalah yang telah diterbitkan secara keseluruhan dalam bentuk prosiding juga dilarang.

Proses Editorial

Penulis akan dimaklumkan tentang penerimaan makalah, status dan sebarang keputusan berkaitan dengan proses penerbitan oleh pihak Editorial dari semasa ke semasa.

Proses Pewasitan: Makalah yang sesuai untuk diterbitkan akan dimajukan kepada sidang editorial dan/atau pewasit. Penulis digalakkan untuk mencadangkan pewasit yang berpotensi untuk pewasitan. Makluman keputusan sidang editorial lazimnya mengambil masa **8 hingga 10 minggu** daripada tarikh penerimaan makalah. Sidang editorial tidak menjamin penerbitan setiap makalah.

Kebenaran Penulis: Penulis bertanggungjawab terhadap semua kenyataan yang disiarkan dalam makalah tulisannya, termasuk perubahan yang dilakukan oleh editor. Penulis perhubungan diminta bersedia untuk berunding dengan editor jurnal untuk menjawab soalan semasa proses editorial dan meluluskan salinan makalah yang telah disunting**. Penulis akan menerima versi makalah yang telah disunting untuk kelulusan akhir.** Untuk melancarkan proses penerbitan, sebarang perubahan pada makalah yang sudah disunting dan diluluskan adalah tidak dibenarkan.

Penyediaan Makalah

Pertanika Mahawangsa menerima serahan empat jenis makalah. Setiap serahan diklasifikasikan sebagai **makalah** atau **karya asli**, **ulasan buku**, **nota penyelidikan** dan juga cadangan untuk terbitan **isu khas**. Makalah harus ditulis dalam **bahasa Melayu** dan mestilah tepat, jelas, mudah difahami dan berupaya menyampaikan isi dengan baik menggunakan aturan bahasa Melayu yang gramatis.

Penulis digalakkan membuat **semakan bahasa** sebelum dimajukan kepada pihak editorial. Makalah yang lemah dalam pengunaan tatabahasa akan ditolak serta-merta.

Penggunaan singkatan perkataan adalah diterima. Penggunaan *slang*, jargon atau singkatan yang tidak jelas adalah dilarang. Unit dalam sukatan metrik dibenarkan dan sekiranya unit ukuran (penjelasan) dalam bahasa Inggeris digunakan, unit tersebut hendaklah dimasukkan di dalam kurungan. Sebarang singkatan perkataan hendaklah dieja penuh pada setiap kali penggunaan pertama dalam teks

Pewasitan

Makalah yang diterima disemak melalui proses pewasitan. Pewasit bagi setiap makalah terdiri daripada pakar bidang dalam skop makalah. Pewasit akan dipilih oleh sidang editor jurnal atau dipertimbangkan melalui cadangan pewasit yang telah dinamakan oleh penulis.

Pewasit akan mengemukakan penilaian bertulis yang menyatakan kekuatan dan kelemahan makalah bagi tujuan penambahbaikan dan pengenalpastian bahan sokongan tambahan yang sesuai untuk makalah tersebut.

Makalah akan dinilai oleh **dua hingga tiga orang** pewasit. **Penulis digalakkan untuk mencadangkan nama pewasit yang berpotensi dan dinyatakan dalam borang penilaian.** Walau bagaimanapun, cadangan yang dikemukakan tetap tertakluk kepada keputusan akhir editor.

Makalah dinilai berdasarkan kandungan. Oleh itu, editor berhak membuat suntingan pada teks untuk mengelakkan kekaburan makna dan pengulangan serta meningkatkan komunikasi antara penulis dengan pembaca. Makalah akan dikembalikan kepada penulis untuk semakan sekiranya perubahan perlu dilakukan.

Proses Semakan Jurnal

Tujuh langkah proses semakan editorial:

1. Editor Eksekutif meneliti makalah untuk menentukan kesesuaiannya dengan skop jurnal. Makalah yang tidak sesuai dengan skop jurnal akan ditolak. Penulis akan dimaklumi sekiranya makalah ditolak.
2. Editor Eksekutif akan menghantarkan maklumat identifikasi makalah kepada dua hingga tiga pewasit. Salah seorang pewasit biasanya terdiri daripada sidang editorial jurnal, sementara dua orang pewasit lain mewakili pakar dalam bidang atau disiplin perbincangan makalah tersebut. Proses penilaian melibatkan dua borang, iaitu (a) **'Borang Pewasitan'** dan (b) **'Borang Ulasan Pewasit'** bersama **'Panduan Pewasitan'**. Proses pewasitan ini mengambil masa dua hingga tiga minggu. Ulasan yang diberikan merangkumi kesesuaian kerangka teori dan konseptual, sorotan kajian, metodologi, dapatan, perbincangan dan kesimpulan. Pewasit biasanya akan menyertakan bersama cadangan penambahbaikan. Ulasan dan penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kepentingan dan sumbangan makalah terhadap perkembangan disiplin ilmu.
3. Editor Eksekutif meneliti laporan pewasitan. Editor Eksekutif akan berunding dengan Ketua Editor untuk memutuskan sama ada sebuah makalah wajar ditolak atau diserahkan semula kepada penulis untuk pembetulan. Keputusan akhir

tertakluk kepada sidang editorial yang berhak menolak apa-apa bahan untuk diterbitkan. Dalam beberapa keadaan, makalah diterima dengan hampir tiada semakan. Laporan pewasitan akan dimajukan kepada penulis dengan sedikit penambahan daripada editor untuk memudahkan penulis mengambil tindakan mengikut cadangan panel pewasit.

4. Penulis memberikan jawapan terhadap ulasan penilaian. Penulis dikehendaki menghantarkan edisi semakan makalah kepada Editor Eksekutif bersama-sama maklumat khusus yang memerihalkan respons terhadap laporan pewasitan.

5. Setelah selesai proses semakan, Editor Eksekutif, sidang editorial dan Ketua Editor akan membuat semakan terhadap laporan pewasitan. Keputusan sama ada makalah tersebut diterima untuk penerbitan atau memerlukan semakan semula atau ditolak akan dibuat pada peringkat ini.

6. Makalah yang memerlukan semakan semula akan dihantar kepada penilai selain penilai asal makalah tersebut.

7. Makalah yang diterima akan dihantar kepada Bahagian Penerbitan untuk dicetak. Proses cetakan makalah mengambil masa lebih kurang 3 bulan. Pihak penerbit akan memastikan bahawa makalah mematuhi gaya penulisan yang ditetapkan (petikan, rujukan, jadual, kejelasan dan tatabahasa). Penulis diminta memberikan kerjasama terhadap sebarang keperluan dan pertanyaan daripada pihak penerbitan. Halaman yang sudah siap disemak akan dihantar kepada penulis utama untuk pengesahan akhir. Sebarang perubahan pada penulisan pada tahap ini hanya melibatkan perubahan yang penting. Makalah yang telah melalui kesemua proses ini akan diterbitkan dalam talian pada keluaran semasa.

Jurnal *Pertanika* menerima makalah berbentuk:

1. Makalah

Definisi: Karya asli yang menampilkan kajian empirikal. Kajian asal yang dirujuk mestilah disertakan dengan rujukan yang jelas. Sementara itu, penjelasan berkaitan penemuan dalam kajian haruslah yang terkini.

Panjang Makalah: Jumlah perkataan **tidak melebihi 6000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

2. Ulasan Buku

Definisi: Penilaian ringkas tentang sesuatu karya (buku, hasil seni, makalah dan sebagainya). *Panjang Ulasan*: Jumlah perkataan **tidak melebihi 6000 perkataan** (tidak termasuk muka surat absrak dalam bahasa Melayu dan Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

3. Nota Penyelidikan

Definisi:- Maklumat baharu berkaitan sebahagian atau keseluruhan dapatan kajian dalam bentuk penulisan ringkas yang rinci. Nota penyelidikan sesuai untuk penerbitan berkaitan disiplin teknikal atau penemuan baharu tentang mana-mana disiplin atau subdisiplin ilmu yang mempunyai hubungan dengan budaya, warisan dan bahasa Melayu.

Panjang Laporan:- Jumlah perkataan **tidak melebihi 3000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

4. Isu Khas

Definisi: Bahan daripada hasil kajian yang telah dibentangkan dalam persidangan, seminar, kongres atau simposium.

Panjang Makalah: Jumlah perkataan **tidak melebihi 4000-8000 perkataan** (tidak termasuk muka surat absrak dalam bahasa Melayu dan Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

5. Lain-lain

Definisi: Laporan ringkas, kajian kes, komen, Surat kepada Editor, dan balasan pada makalah sebelum ini yang disiarkan boleh dipertimbangkan.

Panjang Makalah: Jumlah perkataan **tidak melebihi 2000 perkataan**.

FORMAT

Penulis digalakkan untuk menyediakan makalah dalam format **Microsoft Word**. Teks ditulis dalam **satu ruang lajur** (*column*) dengan **margin 4cm** dan **langkau 2 baris**. Penulis digalakkan untuk menggunakan rupa taip ***Times New Roman,*** dengan saiz fon **12** poin. Penulis dinasihati agar memberikan perhatian pada penggunaan aksara/rupa taip khas dalam penulisan sekiranya penulisan tersebut menggunakan jenis rupa taip berbeza daripada aksara khas, terutamanya fon *Symbol* dan *Mincho*.

Penulis diminta meninggalkan satu jalur kosong antara setiap perenggan teks dan rujukan. Jadual dan gambar rajah perlu diasingkan daripada teks ataupun diletakkan pada ruang lampiran.

Pengarang dikehendaki memberikan penomboran pada setiap muka surat.

JUDUL

Judul bagi setiap jenis penulisan hendaklah ditulis dalam **bahasa Melayu dan bahasa Inggeris** dengan **tidak melebihi 10 perkataan**. Judul ditulis menggunakan fon dan saiz fon yang sama dengan penulisan teks penuh.

ABSTRAK

Abstrak perlu ditulis dalam **bahasa Melayu dan bahasa Inggeris** dengan **tidak melebihi 200** perkataan bagi makalah dan **tidak kurang daripada 100 perkataan** bagi nota penyelidikan. Abstrak perlu ditaip menggunakan saiz **fon 11poin** dengan **langkau sebaris *(single spacing).*** Penulis perlu menyertakan **5 hingga 8 kata kunci** pada ruang di bawah abstrak untuk menjelaskan keseluruhan isi kandungan makalah.

SUNAN MAKALAH

Halaman 1: Judul

Judul mestilah tidak melebihi 10 perkataan. Singkatan bagi judul makalah perlu diletakkan di jidar bahagian atas setiap halaman makalah (*header*).

Halaman 2: Maklumat Penulis dan Penulis Utama:

Halaman ini harus mengandungi judul makalah beserta nama penulis, institusi dan alamat penuh serta saluran untuk dihubungi (sambungan pejabat, telefon bimbit, fax dan alamat e-mel). Nama penulis mestilah ditulis dalam bentuk singkatan sebagaimana yang digunakan dalam sistem penamaan antarabangsa. Misalnya, Salleh, A.B., Tan, S.G., atau Sapuan, S.M.

Alamat Penulis

Bagi makalah yang ditulis oleh lebih daripada seorang penulis dengan alamat yang berbeza, alamat setiap penulis perlu diberikan penomboran dengan menggunakan superskrip.

George Swan[1] dan Nayan Kanwal[2]

[1] Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Duke, Durham, Carolina Utara, USA.
[2] Pejabat Timbalan Naib Canselor (P&I), Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia.

Halaman 3: Halaman ini mengandungi tajuk penuh makalah beserta abstrak (sila rujuk Subtajuk Abstrak untuk panduan penulisan abstrak).

Halaman 4 dan seterusnya: Halaman ini harus dimulai dengan pengenalan makalah. Perbincangan subtajuk selepasnya bermula daripada halaman 5 dan seterusnya.

Singkatan

Sebarang singkatan yang digunakan dalam penulisan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan disusun mengikut abjad. Perkataan atau frasa yang menggunakan singkatan perlu ditulis penuh pada setiap kali penggunaan kali pertama dalam teks dan disertakan singkatan baginya dalam kurungan ( ).

Nota kaki

Alamat semasa penulis sekiranya berbeza dengan paparan di bahagian jidar atas halaman perlu dinyatakan pada nota kaki.

Kandungan

Makalah perlu mengandungi bahagian **pengenalan, bahan dan kaedah, dapatan dan perbincangan dan penutup**.

Jadual

Semua jadual hendaklah tekal dengan format dan kesesuaian isu semasa jurnal dan hendaklah dinomborkan dengan angka Arab (1,2,3...). Bahan rujukan perlu disertakan dalam bentuk jadual dan nota kaki. Setiap jadual dilampirkan dalam halaman yang berasingan.

Perhatian: Jadual bagi makalah yang diterima untuk penerbitan mestilah diserahkan dalam bentuk:- .doc, .rtf, excel atau powerpoint- jadual yang diserahkan dalam bentuk data imej tidak boleh disunting untuk penerbitan.

Formula dan Persamaan

Sebarang rumus, persamaan dan formula yang digunakan dalam makalah perlu dinyatakan dengan jelas dan ditaip dengan langkau 3 baris . Penomboran rumus ditulis dalam tanda kurung siku [ ] dan diposisikan di margin kanan penulisan.

Rajah dan Gambar

Penulis yang melampirkan rajah atau gambar dinasihati agar menggunakan aplikasi yang menyediakan fail TIFF beresolusi tinggi. Secara umumnya, pihak editorial menerima resolusi. 300 dpi atau yang lebih tinggi untuk lampiran berwarna dan karya hafton; 1200 dpi atau yang lebih tinggi untuk lukisan garis.

Bagi fail bersaiz besar, penulis boleh melampirkan rajah beresolusi rendah yang jelas untuk memastikan bahawa saiz makalah sesuai untuk penghantaran secara atas talian. Penulis boleh memohon persembahan ilustrasi berwarna dengan kos tambahan sebanyak Ringgit Malaysia 50 bagi setiap halaman berwarna.

RUJUKAN

Nama penulis dan tahun terbitan hendaklah diletakkan bagi petikan rujukan dalam teks. Bagi rujukan yang ditulis oleh lebih daripada dua orang , nama penulis pertama perlu diikuti dengan '*et al.*,'

Swan dan Kanwal (2007) melaporkan bahawa ...

Dapatan kajian ini ditafsirkan sebagai ... (Kanwal *et al.,* 2009).

Senarai rujukan perlu disusun mengikut abjad nama penulis. Bagi penulis yang sama atau kumpulan penulis yang sama, rujukan perlu disusun secara kronologi. Sekiranya penulis mempunyai lebih daripada satu penerbitan dalam tahun yang sama, angka 'a', 'b' dsb ditambahkan pada tahun terbitan.

Sekiranya teks rujukan ditulis oleh lebih daripada 11 orang penulis, senaraikan 5 penulis dan diikuti dengan et al.,

Dilarang menggunakan ensotan *(indent)* dalam penulisan rujukan. Gunakan langkau baris untuk mengasingkan setiap rujukan. Nama jurnal perlu ditulis penuh.

Contoh:

Mellers, B. A. (2006a). Choice and the relative pleasure of consequences. *Psychological Bulletin, 126,* 910-924.

Mellers, B. A. (2006b). Treatment for sexually abused children and adolescents. *American Psychologist, 55,* 1040-1049.

Hawe, P. (2005). Capturing the meaning of "community" in community intervention evaluation: Some contributions from community psychology. *Health Promotion International, 9,*199-210.

Braconier, H., & Ekholm, K. (2006). Swedish multinationals and competition from high and low wage location. *Review of International Economics, 8,* 448-461.

Sebarang data yang belum diterbitkan dan komunikasi peribadi tidak dianggap sebagai petikan rujukan. Bagaimanapun, penulis boleh menyatakan bahan tersebut dalam kurungan ( ). Artikel yang sudah diterima untuk penerbitan (*in press*) boleh dijadikan rujukan dengan menyatakan penerbit dan tarikh terbitan bagi artikel tersebut dalam rujukan (jika ada).

Contoh petikan rujukan:

Monograf: Kalimapour, Y.R. (2004). *Images of the U.S. Around the World: A Multicultural Perspective*. Albany, NY: State University of New York Press.

Bab dalam buku: Bjork, R. A. (2007). Retrieval inhibition as an adaptive mechanism in human memory. Dalam H. L. Roediger III & F. I. M. Craik (Eds.), *Varieties of memory & consciousness* (pp. 309-330). Hull: Hull University Press.

Prosiding: Amir Awang. (2006). Counseling, human resources development and counseling services. Dalam Sulaiman M. Yassin, Yahya Mat Hassan, Kamariah Abu

Bakar, Esah Munji dan Sabariah Mohd. Rashid (Eds.), *Proceedings of Asia Pacific Conference on Human Development* (p. 243-246). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

GAYA MAKALAH

Makalah yang diserahkan untuk penerbitan harus mematuhi panduan versi terkini Manual Penerbitan *American Psychological Association (APA).* Jurnal ini menerima ejaan Amerika dan British untuk penulisan yang melibatkan penggunaan bahasa Inggeris. Penulis boleh menggunakan edisi terkini *Oxford Advanced Learner's Dictionary* sebagai panduan untuk ejaan British.

PENYERAHAN MAKALAH

Surat Iringan

Penyerahan manuskrip perlu disertakan dengan surat iringan yang menyatakan maklumat makalah yang diserahkan. Makalah yang diterima untuk penerbitan dalam jurnal ini ialah tulisan yang asli dan belum pernah diterbitkan atau dihantar kepada mana-mana syarikat penerbitan. Perkara ini perlu dinyatakan dalam surat iringan.

Penulis juga perlu memaklumkan dalam surat iringan bahawa kesemua penulis telah memberikan sumbangan dalam proses penulisan makalah dan telah bersetuju dengan kandungan makalah yang dihantar untuk penerbitan.

Surat iringan perlu mengandungi **(i) tajuk; (ii) nama penuh penulis; (iii) alamat institusi; (iv) poskod dan alamat e-mel, faksimili dan nombor telefon penulis perhubungan.** Alamat semasa bagi penulis yang berbeza dengan alamat insititusi hendaklah dinyatakan pada ruangan nota kaki.

Suntingan Bahasa

Pertanika menitikberatkan aspek ketepatan dalam penggunaan bahasa bagi setiap makalah yang diterbitkan. Penulis dinasihati untuk **memastikan bahawa manusrip yang dihantar menggunakan bahasa Melayu yang baik, jelas dan tepat dari segi tatabahasa.** Khidmat semakan profesional boleh digunakan bagi tujuan ini. Makalah yang baik dari segi bahasa akan memudahkan dan mempercepat urusan semakan untuk penerbitan.

Polisi Arkib

Penulis yang memerlukan pemulangan sebarang bahan yang ditolak untuk penerbitan harus menyatakan sedemikian dalam surat iringan. Hal ini kerana pihak Editorial akan melupuskan semua bahan bercetak dan elektronik sekiranya tiada tuntutan daripada penulis secara bertulis seperti yang disebutkan.

Hak cipta

Penulis dikehendaki menandatangani **Borang Akuan** yang menyatakan bahawa penulis telah mendapat kebenaran untuk menggunakan bahan hak cipta dan bahan terbitan sebelumnya. Sekiranya penulis utama menandatangani Borang Akuan bagi pihak penulis yang lain, syarat yang digariskan dalam Borang Akuan hendaklah dibaca dan dipersetujui oleh kesemua penulis yang terlibat sebelum ditandatangani. Makalah tidak akan diterbitkan selagi Borang Akuan hak cipta belum ditandatangani.

Jeda Masa

Jangka waktu keputusan penerimaan dan penolakan makalah ialah tiga hingga empat bulan (lebih kurang 14 minggu). Jangka waktu antara penyerahan makalah dengan penerbitan adalah lebih kurang lima hingga enam bulan.

Salinan Cetak Jurnal dan Cetak Ulang

Penulis utama akan menerima satu salinan cetak *(hardcopy)* jurnal yang mengandungi makalah tulisannya.

PROSEDUR SERAHAN

Makalah perlu diserahkan bersama-sama **'Surat Iringan' dan 'Kit Penyerahan Makalah'** yang telah lengkap diisi. Makalah yang dihantar perlu memenuhi garis panduan dan tatacara yang telah dinyatakan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan makalah dipulangkan dan menimbulkan kelewatan penerbitan. Penyerahan makalah dalam bentuk CD adalah diterima. Penulis dinasihati untuk menyimpan salinan makalah dan dokumen berkaitan untuk rujukan peribadi. Penulis dikehendaki memaklumkan sebarang pertukaran alamat pada makalah yang dihantar sebelum suntingan akhir.

Makalah hendaklah diserahkan melalui Ketua Editor untuk tindakan seterusnya ke alamat seperti yang berikut::

Ketua Editor
MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)
Pejabat Dekan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor,
Malaysia

e-mel: mahawangsa@upm.edu.my

Tel: + 603-9769 3714

Pengarang dinasihatkan untuk menyimpan salinan makalah dan dokumen berkaitan untuk rujukan peribadi. Pengarang dikehendaki memaklumkan sebarang pertukaran alamat pada makalah yang dihantarsebelum suntingan akhir.



Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

http://www.mahawangsa.upm.edu.my/
E-mail: mahawangsa@upm.my
Tel: +603 9769 3714

PENERBIT UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PRESS

http://www.penerbit.upm.edu.my/
E-mail: penerbit@upm.my
Tel: +603 8946 8855

ISSN 2289-7259
06>
9 772289 725004